

Mingguan Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



Siapa yang anda pilih sebagai First Lady?



Cara hadapi tipudaya SPR yang berat sebelah



Kerjasama Umno-Pas: Calon SPM lawan tokoh Pas di Terengganu



→ ms9

IKRAR UNTUK RAKYAT



SEMUA calon PH berikrar akan meletakkan harapan rakyat lebih utama dari kepentingan pribadi dan parti dalam pilihan raya umum kali ini.

CALON Pakatan Harapan di seluruh negara berikrar akan sentiasa meletakkan harapan rakyat melebihi kepentingan peribadi dan parti dalam melaksanakan kewajipan mereka sebagai wakil rakyat selepas memenangi pilihanraya umum ke 14 nanti.

Mereka juga berikrar akan memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Raja dan negara, keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan menamatkan pemerintahan Barisan Nasional dan membina negara, memenuhi harapan iaitu Malaysia yang lebih baik.

→ Laporan penuh muka 2

RAYUAN DANA PRU14

PARTI AMANAH NEGARA

SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN KE NO AKAUN:

564294309586

Parti Amanah Negara

Maklumkan sumbangan anda ke email kewangan@amanah.org.my

Ikrar calon PH: Rakyat melebihi peribadi dan parti

CALON Pakatan Harapan di seluruh negara berikrar akan memberikan taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada Raja dan negara, keluhuran Perlembagaan, kedaulatan undang-undang dan menamatkan pemerintahan Barisan Nasional dan membina negara, memenuhi harapan iaitu Malaysia yang lebih baik.

Mereka juga berikrar akan sentiasa meletakkan harapan rakyat melebihi kepentingan peribadi dan parti dalam melaksanakan kewajipan kami sebagai wakil rakyat selepas memenangi pilihanraya ini.

"Kami akan melaksanakan amanah ini dengan jujur, ikhlas dan bertanggungjawab, menjalankan tugas kami dengan cekap, adil dan

saksama, menjauhi perbuatan mungkar dan menyalahi undang-undang, menegakkan makruf, menghormati prinsip demokrasi dan melindungi hak rakyat," ikrar mereka dalam pertemuan semua calon PH Selasa lepas.

Ikrar yang dibacakan oleh calon PH di Setiawangsa, Nik Nazmi Nik Ahmad tu diikuti juga oleh pengurus PH, Tun Dr Mahathir Mohamad yang bertanding di Langkawi.

Turut berikrar adalah Datuk Seri Dr Wan Azizah Ismail yang akan bertanding di Pandan, Mohamad Sabu yang akan bertanding di Kota Raja dan juga Lim Guan Eng yang akan bertanding di Bagan.

Selain mereka ratusan calon PH untuk parlimen dan negeri di



Sebahagian calon PH yang melafazkan ikrar mereka untuk menjaga kepentingan rakyat lebih dari pribadi dan parti Selasa lepas.

seluruh negara juga membuat ikrar yang sama yang dilafazkan

di Dewan Sivik Majlis Perbandaran Petaling Jaya petang Selasa lepas.

Selain itu, mereka memulakan ikrar dengan menyebut nama Allah dan "Wallahi wa billahi wa ttal-lahi" bagi calon beragama Islam.

Sebagai calon PH, mereka menerima dan menjunjung amanah pucuk pimpinan Pakatan Harapan menjadi calon Pilihan Raya Umum ke-14.

Mereka juga berjanji "akan memenuhi amanah ini dengan se-daya upaya kami demi merealisasi aspirasi rakyat ke arah sebuah kerajaan baru selepas Pilihanraya Umum ke-14."

Mereka juga berjanji "Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing. Gunung sama didaki, lurah sama dituruni. Biar putih tulang, jangan putih mata, Kerana Malaysia Milik rakyat bersama."

Tsunami rakyat sudah landa Johor

SEBULAN sebelum parlimen dibubarkan, pengkaji politik Mohamad Hisomuddin Bakar yakin Barisan Nasional (BN) akan mengekal-kan negeri kubunya Johor dalam pilihan raya umum ke 14 ini.

Namun, selepas parlimen dibubarkan, apabila beliau turun ke majlis Jelajah Pakatan Harapan (JPH) di Pagoh, Johor, beliau berpendapat gelombang PH atau tsunami rakyat sudah melanda Johor.

"Bagi saya gelombang PH sedang melanda Johor dan juga sebahagian Pahang," kata Hisomuddin ketika mengulas perkembangan terbaru politik Malaysia seminggu sebelum penamaan calon PRU 14.

Beliau yang turut berada di Pagoh ketika jelajah itu berlangsung berkata, yang lebih menarik dalam JPH Pagoh adalah penyerta-

an anak muda yang sangat ramai. Sebelum itu, JPH berlangsung di Pasir Gudang dan Muar, Johor turut mendapat sambutan yang sama.

"Bayangkan, kereta terpaksa diletakkan sepanjang tiga kilometer sepanjang jalan masuk ke tempat perhimpunan, satu KM di kiri dan dua KM di kanan, dan yang ramai datang adalah anak muda.

"Bila saya tanya kenapa mereka datang, mereka kata kami tak mahu susahkan diri selama lima tahun lagi jika undi BN, cukuplah apa yang kami lalui sekarang," cerita Hisomuddin tentang perhimpuan.

Mohamad Hisomuddin Bakar



nan di Pagoh, kawasan yang akan ditandingi Presiden Bersatu, Tan Sri Muhyidin Yassin itu.

Anak-anak muda ini bercerita, BN ada menawarkan kepada mereka RM50 hingga RM70 satu malam untuk memasang poster mereka.

"Kami tak mau senang sekejap tetapi susah lima tahun lagi," cerita Hisomuddin tentang apa yang dikatakan anak muda ini kepada beliau di Pagoh.

Menurut Hisomuddin, dengan gelombang ini, hampir kesemua kerusi marginal di Johor akan jatuh ke tangan PH dalam PRU 14 ini.

"Bila kerusi marginal jatuh, bermakna Umno

terpaksa bertahan di kerusi luar bandar sahaja dan terlepas bandar dan pinggir bandar," katanya.

Bagi Hisomuddin, turut akan menjadi korban gelombang ini adalah Pas yang tidak berada dalam arus utama ini.

"Saya boleh jangkakan Pas akan 'wipe out' (disapu bersih) kali ini kerana mereka tidak ada dalam arus ini," kata beliau.

Pada penghujung Mac lalu, Hisomuddin meramalkan hanya pengundi yang tinggal di sekitar lebuhraya Utara Selatan (PLUS) sahaja mula berubah ke arah PH manakala yang tinggal di pedalaman khasnya di pantai timur Johor masih senang dengan Umno dan BN.

Ketika itu, Pengarah Eksekutif II-

ham Center itu berkata Johor akan kekal jadi kubu kuat Umno dan Barisan Nasional.

"Pengundi Melayu di sekitar laluan Lebuhraya Utara Selatan (PLUS) seperti Muar, Batu Pahat dan Johor Bahru mula dilihat berubah tetapi pengundi di luar bandar khasnya pantai timur Johor seperti Mersing, Kota Tinggi dan Pengerang masih kekal dengan BN," kata Hisomuddin ketika itu.

Kajian kumpulan fokus yang beliau buat di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Semerang di bawah Parlimen Air Hitam dan kawasan Felda di Johor ketika itu mendapati secara keseluruhannya, majoriti pengundi Melayu Johor masih mahu kekal bersama Umno berbanding berpindah kepada PH.


Siapa yang ada pilih sebagai First Lady?

SIAPAKAH yang anda pilih untuk menjadi 'Malaysia First Lady atau isteri perdana menteri, Datin Seri Rosmah Mansor atau Tun Dr Siti Hasmah Mohamad Ali?'

Rakyat Malaysia yang menyertai satu poll nampaknya memilih Siti Hasmah apabila 98.59% undi diberikan kepada isteri Tun Dr Mahathir Mohamad, calon PM dari Pakatan Harapan itu.

Inilah yang diperolehi oleh aplikasi 'Demi Rakyat' yang membuat poll mengenai topik itu.

Rosmah hanya memperolehi 1.41% sahaja undi dalam poll ini.



Undi Pas = Undi BN

Oleh ARIF ATAN

KEPONG: Sikap BN yang menyebelahi Pas dan pada masa sama mengakui menerima 'derma' mencécah jutaan ringgit menjadikan kedua-dua parti tersebut tiada beza.

Presiden AMANAH Mohamad Sabu berkata, hubungan BN-Pas menjelang pilihan raya umum ke-14 (PRU-14) ini menunjukkan mereka berkawan ketika Pakatan Harapan (PH) ditekan.

"Pilihan raya yang berlangsung lagi dua minggu ini kita sudah kenal siapa kawan, siapa lawan. Kawan kita adalah Bersatu (PPBM), Keadilan, DAP, AMANAH sudah tentu kawan serta NGO-NGO bersama kita."

"Lawan kita BN-Pas. Mengundi Pas sama dengan mengundi BN. Sebab mereka satu dalam dua, dua dalam satu," tegasnya sempena Makan Malam Dana dan Amanat PRU-14 AMANAH di Kompleks Desa, dekat

sini, baru-baru ini.

Menurutnya, pimpinan Pas sekarang sudah menggunakan alasan sama seperti Penggerusi BN berhubung penerimaan wang dalam jumlah yang amat besar menerusi akaun bank.

"Sekarang, bahasa sudah bertukar. Najib mahaguru politik Malaysia. Itu (derma RM2.6 bilion) sedekah Pak Arab. Rupanya ayat itu juga yang diguna oleh Pas sekarang."

"Kami (Pimpinan Pas) ada orang sedekah RM2.5 juta. Siapa nak sedekah sebanyak itu?" bidasnya mengaitkan pengakuan Ahli Jawatankuasa (AJK) Pas Pusat, Dr Zuhdi Marzuki pada 19 April lalu yang mengesahkan Pas menerima wang sebanyak itu pada tarikh 23 Mac 2018.

Pengerusi BN dan Presiden Pas sudah beberapa kali sepantas dalam program sama sejak akhir 2015.

Tiga tahun lalu, Penggerusi BN Najib

Razak pada mulanya menganggap pendedahan The Wall Street Journal (WSJ) tentang kemasukan hampir AS\$700 (RM2.6 bilion) ke akaun peribadiya sebagai fitnah dan konspirasi pembangkang.

Namun Peguam Negara, Tan Sri Mohamed Apandi Ali, pada 26 Januari 2016 berkata, siasatannya mendapati jumlah RM2.08 bilion yang dimasukkan ke dalam akaun Najib adalah sumbangan peribadi daripada keluarga diraja Saudi pada 2013.

Bahkan, Apandi memberitahu RM2.03 bilion kemudian telah dipulangkan kepada penderma pada tahun yang sama.

Mengulas lanjut, Mohamad menganggap Pas pada masa ini bukan lagi parti pembangkang sebenar yang menentang rejim BN pada PRU-14.

"Bila parti pemerintah sedekah kepada parti yang nak lawan dia, erti mereka berkawan."

"Bila dia tekan parti Bersatu bererti

Bersatu sebenarnya pembangkang yang muh lawan kerajaan Najib," tegas mantan Timbalan Presiden Pas itu diikuti tepukan gemuruh hadirin di Dewan Perdana Zafran.

Sehubungan itu, Mohamad yang juga Timbalan Presiden PH menyifatkan pemilihan PPBM sebagai kawan untuk menentang BN sebagai pilihan tepat.

"AMANAH memilih Bersatu adalah pilihan yang tepat untuk menghadapi BN. Kita memilih kawan yang tepat sebab kalau pembangkang yang nak lawan itu dibeli dengan duit, itu bukan lawan tapi nak berkawan."

"Sebab itu, bendera BN dan Pas naik serentak. Kami dulu naik pokok kelapa, tebang pokok buluh, pinang."

"Sekarang bendera Pas naik dengan (tiang) besi, naik poster besar dengan kren. Kami dulu kutip duit merata pakai plastik."

"Orang kata parti kopiah bergerak," seloroh Mohamad.

DAP letak calon Melayu teramai pada PRU14

KUALA LUMPUR: DAP meletakkan 10 calon Melayu untuk kerusi Parlimen dan negeri di Semenanjung, jumlah teramai sejak penubuhan parti itu pada 1966, kata Naib Pengurusnya M Kulasegaran.

"Pencalonan lebih ramai calon Melayu menunjukkan kami sedang berkembang seja-jar perubahan lanskap politik," katanya kepada FMT.

DAP adalah parti berbilang kaum, walaupun kebanyakan pemegang jawatan terdiri dari-pada kaum Cina.

Adun Mentakab, Tengku

Zulpuri Shah Raja Puji dicalonkan untuk kerusi Parlimen Raub yang dimenangi Datuk Mohd Ariff Sabri Abdul Aziz pada 2013.

Disebabkan faktor kesihatan, Ariff tidak dicalonkan untuk mempertahankan kerusi itu.

Ahli Parlimen Bukit Bendera, Zairil Khir Johari akan bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Tanjung Bungah, manakala ahli Majlis Bandaraya Pulau Pinang, Syerleena Abd Rashid diletakkan di Dun Seri Delima.

Ahli Majlis Perbandaran

Kajang, Young Syefura Othman pula akan bertanding di Dun Ketari di Bentong dan veteran DAP, Abu Bakar Lebai Sudin diturunkan di Dun Pulau Manis, satu daripada 2 kerusi Dun di Pekan yang disandang Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak.

Bekas pensyarah undang-undang, Abdul Aziz Bari dicalonkan di kerusi Dun Tebing Tinggi di Perak dan Ahli Majlis Perbandaran Selayang, Edry Faizal Yusof bertanding di Dun Dusun Tua.

Ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya, Jamaliah Jamalud-

din diletakkan di kerusi Dun Bandar Utama, bekas aktivis Pemuda Pas, Sheikh Omar Ali akan bertanding di kerusi Dun Paloh di Johor dan Timbalan Penggerusi DAP Melaka, Norhizam Hassan Baktee dicalonkan di Dun Pengkalan Batu.

Pada pilihan raya umum 1969, calon DAP, Ibrahim Singgeh menewaskan calon Umno di kerusi Dun Tapah, Perak manakala Hassan Ahmad mengalahkan calon Umno di Si Rusa, Negeri Sembilan.

Pada 1974, Daing Ibrahim Othman menewaskan calon MCA di kerusi Dun Pasir Puteh, Perak.

Pada 1982, Mohd Fadzlan Yahya mengalahkan calon MCA di Dun Pasir Bedamar, Perak.

Bekas pemimpin kesatuan sekerja, Ahmad Nor menjadi ahli Parlimen DAP berbangsa Melayu yang pertama selepas memenangi kerusi Bayan Baru pada 1990.

Pada 2013, Zairil dan Ariff dipilih sebagai ahli Parlimen, manakala Tengku Zulpuri menjadi Adun Mentakab.

Rakyat Kelantan tidak bertanah akan diberi tanah

KOTA BHARU: Penggerusi Pakatan Harapan (PH) Kelantan, Husam Musa mencadangkan agar rakyat yang tidak memiliki tanah di negeri itu diberi setiap tanah jika PH diberi mandat menerajui negeri.

Penyandang Adun Salor itu berpendapat tanah adalah kelebihan negeri pantai timur itu yang harus dimanfaatkan kepada rakyat.

"Kalau kita (PH) memerintah Kelantan, kekuatan Kelantan adalah tanah, saya mencadangkan pada rakan-

rakan saya, kita pecah lot tanah-tanah kerajaan."

"Kita beri kepada (rakyat Kelantan) yang tiada tanah sepetak seorang. Terpulang nak buat rumah tahun depan atau lima tahun depan."

"Sebab beri (tanah) pada tauke, boleh? Saya lawan (kepincangan Pas memerintah Kelantan) sebab nak masuk syurga bukan lawan nak masuk neraka," katanya dalam ceramah disiar secara langsung di FB Live, baru-baru ini.

Menurut bekas Exco kerajaan negeri Kelantan itu, pentadbiran Pas tidak banyak berpihak kepada kepentingan rakyat selain eksplotasi berlebihan terhadap sumber balak.

"Saya lawan sebab kamu berjalan (urus tadbir) tidak betul, menyusahkan rakyat Kelantan."

"Jadi, kita kalau memerintah kita pecah lot tanah, rakyat pergi buat rumah di situ, kerajaan buat jalan. Maka kerajaan boleh kutip

hasil.

"Rakyat yang tiada tanah akan ada tanah. Kerja? Kita akan buat peluang pekerjaan," tambahnya lagi.

Husam akan bertanding di Parlimen Kota Bharu sekali gus bakal bertembung dengan Setiausaha Agung Pas, Datuk Takiyuddin Hassan yang kekal mempertahankan P21 itu.

Belum termasuk calon BN, pertembungan sekurang-kurangnya tiga penjuru itu menyaksikan situasi singit

Pas untuk mempertahankan penguasaan selama 28 tahun di Kelantan.

Kedudukan semasa keseluruhan 45 kerusi Parlimen di Kelantan adalah Pas (8), BN (5) dan Keadilan satu kerusi manakala satu kerusi BN lagi di Nenggiri kosong selepas Mat Yusoff Abd Ghani diisyithar muflis Mei tahun lalu.

Bagi 45 kerusi Dun Kelantan, 31 daripadanya dikuasai Pas, BN (11) manakala AMANAH dan Keadilan masing-masing satu kerusi.

Minda Pengarang

PH menghantar calon terbaiknya

Dengan pengumuman calon PKR dan DAP di Kuala Selangor malam kelmarin lengkaplah semuanya pengumuman calon Pakatan Harapan seluruh seluruh negara. Ertinya PH sudah sangat bersempena untuk menghadapi 'ibu segala pilhan raya' ini.

Sebelum ini komponen parti dalam PH peringkat negeri sudah mengumumkan nama calon masing-masing di semua peringkat.

Dengan pengumuman di Stadium Kuala Seelangor dalam suasana yang meriah itu, lengkaplah semua nama calon komponen Pakatan Harapan yang akan berdepan dengan Umno/BN 9 Mei ini.

Sabtu ini, 28 April, akan berlangsung Hari Penamaan Calon, yang tentunya sangat sibuk. Ratusan calon untuk Parlimen dan Dun akan mengemukakan kertas pencalonan mereka yang biasanya diarak oleh para penyokong dengan ramainya. Maka proses demokrasi sedang mengambil tempatnya.

Barisan Nasional akan menghadapi tantangan hebat dari Pakatan Harapan yang memakai simbol Keadilan. Adapun parti Pas tuurut bertanding, khabarnya 160 kerusi parlimen, di samping ratusan yang akan bertanding di peringkat Dun.

Calon bebas juga dijangka akan bermunculan untuk mengadu nasib. Tetapi yang nyata pertarungan kali ini sebenarnya ialah di antara Barisan Naional dan Pakatan Harapan, iaitu gabungan mega parti pembangkang yang akan dipimpin oleh pengurusnya, Tun Dr Mahathir Muhamad.

Sejak beberapa bulan lalu, Pakatan Harapan telah menyusun pelbagai program, besar dari kecil. Jelajah seluruh negara sudah diadakan di merata tempat di mana sambutannya sangat

luar biasa, yang menghantar isyarat jelas bahawa rakyat mahukan perubahan. Kehendak rakyat ini akan diterjemahkan melalui peti undi 9 Mei ini. Inilah proses demokrasi yang sedang berlangsung.

Dengan kesedaran rakyat yang luar biasa ini, dua negeri – Johor dan Kedah telah memperlihatkan gelombangnya yang luar biasa. Ini adalah gelombang kebangkitan rakyat yang akan ditunjukkan melalui demokrasi pilihan raya. Maka ia adalah tsunami rakyat, bukan tsunami berdasarkan sesuatu kaum.

Para calon terbaik dari Pakatan Harapan ini adalah kombinasi yang lama dan baru, muda dan veteran dari pelbagai latar belakang pengalaman, pendidikan, kekeluargaan dan sejarahnya.

Yang nyata, ia adalah dari pilihan terbaik, menunjukkan masing-masing komponen dalam PH telah membuat pilihan teliti untuk memilih yang terbaik. Inilah calon PH yang akan berdepan dengan Umno/BN.

Adapun parti Pas yang khabarnya bertanding 160 kawasan parlimen, maka itu adalah hak mereka dalam demokrasi dan wajar diraikan.

Penamaan calon pada Sabtu, 28 April ini tentulah crowded kerana begitu ramai calon yang akan bertanding di pentas demokrasi ini dan tentu saja diharapkan berjalan lancar, tertib dan dalam suasana tenang.

Rakyat Malaysia perlu memperhatikan kepada dunia, bahawa ia telah meraikan sistem demokrasi berparlimen dalam pilihan raya ini.

Mereka akan memilih calon dan parti mana di mana mereka yakin mampu melaksanakan perubahan. Mereka telah mengemukakan manifesto parti masing-masing. Maka mereka boleh menentukan segalanya.

Mengundi Pakatan Harapan dari perspektif Siasah Syar'iyyah (Bahagian 1)

Pilihanraya adalah satu mekanisme sistem demokrasi untuk menguruskan peralihan kuasa politik dalam negara madani; demi mengelakkan krisis dan perperangan dalam merubah pemimpin politik yang berkuasa. Sebagai suatu sistem sivil yang paling mutakhir untuk mengurus permasalahan kepimpinan negara ia melalui pelbagai perkembangan untuk memurnikannya agar tidak berlaku krisis yang membawa pertumpahan darah yang menggugat keamanan dan membawa kepada kemusnahan negara.

Sebab itu keabsahan pilihanraya sebagai salah satu kaedah untuk mengurus kedaulatan rakyat dibahas dengan panjang lebar oleh ilmuan politik dan para pengkaji soal perlumbagaan. Antara yang pernah mengupas hal ini ialah Dr Akram Kassab dalam buku beliau bertajuk : Al Intikhabat : Ahkam Wa Dhawabit atau Pilihanraya ; Prinsip dan Hukum.

Menurut Kajian Pejabat Pegawai Negara yang bertajuk "Pilihanraya Menurut Perspektif Islam", "Para ulama berselisih pendapat mengenai hukum pilihan raya. Walau bagaimanapun, majoriti ulama berpendapat bahawa hukum sistem pilihan raya adalah harus. Pendapat inilah yang diguna pakai oleh negara-negara Islam pada hari ini dalam melaksanakan pilihan raya.

Hukum asal bagi sesuatu perkara (dalam konteks urusan kedudukan) adalah harus selagi tidak ada yang menunjukkan bahawa perkara itu adalah haram.

Sistem pilihan raya pada zaman sekarang merupakan suatu urusan dunia yang boleh diperbaharui, diubah prosedur dan sebagainya. Teknik dan caranya adalah terpulang kepada kesesuaian pada zaman tersebut; "Pilihan raya mempunyai persamaan dengan konsep bai'ah ke atas pemimpin yang dilantik. Ia dapat dilihat pada undian yang dibuat iaitu seseorang akan memilih calon yang dipersetujui untuk menjadi pemimpinnya."

"Tiada dalil yang menghadkan atau mengkhususkan sesuatu cara dalam membuat pemilihan seseorang pemimpin. Cara atau teknik adalah terpulang kepada ijtihad yang bersesuaian dengan masyarakat, masa dan tempat selagi ia tidak bertentangan dengan hukum Syarak seperti sabda Rasulullah SAW yang bermaksud – "Kamu lebih mengetahui akan



Pencerahan Mingguan
TANWEER USBU'II
USTAZ ABDUL GHANI SAMSUDDIN
Timbalan Penasihat Urum AMANAH

urusan keduduan kamu." (Riwayat Muslim);

Mengundi pula adalah suatu kewajiban setiap muslim samada berlandaskan konsep Syahadah, maupun dasar lain. Jelasnya:

(a) Ada yang mengatakan bahawa kewajipan mengundi ialah suatu syahadah atau kewajipan mengutarakan syahadah seperti yang disebut oleh Allah dalam Surah al Talaq:2, Al Nisa' 135,, al Baqarah:283, al Maidah:8. Ringkas penghujahan mereka ialah: bahawa Allah telah mewajibkan sesorang itu menampilkan kesaksianya (*syahadah*) dengan jujur dan benar. Allah melarang umat Islam menyembunyikan kesaksian Allah berfirman: Al Baqarah 283, maksudnya: "Janganlah kalian menyembunyikan syahadah, siapa yang menyembunyikan kesaksian maka ia adalah manusia yang (hatinya) berdosa."

"Syahadah mesti dilaksanakan kerana Allah bukan kerana yang lain seperti wang, pembangunan, kesenangan atau keuntungan kebendaan. Oleh kerana pilihanraya dan mengundi dalam pilihanraya itu adalah satu bentuk syahadah maka pertimbangan dalam membuat pilihan siapa yang patut diundi itu mesti kerana Allah. Sebab itu rasuah dalam pengundian diharamkan dalam Islam justeru itu satu pembelotan dan pengkhianatan terhadap Allah. Atau lebih jelas adalah kerana perbuatan itu bermakna tidak bersyahadah kerana Allah; sebaliknya kerana duit atau habuan kebendaan. Perbuatan seperti ini adalah ditegah oleh syara."

"Rasulullah bersabda: "Allah mengutuk orang yang memberi dan menerima rasuah" Hadith riwayat Ahmad , al Tabrani dan Abu Daud dan Termizi. Ia mengatakan bahawa hadith itu adalah hadith Hasan. Dalam setengah riwayat ditambah dengan ungkapan : .."dan orang yang menjadi perantara kepada pemberi dan penerima rasuah."

"b) Kewajipan mengundi adalah unjuran dari kewajipan amr makruf dan nahi anil munkar yang wajib ditunaikan oleh setiap muslim. Ia suatu jihad madani untuk mendokong kebenaran dan

menumpaskan kebatilan."

"c) Kewajipan mengundi adalah seumpama kewajipan mentazkiah atau merekomendkan seseorang untuk memegang suatu jawatan dan tanggungjawab penting dalam negara."

"d) Kewajipan mengundi adalah kewajipan politik yang terbit dari sifat seseorang sebagai rakyat yang wajib mengundi secara berkala untuk menentukan kumpulan dan wakil pemerintah yang akan menguruskan negara berdasarkan perintah Allah."

"e) Tugas mengundi adalah merupakan penunaian amanah untuk memberi mandat kuasa kepada seseorang yang layak dan soleh untuk memerintah dan menguruskan negara di lokality masing-masing."

"Menurut Dr. Walid Rabi' Mahaguru Syariah di Universiti Kuwait asas syariah tanggungjawab mengundi ini berkisar sekitar dua teras sahaja :

"Pertama: ia merupakan kesaksian dari pengundi tentang layaknya calon yang diundi untuk melaksanakan amanah dan tanggongjawab memikul tugas-tugas awam."

"Kedua: ia merupakan suatu rekomendasi "Tazkiyah" pengundi untuk calon, Rekomendasi adalah termasuk dalam persoalan pengadilan atau kehakiman; di mana seseorang itu merekomendkan kelayakan seseorang saksi di hadapan hakim. Para ulama fiqh menetapkan bahawa saksi yang mendapat "tazkiyah" sama dengan saksi pendakwaan dalam beberapa perkara. Antaranya mereka perlu memiliki kewarasan akal yang sempurna, kuat ingatan, mampu memikul tugas, adil, tidak buta, boleh bertutur, tidak pernah kena hukuman hudud seperti qazaf, tidak ada pertalian kerabat yang menghalang penerimaan kesaksian di samping kesaksianya terlepas dari membawa kepenting diri kepada saksi itu sendiri"

"Pendek kata keseluruhan huriaian di atas adalah menjadi asas kepada kewajiban mengundi dalam Islam. Umat tidak dapat lari dari memikul tanggungjawab di dunia dan di akhirat apabila mengkhianati tugas dan kewajiban mengundi sehingga menobatkan para pemimpin korup, sesat dan tidak bermoral atau kredebiliti. Apakah lagi kalau mereka penuh temberang, tembelang dan pasti akan kecundang di akhirat kelak."



Rakyat bandar, luar bandar mahu perubahan

Dengan hanya beberapa hari saja lagi Hari Penamaan Calon (28 April) dan disusuli Hari Mengundi (9 Mei), riuh rendah PRU14 ini semakin terasa.

Rakyat dari kota dan desa memperkatakan. Belum pernah PRU serius ini dan benarlah ia ibu se-gala pilihan raya. Ada yang sudah menempah tiket bas dan keretapi untuk mengundi di kampung halaman. Puluhan ribu rakyat Malaysia yang bekerja di Singapura juga akan pulang bercuti sehari untuk mengundi yang jatuh pada hari Rabu.

Sesetengah bendera parti politik yang bertanding sudahpun direngangkan di simpang jalan, malah ada yang sudah dikoyak-koyakkan oleh monyet yang berkeliaran di simpang-simpang belukar. Tentulah bukan kerana kebenciannya kepada parti politik tertentu yang bertanding, tetapi mungkin kerana merasa aneh tiba-tiba ada sepaduk dan bendera direngangkan di ‘kampung halamannya’. Maknanya riuh rendah PRU14 sudah hampir pada puncaknya.

Di restoran, di warung, di pasar dan di mana saja rakyat bercakap mengenai perihal pilihan raya menyebabkan keadaan menjadi



sangat luar biasa. Sudah 13 kali pilihan raya umum di negara ini, namun belum pernah sehebat ini. Ramainya calon yang beran-dig dan tentunya bukan lagi tiga penjurut bahkan mungkin empat penjurut.

Bayangkan BN sendiri akan bertanding sepenuhnya kerusi parlimen, sementara Pas, menurut pimpinan mereka kan bertanding 160 kerusi, sementara Pakatan Harapn juga diberitakan akan bertanding untuk semua kerusi parlimen dan Dun dengan menggunakan simbol Parti Keadilan. Belum lagi calon bebas.

Pendeknya riuh rendah dan begitu crowded pada hari penamaan calon, lebih-lebih lagi pada hari mengundi. Inilah demokrasi yang sewajarnya kita raikan dan inilah dinamika .

Mudah-mudahan sepanjang PRU14 ini berjalan lancar dan tidak berlaku sebarang kekecohan atau hal-hal yang tidak diingini supaya

PRU14 ini bejalan dalam keadaan aman damai. Bukan rakyat Malaysia ini cinta daamai. Berilah peluang demokrasi tersenyum sepuas-puasnya bahwa rakyat Maysia menghormatinya.

Sementara itu, dunia dan medianya sedang memerhatikan perjalanan PRU14 kali ini, Ramai pemerhati luar dan dalam negeri sedang memerhatikan ‘ibu segala pilihan raya’ ini.

Di lapangan pula, para bakal calon telah pun berada di kawasan tempat mereka bertanding, mungkin mengharung becak dan semak samun, titi yang uzur, lampu jalan yang malap dan segalanya, ber-bading dengan para calon yang bertanding di kawasan bandar, yang infrastrukturnya sempurna.

Namun rakyat – di kota dan di

desa – mesti ditemui dan disantuni dalam PRU14 ini. Bagi yang di bandar, kemungkinan akan menggunakan lif, kalau tidak rosak, atau menggunakan tangga untuk menemui pengundi yang tinggal di flat-flat, di mana tidak semudah itu untuk menemui mereka.

Tentulah ada ada khemah-khemah tempat rakyat berkumpul mendengar ceramah – kecil dan besar, disusuli hidangan makanan yang disediakan oleh parti yang bertanding. Ini biasalah.

PRU14 pula lebih menarik lagi, di mana ia berada di tengah-tengah kerancakan media alternatif atau media baru – News on-line, wabe-site, Whatsapp, Instagram, Facebook dan lain-lain di mana media ini telah mendominasi maklumat untuk rakyat, dalam masa



Rakyat segenap pelosok tanahair menunjukkan isyarat jelas mahu menukar kerajaan persekuatan.

yang sama media tradisional – TV, akhbar – hampir tidak berfungsi lagi. Di mana majoriti rakyat telah mendapat maklumat di hujung jari, tidak perlu membuka saluran TV dan membaca akhbar di mana hanya mengisikan maklumat sepihak.

Dengan itu media alternatif ini nampaknya banyak menolong parti pembangkang, terutama Pakatan Harapan.

Program Pakatan Harapan – kecil dan besar – mendapat liputan meluas dari media alternatif ini. Maka tentunya ia sangat bermanfaat kepada Pakatan Harapan.

Demikianlah suasana menjelang PRU14 ini yang sangat penting di mana rakyat di sana sini memperkatakan. Marilah kita meraikan demokrasi negara ini dalam suasana damai. Ia berlaku lima tahun sekali. Kita meraikannya dengan penuh meriah.

Kepada para calon yang bertanding selamat berjuang dengan tabah dan sabar, di mana rakyat sedang menilai mereka dan parti yang mereka wakili serta ikrar mereka.

Sesungguhnya menyertai perjuangan ini sudah dikira sebagai kejayaan.

‘Belum pilihan raya, kita sudah ditipu’



akan dilakukan untuk menang sudah pun bermula dan ianya terlalu jelas! Tidak ada siapa pun yang boleh menyangkal lagi.

Pertama, sengaja ditetapkan hari mengundi pada 9 Mei, hari Rabu. Pertengahan minggu, hari paling sibuk untuk orang-orang yang bekerja baik di pejabat maupun di luar. Kedua, persem-padan semula yang disumbat-sumbat ke parlimen untuk diluluskan biar sedang dibantah dalam mahkamah dan saluran lain oleh pengundi. Ketiga, senarai undi yang diguna adalah senarai lama biarpun sempadannya adalah sempadan baru. Malah, penat lelah semua pihak mengajak orang mendaftar undi sia-sia belaka.

Inilah kerja-kerja jahat yang dibuat oleh Najib untuk menang dan kekal berkuasa menjelang PRU nanti. Ianya tidak lagi serumit dahulu untuk difahami dan disedari. Belum pun mulai pilihan raya, orang sudah pun nampak penipuan yang sedang dijalankan.

Untung hidup dalam zaman internet, media sosial yang lebih mudah dicapai berbanding memetik suis lampu di dinding

rumah. Media sosial ini telah menyambungkan segenap manusia yang tidak berpuas hati dengan niat jahat Najib Razak ini. Akhirnya apabila desakan yang cukup besar terbentuk, 9 Mei diumum sebagai hari cuti. Ini bukti bahawa ketakutan Najib Razak adalah lebih besar daripada niat jahat beliau.

Walau pun cuti, mungkin Najib Razak membaca bahawa hari mengundi di pertengahan minggu masih tetap akan menyulitkan semua. Yang bekerja jauh-jauh, baik di seberang laut maupun di seberang tambak pasti akan mengalami susah untuk pulang mengundi di halaman masing-masing.

Yakinlah, rakyat tetap akan balik mengundi kalau memang sudah marah.

Begini juga dengan sempadan-sempadan baharu pilihan raya yang dicipta. Najib Razak mungkin mebaca bahawa sempadan-sempadan ini akan memecahkan komposisi kaum dan akan menguntungkan mereka dalam pemilihan nanti.

Namun yakinlah, kalau rakyat sudah marah, 1000 sempadan ba-

haru pun tidak akan menghalang mereka. Amarah dan kesempitan rakyat hari ini tidak mengenal komposisi kaum.

Senarai undi lama yang diguna juga begitu. Sejak setahun lalu, jenoh juga pelbagai pihak mendaftarkan pengundi baharu di sana sini. Akhirnya apabila senarai lama yang digunakan, semua jatuh sia-sia. Najib Razak mungkin anggap dengan peratusan pengundi baharu yang rendah, mereka akan selamat.

Senalagi yakinlah, kalau rakyat sudah marah, tiada rakyat yang peduli kalau mereka itu pengundi atau tidak. Kalau mereka dinafikan hak untuk mengundi, belum tentu mereka akan mampu dinafikan hak untuk berdiri atas suara sendiri.

Pilihan raya ini adalah pilihan raya yang penting. Bukan sahaja ia menentukan survival Najib Razak, ia juga menentukan survival rakyat terbanyak. Sebab itulah, belum pilihan raya pun, kita sudah mulai ditipu. Cuma tinggal lagi, kalau rakyat memang sudah marah – tipu macam mana sekali pun Najib Razak tetap tidak akan selamat.

PRU2013 yang lalu, kemenangan kita dirompak melalui sistem pilihan raya yang tempang dan arkaik. Kita ditipu bukan sahaja melalui gerrymandering, persempadanan gila, belah bahagi, dan senarai undi, malah sistem pemilihan first past the post itu sendiri memang banyak kekurangannya. Sayang sekali, penipuan ini terlalu kompleks untuk difahami dan diyakinkan kepada umum.

Namun begitu, penipuan yang serumit itu tetap dibantah biarpun kalau yang turun membantah itu belum tentu mampu menerangkan bagaimana mereka ditipu. Berbondong-bondong ke jalan raya dalam beberapa siri himpunan. Ada yang aman, ada yang kecoh. Ada yang ramai, ada yang sedikit. Ada yang ditangkap, ada yang tetap jadi Yang Berhormat. Apa pun, penipuan lalu telah ditentang walau pun rumit untuk diyakini.

Biar demikian pun sejarah melawan penipuan yang lepas, yakinlah bahawa Najib Razak dan kuncu-kuncunya tidak akan serik menipu lagi untuk menang kali ini. Apa lagi dalam situasi hari ini – di saat kesabaran rakyat di bawah

kian menggelegak.

Orang yang faham dan baca politik, yang gemar memikirkan strategi pastilah akan menganggap Najib Razak akan merangka penipuan yang lebih kompleks untuk menang. Dengan gelombang kemarahan rakyat hari ini, beliau tidak boleh membiarkan legitimasi kemenangan dalam pilihan raya mampu digugat lagi seperti dahulu.

Sayang sekali, Najib Razak ini orang yang sedang amat terde-sak dan ketakutan. Nampaknya beliau tidak punya masa untuk merangka strategi yang lebih cantik dan teratur. Penipuan yang

Dua akhbar pro-BN kempen untuk Pas

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Hanya tinggal beberapa minggu untuk 14.8 juta pemilih berdaftar membuang undi, dua akhbar berbahasa Melayu dikuasai Umno-BN terus melaporkan imej positif terhadap Pas.

Utusan Malaysia bertarikh 21 April memuatkan lima laporan berita dalam satu halaman penuh di muka surat 10 berserta grafik Sekilas Fakta.

Situasi yang tidak pernah berlaku menjelang pilihan raya umum lalu ini berlaku ketika ada pemimpin Pas mengaku menerima wang Umno yang dipanggil 'derma' berjumlah RM2.5 juta.

Laporan mengenai Pas di Utusan Malaysia itu merangkumi perkembangan parti berkenaan didahului dengan lubuk Presiden Datuk Seri Abdul Hadi Awang iaitu di kerusi Parlimen Marang.

Bersama tajuk besar "Pas tak gerun, optimis menang", ungkapan yang lazimnya hanya boleh ditemui Harakah sebagai lidah rasmi parti itu turut menampilk-



Imej positif Pas dalam akhbar Utusan Malaysia setanding dengan Harakah, lidah rasmi Pas.

kan gambar barisan calon Pas di Terengganu pada majlis pengumuman calon.

Ini diikuti laporan berkenaan pencalonan Ahli Jawatankuasa Pas Pusat Mokhtar Senik di kerusi Parlimen Padang Besar dan reaksi Mursyidul Am Pas Hashim Jasin apabila ditanya tentang pengalaman parti itu bekerjasama dengan



Akhbar Berita Harian juga papar laporan yang menyokong Pas.

DAP dan Keadilan.

Turut dilapor kenyataan Timbalan Presiden Pas, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man yang mendakwa ada pihak cemburu partinya bertanding di 160 kerusi Parlimen.

Bahkan keputusan Pas Melaka mencalonkan lebih 20 calon bertanding pada PRU-14 juga mendapat perhatian Utusan Malaysia apabila menganggapnya sebagai mencipta sejarah.

Satu lagi akhbar pro-BN, Berita Harian (BH) juga memuatkan lima

laporan berita yang positif terhadap Pas di halaman 14 dan 15.

Paling ketara apabila BH melaporkan dua bahan berita tentang serangan Pesuruhjaya Pas Selangor, Sallehen Mukhyi terhadap Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang juga Penggerusi Pakatan Harapan (PH) negeri.

Dua laporan tersebut bertajuk "Pas selar Azmin amal politik murahan" serta "Kekalutan pembangkang macam pergolakan di Gaza".

Tiga lagi laporan berkenaan parti yang bermusuhan dengan PH di akhbar BH hari ini adalah "Pas pertaruh calon pelbagai profesi", "Bekas kapten Hijau Kuning anggap diri 'under dog'" serta "Kami utuh walaupun dibuli: Hadi".

PRU-14 menyaksikan Pas tidak bersama dalam blok parti pembangkang sebaliknya mencipta rekod meletakkan calon bertanding paling ramai sepanjang sejarah Pas dalam PRU sejak 1959.

Walaupun Pas mendakwa bersendirian tetapi penegasan Abdul Hadi bahawa partinya berperanan sebagai 'king maker' memperlihatkan parti itu lebih condong kepada BN.

Tambahan lagi, Abdul Hadi sejak akhir 2015 sudah beberapa kali sepantas dalam program bersama-sama Penggerusi BN, Datuk Seri Najib Razak.

Kedudukan semasa 222 kerusi Parlimen menyaksikan BN memiliki 132 kerusi, DAP (36), Keadilan (28), Pas (13), AMANAH (7) Warisan dan Parti Sosialis Malaysia (PSM) masing-masing dua kerusi manakala PPBM dan Bebas masing-masing satu kerusi.

PH seru pengundi wanita jadi 'queen maker'

PETALING JAYA: Pakatan Harapan (PH) menyeru pengundi wanita menjadi 'queen maker' dengan keluar mengundi pada pilihan raya umum ke-14 bagi memastikan kerajaan Umno-BN dapat ditumbangkan.

Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, wanita memainkan peranan penting bukan sahaja untuk membangunkan keluarga malah membangunkan bangsa dan negara.

"Jika ditanya golongan mana yang mampu menjadi 'king maker' dan kenapa tidak pula 'queen maker' pada PRU14 kali ini, kami percaya antaranya adalah golongan wanita," ujarnya dalam sidang media yang diadakan di ibu pejabat Keadilan dekat sini, 20 April lalu.

Turut hadir Ketua Wanita PH Zuraidah Kamarudin, Naib Presiden Keadilan Tian Chua dan isteri Penggerusi PH, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Menurut Wan Azizah lagi, menerusi Buku Harapan terdapat lima janji PH kepada rakyat iaitu menjaga kesihatan, pendidikan, perundangan dan politik khusus untuk kaum wanita.

"Memahami peranan, perjuangan dan pengorbanan wanita ini

terutama yang bekerja sebagai surirumah, maka Pakatan Harapan telah mengumumkan dasar skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk suri rumah.

"Caruman akan disumbangkan daripada caruman KWSP suami yang bekerja pada kadar 2 peratus sebulan dan kerajaan baru Pakatan Harapan akan memberi sumbangan sebanyak RM50 sebulan oleh KWSP kepada surirumah.

"Kami menggesa semua wanita yang sayangkan keluar mereka untuk keluar mengundi pada 9 Mei ini demi masa depan mereka dan negara," ujarnya.

Tun Siti Hasmah pula berkata, berdasarkan pengalaman beliau, wanita memainkan peranan cukup penting pada setiap kali pilihan raya.

"Wanita akan memainkan peranan mereka dalam setiap pilihan raya. Kita berikan mereka banyak keyakinan dan peluang untuk wanita ke hadapan dalam bidang politik dan sosial.

"Jika Pakatan Harapan meneraju negara, kita akan bersama membangunkan dan meningkatkan lagi program-program khusus untuk wanita," ujarnya.

Mengapa Pas tidak tandingi kerusi DAP?

PERMATANG PASIR: Setelah sekian lama menyerang kerajaan negeri Pulau Pinang, Pas sepatutnya berani untuk mencabar dan bertanding lebih banyak kerusi Dun dan Parlimen yang ditandingi DAP di negeri ini.

Namun keputusan Pas untuk bertanding di enam kerusi Parlimen dan 18 kerusi Dun memperlihatkan mereka mensasarkan hanya kerusi yang didominasi oleh pengundi Melayu, kata Timbalan Ketua Pemuda AMANAH, Faiz Fadzil.

Menurut Faiz, kegagalan Pas bertanding di kawasan-kawasan pilihan raya ditandingi DAP khususnya di Pulau Pinang menimbulkan tanda tanya kerana DAP sering menjadi sasaran kritikan Pas.

"Persoalan yang timbul kenapa mereka tidak bertanding kesemua kerusi di Pulau Pinang sedangkan sebelum ini mereka sering melaung-laungkan akan menentang DAP bermati-mati," kata Faiz ketika ditemui semasa turun padang menyantuni penduduk dekat sini.

Faiz bakal mewakili AMANAH di Dun Permatang Pasir pada pilihan raya umum (PRU) 9 Mei ini.

Jelas beliau lagi, hak demokrasi Pas untuk bertanding di mana-mana kerusi dalam PRU ini sememangnya dihormati.

Walau bagaimana pun, beliau yakin hasrat Pas untuk menubuhkan kerajaan tidak akan tercapai



Faiz Fadzil

kerana tidak bertanding di kesemuanya 222 kerusi parlimen dan masih mensasarkan kemenangan di 40 buah kerusi parlimen sahaja.

"Sehingga kini mereka masih lagi gagal, tidak jelas dan yakin dengan kerusi-kerusi yang ditandingi."

"Hasrat hanya untuk menjadi 'king maker' kepada mana-mana parti yang membentuk kerajaan jelas menunjukkan kecenderungan Pas untuk bersama BN."

"Mereka juga dilihat membiarkan MCA dan Gerakan yang juga parti komponen BN untuk menentang DAP," ujarnya.

Faiz turut mengingatkan pengundi agar tidak memberi sebarang undi kepada Pas.

"Memberi undi kepada Pas sama seperti memberi undi kepada BN khususnya MCA dan juga Gerakan."

"Oleh kerana itu para pengundi wajib meletakkan tekad yang satu tidak akan memberi undi kepada Pas mahupun BN."

"Memberi mandat kepada Pas dan BN akan membuatkan rakyat hidup lebih sengsara melalui dasar dan polisi yang tidak menyebelahi rakyat," tegasnya lagi.

Beliau menambah, hanya dengan memberi mandat kepada Pakatan Harapan mampu membawa perubahan dan pembaharuan untuk masa depan negara.

Amanah

RAYUAN DANA PRU14

PARTI AMANAH NEGARA

SUMBANGAN BOLEH DISALURKAN KE NO AKAUN:

564294309586

Parti Amanah Negara

Maklumkan sumbangan anda ke email kewangan@amanah.org.my

Khaled tidak yakin pertahan Johor

MENTERI Besar Johor dilihat tidak yakin mempertahankan negeri Johor berikutan keputusannya bertanding di dua kerusi iaitu Dewan Undangan Negeri (Dun) dan Parlimen di Johor.

Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin mengumumkan beliau akan bertanding di N43 Permas dan P159 Pasir Gudang.

Menurut Pengurus Parti Amanah Negara (AMANAH) Negeri Johor, Haji Aminolhuda Haji Hassan, apa yang diputuskan oleh Khaled ini adalah gambaran ketidakyakinan Khaled untuk terus menerusi

negeri Johor.

"Kenapa perlu ada istilah 'team Johor' sekiranya beliau mengambil keputusan untuk turut bertanding di Parlimen.

"Sebagai seorang Menteri Besar, beliau lebih nampak masa depan karier politiknya berbanding orang bawahaninya.

"Exco beliau pun seperti Ayub Rahmat pun bertanding di Parlimen dan ada exco yang digugurkan.

"Ini adalah gambaran bahawa tsunami rakyat Johor untuk berubah itu semakin jelas sehingga Khaled terpaksa

membuat keputusan sebegini," kata Aminolhuda ketika dihubungi.

Sementara itu, Exco Agama Negeri Johor, Abd Mutualip Abd Rahim tidak tersenari sebagai calon yang diumumkan oleh Khaled Nordin sendiri.

Aminolhuda yang juga calon N21 Parit Yaani mendakwa Pakatan Harapan (PH) tidak ada masalah dengan senarai calon yang dibentangkan oleh Barisan Nasional (BN) kerana PH sudah bersedia menampung gelombang kebangkitan rakyat di negeri ini.



Tsunami rakyat Johor digeruni Khaled sehingga beliau bertanding di dua kerusi, DUN dan Parlimen, satu amalan yang jarang dibuat oleh pengurus negeri BN.

Pegawai kanan kerajaan negeri, tokoh wanita calon PH di Kelantan

BEKAS Ketua Pegawai Operasi (COO) Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK), Haji Sanusi Othman dan Tokoh Wanita Kelantan 2015, Dr Hafidzah Mustakim diisyiharkan bertanding sebagai calon Pakatan Harapan (PH) di Kelantan.

Turut diumumkan adalah pemilihan cicit Tok Kenali, bekas Profesor kampus kesihatan USM, Dr Wan Mohd Kamil Wan Abdullah dan pakar ortopedik Hospital USM, Datuk Dr. Abdul Halim Yusof yang bakal bertanding di parlimen Kubang Kerian.

"Saudara Sanusi selaku pegawai tinggi yang begitu rapat dengan kerajaan mempunyai maklumat yang cukup bagi beliau membuat pilihan."

"Dengan keputusan menyertai PH jelaslah bagi beliau kera-



SANUSI... adik Almarhum Ustaz Yahaya Othman.

jaan yang ada sekarang tidak lagi 'valid' (mampu) untuk memberi khidmat kepada rakyat," kata Husam dalam satu sidang media khas di Kota Bharu.

Haji Sanusi merupakan pegawai kanan kerajaan negeri yang pernah bertugas sebagai Ketua Eksekutif Air Kelantan Sendirian Berhad (AKSB) sebelum berpin-

dah menjadi pasukan peneraju PMBK.

"Beliau merupakan adik kepada arwah Ustaz Yahaya Othman, Exco kerajaan negeri yang merupakan Adun Pas Banggol Judah yang kemudian bertukar nama kepada Kemuning.

"Dalam Pas Ustaz Yahya cukup terkenal kepada seluruh ahlinya kerana beliau merupakan salah seorang Murabbi (Tokoh Tarbiyah) yang diiktiraf," katanya.

Sanusi, yang merupakan lulusan jurutera elektrik ketika memperkenalkan diri berkata, beliau terpanggil untuk menyertai PH bagi membentuk sebuah kerajaan baharu yang berintegriti.

"Kepadaan mungkin boleh dicari dari manapun, tapi integriti tidak boleh dibuat-buat.

"Saya penuh keyakinan dengan kepimpinan PH untuk membentuk sebuah kerajaan baharu yang lebih berintegriti berbanding kerajaan sekarang," katanya.

Husam kemudian memperkenalkan Dr. Hafidzah yang menurutnya seorang yang diiktiraf sebagai tokoh kebajikan dan kemajuan masyarakat.

"Anugerah tokoh wanita yang diperolehi Dr. Hafidzah dianugerahkan kerajaan Kelantan sendiri."

"Tentulah beliau ada ketintawa besar yang membantu rakyat membina masa hadapan yang cemerlang," katanya.

Menurut sumber, Sanusi dikatakan akan bertanding di Bunut Payong manakala Hafidzah di Tanjung Mas.

Anak Presiden ganti Dr Syed Azman di Batu Burok

PAS menggugurkan Dr Syed Azman Ahmad Nawawi di Dun Batu Burok dan diberikan kerusi itu kepada anak presiden Pas sendiri, Khalil Abdul Hadi.

Pengguguran bekas setiausaha politik Datuk Seri Abdul Hadi Awang itu diumumkan dalam majlis pengumuman calon di depan terbuka di perkarangan rumah Hadi dekat Rusila.

Sehingga kini Dr Syed Azman masih belum menyatakan sikapnya sama ada mahu meninggalkan Pas atau tidak.

Walaupun beliau dilihat sentiasa kritis terhadap Pas, namun masih tidak menggalkan parti itu.

Sebelum ini, beliau selalu disebut-sebut antara calon menteri besar Pas di Terengganu.

Pakatan Harapan pula sentiasa bersedia untuk menerima bekas AJK Pas pusat itu.

Pengerusi PH Terengganu Datuk Raja Bahri Shah berkata, Dr Syed Azman bukan saja boleh menyertai AMANAH tetapi juga parti-parti lain dalam PH termasuk PKR dan Bersatu.

PKR Pusat ada membincangkan kemungkinan beliau bertanding di Dun Bandar.

Namun begitu, Pengerusi PKR Terengganu Azam Ismail telah mengumumkan beliau akan bertanding di situ.

Kemuka bukti terima RM500,000 dari dermawan Cina, atau disaman

AMANAH Perak mendekak agar AJK Pas Pusat, Dr Zuhdi Marzuki mengemukakan bukti di atas dakwaan bahawa AMANAH kononnya menerima wang atau sumbangan sebanyak RM500 Ribu, RM5 juta mahupun RM50 juta daripada mana-mana pihak termasuklah daripada Koon Yew Yin.

"Sekiranya gagal, kami tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadapnya," kata Salman Saleh, Setiausaha AMANAH Perak.



Katanya, AMANAH Negeri Perak mengambil serius kenyataan Pengarah Penyelidikan Pas Pusat itu yang mendakwa

"Dakwaan yang dibuat oleh Dr Zuhdi terhadap AMANAH Perak adalah tidak berasas sama sekali."

"Kami berpandangan, ke nyataan itu dibuat dengan niat jahat untuk memburuk-burukkan nama baik AMANAH secara keseluruhannya bagi mengaut keuntungan politik murahan melalui fitnah jahat yang tidak berasas seperti itu," katanya.

AMANAH Perak melihat, ke nyataan tersebut sengaja direka semata-mata untuk menutup malu dan aib yang sedang

ditanggung oleh Pas, kata Salman.

Dr Zuhdi telah membuat pengakuan tentang penerimaan dana sebanyak RM2.5 Juta seperti yang didekah oleh Naib Presiden AMANAH, Datuk Mahfuz Omar.

Fitnah ini terpaksa dilakukan kerana Pas sangat terkesan dengan pengakuan Dr Zuhdi yang bertentangan dengan penafian oleh tiga pimpinan Pas yang didakwa telah terlibat dalam penerimaan wang tersebut, dakwa Salman.

"AMANAH Perak dengan tegas menolak segala bentuk amalan politik wang dan politik 'dedak' seperti mana yang melanda Pas ketika ini."

"Kami komited untuk terus menentang kezaliman, ketidakadilan dan penindasan yang dilakukan oleh Barisan Nasional (BN) di atas prinsip rahmat untuk semua tanpa memerlukan 'dedak' daripada mana-mana pihak yang berkepentingan," katanya.

Cara-cara menghadapi tipudaya SPR yang berat sebelah

BELUM pun tiba hari penamaan calon, SPR telah mengeluarkan garis panduan baharu bagi bahan kempen untuk PRU 14. Antara lain, garis panduan SPR itu menyatakan bahawa penggunaan gambar pemimpin utama parti politik hanya dihadkan kepada gambar 2 orang pemimpin utama parti politik iaitu Presiden (atau setaraf dengannya) dan Timbalan Presiden (atau setaraf dengannya) bagi parti politik yang bertanding (berdasarkan kepada penggunaan lambang/simbol parti politik yang didaftarkan oleh calon semasa Hari Penamaan Calon). Jawatan selain daripada Presiden (atau setaraf dengannya) dan Timbalan Presiden (atau setaraf dengannya) parti adalah tidak dibenarkan.

Tindakan SPR ini sangat pelik dan aneh. SPR terang-terang ingin mengikat PH daripada menggunakan gambar Tun Mahathir sebagai daya penarik kempen Pakatan Harapan. Hal yang sama tidak dihalang ke atas BN dan PAS.

PH telah ditekan semenjak belum bermulanya penamaan calon. Selepas diikat sebegini, PH akan ditendang dan dipukul sebelum dibenarkan bertarung atas padang yang tidak sama rata. Di manakah janji SPR untuk melaksanakan pilihan raya yang adil dan bersih?



Syarat yang sebegini pelik tidak pernah dilaksanakan dalam mana-mana PRU yang lepas. Kali ini nampaknya ancaman PH begitu besar kepada BN. Bermula dengan persempadanan semula yang memihak kepada BN, kemudian diikuti dengan tindakan Pendaftar Pertubuhan yang telah mengharamkan Parti Pribumi Bersatu Malaysia dan seterusnya penwartaan hari Rabu sebagai hari mengundi. Kini terbaharu, SPR menggunakan kuasanya untuk menghalang penggunaan bahan kempen yang tidak adil.

Tun Mahathir kini bukan sahaja menjadi ancaman kepada BN bahkan menjadi ancaman kepada SPR itu sendiri. SPR sudah dibayangi dengan bayang-bayang PH sehingga SPR mudah sekali menjadi alat untuk memenangkan BN. Tiada rasionalnya untuk menghalang penggunaan gambar Tun Mahathir. Tun Mahathir bukanlah pengganas malah Tun Mahathir telah begitu berjasa kepada negara sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri untuk tempoh 23 tahun.

Tindakan sebegini adalah sangat tidak bermaruah yang dilakukan oleh

SPR. SPR sepertutnya menjadi sebuah badan bebas yang tidak memihak kepada mana-mana parti politik. Kini dengan tindakan sebegini, SPR jelas telah menghalang PH daripada memaksimalkan kempenya. PH sendiri telah mengumumkan bahawa Tun Mahathir adalah calon Perdana Menteri dan sepertutnya semua calon dibenarkan untuk berkempen mengikut kreativiti masing-masing.

Tindakan SPR ini jelas sekali adalah bertentangan dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) yang menyatakan, "Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah— (a) menjalankan kawalan dan penyeliaan ke atas penjalanan pilihan raya dan pendaftaran pemilih dalam daftar pemilih, dan hendaklah menentukan supaya semua pegawai pilihan raya menjalankan

tugasnya dengan adil, tidak berat sebelah serta mematuhi Bahagian VIII Perlembagaan dan Akta ini dan mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

Tindakan ini adalah tindakan yang berat sebelah dan tidak adil bagi PH. Namun, PH tidak seharusnya cepat kecewa dan mengalah dengan tindakan berat sebelah ini. PH masih lagi mempunyai cara-cara yang ampuh untuk menentang BN dan kuncunya ini.

Jika dilihat kepada Seksyen 24B Akta Kesalan Pilihan Raya 1954 (Akta 5), ianya hanya dirujuk kepada calon dan wakil calon (ejen pilihan raya) sahaja. Ini bermakna jika ianya dilakukan oleh pengundi itu sendiri maka ianya tidak bersalah dengan mana-mana peruntukan undang-undang.



Gambar Tun Mahathir dihalang oleh SPR melalui syarat-syarat barunya tetapi ada cara untuk menghadapinya.

Keduanya, bahan kempen yang dirujuk dalam seksyen tersebut adalah bahan kempen tradisional iaitu iklan, risalah, brosur, bendera, panji-panji, sepanduk, tetunggul, poster, pelekat, surat sebaran, label atau apa-apa bentuk papan iklan sementara sahaja.

Ini bermakna bahan kempen moden tidak terikat dengan seksyen ini seperti penggunaan dalam laman web, Facebook dan WhatsApp. Begitu juga dengan wajah Tun Mahathir jika dicetak di atas baju atau topi tidaklah boleh dikatakan melanggar garis panduan tersebut. Justeru, PH perlu memaksimalkan penggunaan teknologi terkini supaya tidak terikat dengan garis panduan SPR itu.

Maka, tindakan yang perlu dibuat oleh PH adalah untuk membanjirkan seluruh media sosial dan persekitaran dengan bahan kempen yang tidak termasuk dalam definisi bahan kempen di bawah Seksyen 24B itu. PH juga perlu menggalakkan pengundi untuk berpakaian yang mempunyai wajah Tun Mahathir.

Bayangkan mesej yang boleh disampaikan kepada orang ramai jika jutaan pengundi memakai baju yang bercetak gambar Tun Mahathir. Oleh itu, penyokong PH usahlah berduka dengan garis panduan SPR ini. Yang penting adalah berfikir di luar kotak untuk mengakali akal SPR yang sempit ini.

Kerjasama Umno-Pas: Hanya calon SPM lawan tokoh Pas di Terengganu

SETELAH kecoh menerima 'derma' dari Umno, kini media sosial kecoh pula isu calon Umno di Terengganu di kawasan tertentu yang katakan tidak berkelayakan.

Seolah-olah semacam wujud persefahaman antara kedua-dua parti berkenaan di negeri penyu itu sehingga Umno meletakkan calon yang tidak layak untuk memenangkan Pas di kerusi-kerusi tertentu.

Paling ketara adalah calon Umno di parlimen Marang yang bakal ditandingi Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Hadi akan ditantang oleh calon Umno, Mohamad Nor Endut yang hanya bekelulusan SPM sahaja.

Mohamad Nor juga hanya AJK Umno Bahagian Marang dan bekerja sebagai Pengurus Penyelaras DUN Bukit Payong sahaja.

Tahun lepas, ketika Umno Bahagian Marang berjumpa dengan Presiden Umno Datuk Seri Najib Razak di Putrajaya, AJK Umno

bahagian mencadangkan seorang pegawai tinggi kerajaan Terengganu menjadi calon mereka melawan Hadi.

Namun, cadangan itu ditolak oleh Najib dan meminta agar Hadi diberikan laluan, kata salah seorang ahli rombongan itu.

Calon-calon Umno yang bertanding di kerusi DUN Sura, Paka dan Wakaf Mempelam yang kuat Pas juga mempunyai kriteria yang sama, tidak mempunyai kelulusan akademik yang tinggi.

Di Wakaf Mempelam, satu kerusi yang kuat Pas, Umno juga meletakkan calon yang hanya berkelulusan SPM di situ.

Umno bakal mencalon Salleh Othman, 59 tahun, penyelaras DUN Wakaf Mempelam sebagai calon mereka di situ.

Pas akan meletakkan Yang Dipertua Pas Kuala Terengganu, Wan Sukairi Wan Abdullah di situ.

Di DUN Sura, Umno bakal meletakkan Datuk Hajah Zainon Abu Bakar, 65, yang tidak dinyatakan

mempunyai sebarang kelulusan akademik dalam borang biodatanya sebagai calon.

Zainon, bendahari Wanita Umno Terengganu adalah pegawai pembangunan DUN Sura.

Pas bakal meletakkan Wan Hapandi Wan Nik, penyandang kerusi itu sekarang sebagai calonnya di kerusi ini.

Di Paka, Umno juga mengambil pendekatan yang sama apabila meletakkan mereka yang berkelulusan SPM sahaja di kerusi timbalan pesuruhjaya Pas Terengganu, Satiful Bahri Mamat itu.

Umno bakal mencalonkan penyelaras Dun Paka, Tengku Hamzah Tengku Draman di kerusi itu.

Pakatan Harapan (PH) pula meletakkan Ketua Pemuda AMANAH Terengganu, Hasbie Muda sebagai calonnya di situ.

Sebelum ini, bekas naib presiden Pas yang kini naib presiden AMANAH, Datuk Mahfuz Omar mendakwa Pas menerima wang sebanyak RM2.5 juta

dari Umno.

RM1.5 juta dimasukkan ke dalam akaun Pas Pusat manakala RM1.0 juta lagi ke dalam akaun amanah tiga pemimpinnya termasuk Satiful Bahri Mamat.

AJK Pas Pusat yang juga Pengarah Pas Penyelidikan Pas Pusat, Dr Zuhdi Marzuki mengakui penerimaan wang itu tetapi ia adalah wang derma

individu bukan dari Umno.

Sebelum ini, seorang lagi AJK Pas Pusat, Nik Mohamad Abdur Nik Aziz, melalui satu audio yang dikatakan suaranya mengaku menerima wang dari Umno.

Menurut suara yang dikatakan suara beliau itu, Presiden Pas dan lain-lain pemimpin kanan parti itu juga menerima wang dari Umno.

DR. OLIVE BODY CARE

OTHER PRODUCTS:

- SOAP
- BODYSCRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS

Contact Info:
TEL: +6013 754 9335
EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

Sumber dana Pas dari poket ahli diragui

Harakah RM2 pun ahli tak beli, kata Mahfuz

Oleh HUSIN MAHAT

KUALA LUMPUR: Dakwaan Pas bahawa perbelanjaan pilihan raya parti itu ditanggung sepenuhnya ahli parti dipersoalkan seorang bekas pemimpin kanan parti itu memandangkan akhbar rasmi parti ñ Harakah yang dijual RM2 senaskah pun tidak dibeli anggota parti.

Bekas naib presiden Pas Datuk Mahfuz Omar berkata, perbelanjaan mencecah puluhan juta ringgit bagi Pas bertanding di 160 kerusi parlimen dan lebih 380 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) juga menunjukkan parti itu mendapat dana yang besar daripada pihak-pihak tertentu.

"Kenyataan Setiausaha Agung PAS Datuk Takiuddin Hassan bahawa Pas berjuang dalam arena politik negara menggunakan dana yang disumbang daripada poket ahli-ahlinya sendiri sejak 1950-an lagi adalah kenyataan biasa dan difahami."

"Namun ia berbangkit dari persoalan yang lebih besar, bagaimana Pas boleh menanggung perbelanjaan besar dengan bertanding sebanyak 160 buah kerusi Parlimen?" soal beliau dalam satu kenyataan media.

Mahfuz yang kini naib presiden AMANAH berkata, jika Pas mampu berbelanja sekurang-kurangnya RM34.4 juta untuk bertanding di semua kerusi Parlimen dan Dun

yang diumumkan parti Islam itu, dana yang ada mustahil disumbangkan daripada "poket ahli Pas".

Menurutnya, jika dakwaan Takiuddin bahawa dana pilihan raya itu diperolehi daripada sejuta ahli Pas yang menyumbang RM35 seorang, mengapakah akhbar rasmi parti itu, Harakah yang berharga RM2 senaskah gagal dibeli majoriti ahli parti sehingga mengakibatkannya bermasalah dan terpaksa memberhentikan kakitangan dan mengecilkan operasi.

"Bukankah Harakah adalah lidah rasmi Pas yang mesti dipertahankan hidup dan matinya? Bukankah Pas juga telah membuat kempen sumbangan bagi membantu mempertahankan penerbitan Harakah dengan harga RM2 senaskah seorang.

"Walaupun RM2 senaskah seorang, Harakah masih lagi merudum jualannya kerana ahli Pas sendiri tidak mahu menyumbang dan membelinya. Sepatutnya dengan keahlian Pas yang berjumlah 1 juta orang, Harakah tak sepatutnya dicetak 30,000 naskah sahaja," soal Mahfuz.

Pengalaman beliau berkecimpung di dalam Pas

menunjukkan kempen kutipan derma daripada ahli untuk pelbagai tujuan kerap gagal mencapai sasaran.

Malah ketika menyertai pilihan raya umum (PRU) dengan bilangan kerusi yang sedikit ketika bersama Pakatan Rakyat dan Barisan Alternatif (BA), Pas tidak berbelanja mewah untuk kerja-kerja poster, bendera dan lain-lain.

"Bahkan, dalam pilihan raya kecil (PRK) yang dijalankan pun kita masih tidak mampu menampung perbelanjaan besar operasi pilihan raya walaupun semua kawasan dan cawangan seluruh negara berkampung dan memberikan sumbangan kepada Pas."

"Tiba-tiba dalam PRU ke-14, Pas umumkan nak bertanding lebih dari 160 kerusi Parlimen dan mendakwa dana diambil daripada poket ahli-ahli Pas. Hebat sungguh," katanya sinis.

Sehubungan itu, beliau mencabar Pas untuk mendakwa sumber dana pilihan raya parti itu.



Mahfuz Omar

Selepas 19 April, Umno jadi 'hantu jembalang'

KUALA LUMPUR: Seksyen 13A(4) Akta Pertubuhan 1966 tidak memberi kuasa kepada Pendaftar Pertubuhan (RoS) untuk menangguhkan pemilihan Umno kerana peruntukan itu hanya dikhususnya untuk perkara-perkara berkaitan pentadbiran RoS.

Pengerusi Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH Mohamed Hanipa Maidin berkata, bergantung bulat-bulat ke atas seksyen tersebut untuk menangguhkan pemilihan Umno tanpa membaca dan memahami betul-betul kehendak seksyen 13A(4) adalah "amat tidak cerdik".

"Seksyen 13A(4) bukan seksyen yang bagi cek kosong kepada RoS untuk suka-suka bagi lanjutan masa. Yang itu kena faham dulu."

"Nak faham kehendak seksyen 13A(4), kita kena lihat dan baca juga seksyen 13A

(1) dan (2) Akta yang sama. Jika tidak, kita akan 'sesat', jelas beliau.

Hanipa mengulas tindakan RoS memberikan lanjutan masa kepada Umno bagi mengadakan mesyuarat pemilihan yang sepatutnya dilaksanakan 19 April lalu.

Kali terakhir Umno mengadakan pemilihan parti adalah pada 19 Okt 2013.

Fasal 9.3 perlombongan Umno menyatakan Majlis Tertinggi Umno perlu mengadakan pemilihan setiap tiga tahun.

Bagaimanapun parti itu dibenarkan melanjutkan tempoh masa pemilihan di bawah Fasal 10.16 selama 18 bulan.

Pada 15 Jun 2015, presiden Umno Datuk Seri Najib Razak mengumumkan pemilihan parti itu ditangguhkan selama 18 bulan atas alasan pilihan raya umum (PRU).

Bagaimanapun Setiausaha Agung Umno

Datuk Seri Tengku Adnan Mansor pada Februari lalu mengumumkan pemilihan Umno yang sepatutnya berlangsung 19 April lalu ditangguhkan kepada 19 April 2019 selepas mendapat persetujuan RoS.

Hanipa menambah, lanjutan masa yang dinyatakan di bawah Seksyen 13A(4) adalah berkait rapat dengan lanjutan masa yang diberikan RoS di bawah sub seksyen (1) atau (2) seksyen 13A itu.

"Kuasa RoS nak beri lanjutan masa bergantung pertamanya kepada isu sama ada RoS ada kuasa untuk keluarkan perintah kepada pertubuhan itu dulu? Jika ada, baru relevan untuk quote seksyen 13A (4). Jika tidak ada, bagi saya, RoS dan pertubuhan itu lebih baik tutup mulut!"

"Dalam kes Umno, isunya adalah lanjutan masa untuk adakah pemilihan parti yang

diperuntukkan secara jelas dalam perlembagaan parti itu sendiri. Justeru itu, ia tiada kaitan langsung dengan RoS di bawah seksyen 13A(4)," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau menegaskan bahawa Umno perlu mengadakan mesyuarat pemilihan 19 April lalu dan surat RoS yang memberikan lanjutan masa sehingga 19 April 2019 adalah tidak relevan, tidak terpakai dan tidak berguna sama sekali.

"Jika tiada pemilihan Umno... parti itu hakikatnya adalah pertubuhan haram, ia ibarat hantu jembalang!"

"Setakat yang saya tahu, hantu tak boleh pegang jawatan, tak boleh jadi calon dan tak boleh bertanding PRU. Titik. Mereka yang 'kawan rapat' dengan hantu juga amat merbahaya dan tak wajar dipercayai," kata Hanipa.

Pas cipta sejarah bertanding paling banyak kerusi

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Pas secara rasmi sudah mengumumkan untuk bertanding di 153 kerusi Parlimen dan 386 Dewan Undangan Negeri (Dun) pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14).

Keputusan Pas meletakkan calon di 153 kerusi Parlimen setakat ini mencipta rekod dalam sejarah pilihan raya umum (PRU) di negara ini.

Sejak PRU pertama 1959, Pas paling banyak bertanding kerusi Parlimen pada PRU 1986 sebanyak 98 kerusi diikuti PRU 1978 (88) dan PRU 2004 di 84 kerusi.

Bagaimanapun, Pas hanya mampu mempertahankan satu kerusi Parlimen di Pengkalan Chepa pada PRU 1986 walau pun kontroversi tragedi Melati, Kedah pada 19 November 1985 masih membahang.

Pada PRU 1978, Pas yang bertanding sendirian selepas 'ditendang keluar' dari BN hanya menang lima kerusi Parlimen iaitu di Kedah dan Kelantan, masing-masing dua kerusi dan satu lagi di Pulau Pinang.

Walaupun Pas berada dalam Barisan Alternatif tetapi tanpa penyertaan DAP, Pas menang hanya enam kerusi parlimen pada PRU 2004.

Rekod itu adalah pencapaian pertama Datuk Seri Abdul Hadi Awang dalam PRU yang mengambil tumpuk kepimpinan Pas selepas Ustaz



Fadzil Nor meninggal dunia.

Bilangan kerusi ditandingi Pas mengikut negeri adalah seperti berikut:

Perlis:

3 Parlimen, 15 Dun

Kedah:

14 Parlimen, 36 Dun

Pulau Pinang:

6 Parlimen, 18 Dun

Perak:

19 Parlimen, 44 Dun

Selangor:

20 Parlimen, 47 Dun

Wilayah Persekutuan:

9 Parlimen

Negeri Sembilan:

8 Parlimen, 26 Dun

Melaka:

5 Parlimen, 24 Dun

Johor:

20 Parlimen, 41 Dun

Kelantan:

14 Parlimen, 45 Dun

Terengganu:

8 Parlimen, 32 Dun

Pahang:

14 Parlimen, 40 Dun

Sarawak:

5 Parlimen

Sabah:

8 Parlimen, 18 Dun

Serum alami keluaran Dr. Olive Bodycare

ASSALAMUALAIKUM dan salam sejahtera para pembaca sekalian. Artikel kita kali ini membicarakan tentang serum, jenis-jenis serum yang dikeluarkan, bahan yang digunakan, kelebihan dan cara menggunakannya.

Selama ini kita biasa menggunakan krim muka untuk memelihara kecantikan kulit muka. Dalam pasaran terdapat banyak jenis krim muka. Krim pelembab untuk siang dan malam, krim pemutih, krim anti jeragat. Krim ini pula dirumus khas untuk berbagai jenis kulit. Untuk kulit kering, kulit berminyak, kulit bermasalah dan sebagainya. Krim muka disediakan untuk melembab dan melindungi kulit dari sinaran matahari, pancaran UV, angin yang sejuk dan kering, cuaca yang ekstrim seperti dimusim sejuk dan musim panas. Krim muka apabila dipakai akan menghasilkan satu lapisan perlindungan diantara kulit muka kita dengan alam persekitaran.

Sebagai rutin harian untuk menjaga kulit wajah supaya sentiasa cantik dan sihat, kita menggunakan 3-produk utama, iaitu: pencuci, toner dan pelembap. Kami ingin mengesyorkan anda menambah satu lagi produk yang sangat baik untuk kulit wajah anda - Serum muka!

Serum komersil yang terdapat di pasaran biasanya mengandungi kimia dan bahan-bahan lain yang bukan alami. Serum kami diperbuat daripada minyak-minyak alami seperti Minyak Zaitun, Minyak Avocado, Minyak Badam, Minyak Vitamin E, Minyak kelapa Dara, Minyak Biji Anggur, Minyak Delima, Minyak Wheatgerm dan Minyak Rosehip Seed.

Mengapa kita perlu pakai serum pula? Dah pakai moisturizer(pelembap) dahlah, takkan tak cukup lagi!. Jawapannya ialah kerana molekul serum jauh lebih kecil dari molekul pelembap. Ini membolehkan serum diserap dengan lebih banyak dan cepat ke dalam pori-pori. Bermakna, bahan-bahan aktif dapat meresap terus ke lapisan kulit yang disasarkan. Serum pula mengandungi 10 kali ganda bahan aktif daripada apa yang terdapat dalam pelembap. Pendek kata, serum lebih berkesan daripada krim pelembap, merawat lapisan kulit atas dan membuat kulit awet muda dan berseri.

Walaubagaimanapun, ini tidak

bermakna yang kita tidak perlukan pelembap langsung. Pelembap membantu untuk mengekalkan serum dalam kulit. Malahan, serum dan pelembap bertindak dengan begitu effektif, terutamanya untuk jenis kulit yang kering.

Kelebihan menggunakan serum muka:

1. Serum dapat memelihara kulit supaya sentiasa dalam keadaan awet muda dengan meningkatkan kelembapan kulit dan membekalkan bahan-bahan aktif yang diperlukan oleh kulit kita. Apabila kulit kita kering, kita memerlukan produk yang boleh meresap ke dalam pori-pori dan memberikan kelembapan yang secukupnya. Tahap kelembapan yang tinggi akan merangsang kulit untuk membentuk kolagen dan elastin. Kedua-dua struktur protein ini sangat diperlukan untuk wajah yang sentiasa awet muda. Apabila umur kita semakin meningkat, kolagen dan elastin kita menurun. Ini akan membawa kepada kemunculan garis-garis halus, kedutan dan kekenduran kulit. Jadi, amatlah penting kita menjaga kelembapan kulit dan meningkatkan bekalan kolagen dan elastin.

2. Serum dapat menyembuhkan dan merawat kulit dengan bahan-bahan aktif yang terkandung dalamnya. Jika anda mempunyai kulit yang berminyak, anda perlu meningkatkan lagi

tahap kelembapannya untuk mencegah kulit anda daripada mengeluarkan minyak yang berlebihan. Bahan aktif dan antioxida yang terdapat dalam serum boleh merawat dan memperbaiki kulit anda. Sekali gus penggunaan serum akan melindungi kulit anda dari kerosakan yang berpunca daripada persekitaran.

Empat jenis serum keluaran Dr Olive Bodycare:

- 1) Anti-ageing Serum untuk membuat kulit wajah sentiasa awet muda dan menghilangkan garis-garis halus pada wajah.
- 2) Clear Facial Skin Serum untuk menghilangkan bintik-bintik hitam, jeragat dan meratakan tona warna muka.
- 3) Dark Circle Eye Serum untuk menghilangkan lebam bawah mata.
- 4) Scar Serum untuk menghilangkan cela dan parut bekas jerawat pada kulit.
- 5) Eye Lash Growth Serum untuk menggalakkan pertumbuhan bulu mata dengan lebih panjang dan lebat.

Cara menggunakan Serum:

Serum boleh tahan lama, walaupun ia nampak sedikit sahaja di dalam botol yang kecil. Sebelum menggunakan serum, mula hendaklah dicuci terlebih dulu. Serum dapat diserap dengan cepat sekiranya kulit anda masih lembat sedikit selepas dicuci. Ambil beberapa titik serum sahaja dan urutlah perlahan-lahan dikulit muka. Setelah selesai, bolehlah diikuti

pula dengan pelembap.

Berapa kali sehari? Disyorkan 2 kali sehari. Tetapi saya suka pakai serum selepas saya mengambil wuduk. Kalau kita nak pakai dua jenis serum macam mana? Misalnya anda ingin menggunakan serum Anti-ageing dan Clear Facial Skin.

Anda boleh guna serum Clear Facial Skin selepas mengambil Wuduk untuk Solat Fajar. Selepas mengambil wuduk untuk solat zohor, anda boleh menggunakan Serum AntiAgeing pula. Begitulah seterusnya.

Nah... itu dia cerita pasal serum. Apalagi, jom kita mula gunakan serum. Kami sudah mula menerima testimony untuk serum-serum kami. Apa lagi!!!

Jom mula guna serum.

Semoga maklumat yang diberikan ini dapat mendatangkan manfaat kepada semua pembaca dan pengguna produk Dr. Olive Bodycare. Produk yang alami, selamat dan berkesan. Jika anda ingin menjadi ejen kami atau ingin mendapatkan info tambahan sila email atau whatsapp kami di nombor yang tertera. Sehingga berjumpa lagi di lain siaran, jom tukar kepada produk Dr. Olive Bodycare dan salam hormat dari kami.

Untuk maklumat lanjut sila layari
www.wix.com/drolivebodycare

SERUM

CONTENT:

OLIVE OIL, AVOCADO OIL, ROSEHIP SEED OIL, ARGAN OIL, VITAMIN E OIL, VIRGIN COCONUT OIL, SWEET ALMOND OIL, GRAPE SEED OIL, CASTOR OIL, JOJOBA OIL

DR. OLIVE BODY CARE

NATURAL . SAFE . EFFECTIVE

Handmade . No Harmful Chemicals . Paraben Free . Halal
SOAP . BODYSCRUBS . SERUMS . DEODORANT . SUNSCREEN . TEA . SUPPLEMENTS

+60 13 754 9335

20% Sale DISCOUNT

Serum 5ml RM 31.90

Serum 20ml RM 127.70

drolivebodycare@gmail.com
www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare

AMANAH Terengganu tampil 12 calon berwibawa

KUALA TERENGGANU: AMANAH Terengganu 25 April lalu mengumumkan senarai calon pilihan raya umum (PRU) yang menampilkan gandingan seimbang mewakili golongan muda, agamawan, ahli akademik dan profesional.

Pengerusi AMANAH Terengganu Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah berkata, daripada 11 calon Dewan Undangan Negeri (Dun) yang ditampilkan AMANAH negeri, hampir 30 peratus terdiri dari golongan muda yang diketuai Ketua Pemuda AMANAH Terengganu, Hasbie Muda.

"Calon golongan muda yang lain terdiri dari para jurutera profesional yang memahami aspirasi generasi muda hari ini," katanya dalam satu kenyataan media.

Beliau menambah, calon dari golongan agamawan diketuai Ustaz Aziz Abas dan juga para agamawan akademik yang mengajar di universiti tempatan.

"Mereka akan bertanggung jawab membawa konsep 'Rahmatan lil 'Alamin' ke tengah-tengah masyarakat Terengganu Darul Iman yang dahagakan cara hidup Islam yang syumul," ujar beliau.

AMANAH negeri turut menampilkan golongan akademik antaranya Datuk Dr Prof Kamaruzaman Wan Su, tokoh tempatan

yang di segani.


"Di bawah pimpinan mereka, Terengganu yang telah banyak melahirkan murid cemerlang di peringkat sekolah, adalah diharapkan lagi ramai para graduan universiti anak Terengganu yang cemerlang dapat pulang berkhidmat untuk Terengganu," ujar Raja Bahrin.

Calon daripada golongan profesional yang lain, tambah beliau terdiri daripada arkitek serta jurutera sivil dan marin yang boleh membawa Terengganu ke arah pembangunan yang teratur dan dengan sikap penuh profesional serta beramanah.

"Tiga calon untuk parliment pula merupakan gandingan yang terdiri dari para agamawan, akademik dan profesional.

"Ini akan memastikan Terengganu bakal menikmati pembangunan seimbang dalam bidang agama, akademik dan pem-

bangunan fizikal yang kini mengalami banyak kelemahan dan pembaziran," ujarnya.



Raja Bahrin bersama senarai calon AMANAH Terengganu bagi PRU14.

Berikut adalah senarai calon AMANAH Terengganu bagi PRU14:

1. Parliment Kuala Terengganu - Ar. Dato' Raja Bahrin Ibni Raja Ahmad Baharuddin Shah
2. Parliment Marang - Dr. Zarawi Sulong
3. Parliment Kuala Nerus - Ustaz Abdullah bin Muhamad
4. Dun Jertih - Dato' Dr Kamarul zaman Wan Su
5. Dun Jabi - Ustaz Abd Aziz Abas
6. Dun Teluk Pasu - Ir Azik Chik
7. Dun Batu Buruk - Ar. Dato' Raja Bahrin
8. Dun Wakaf Mempelam - Zubir Mohamed
9. Dun Manir - Ir. Hafizuddin Hussin
10. Dun Rhu Redang - Dr Zarawi Sulong
11. Dun Bukit Payong - Mohd Dalizan Abd Aziz
12. Dun Sura - Ir. Zulkifli Ali
13. Dun Paka - Mohd Hasbie Muda
14. Dun Kemasek - Ir. Rizan Ali



SPR usah berat sebelah isu gambar calon

BIRO Undang-undang (Kanun), Parti Amanah Negara telah mengeluarkan satu kenyataan media bertajuk "Isu Logo PH - SPR Usah Jadi Terompah BN" pada 7 April 2018.

Ramalan Kanun bahawa SPR akan menjadi alat BN kelihatan semakin hari semakin terserlah. Hari ini (25 April) SPR telah benar-benar menunjukkan sikap berat sebelah dengan membuat garis panduan gambar calon yang tidak masuk akal.

Larangan SPR itu antara lain, menyatakan, penggunaan gambar pemimpin utama parti politik:

b) Dihadkan kepada gambar 2 orang pemimpin utama parti politik iaitu Presiden (atau setaraf dengannya) dan Timbalan Presiden (atau setaraf dengannya) bagi parti politik yang bertanding (berdasarkan kepada penggunaan lambang/simbol parti politik yang diaftarkan oleh calon semasa Hari Penamaan Calon).

c) Jawatan selain daripada Presiden (atau setaraf dengannya) dan Timbalan Presiden (atau setaraf dengannya) parti



PENDAPAT
WAN ANWAR

adalah tidak dibenarkan.

Kanun menegaskan bahawa tindakan SPR itu jelas bertentangan dengan Seksyen 5(1)(a) Akta Pilihan Raya 1958 (Akta 19) yang menyatakan Suruhanjaya Pilihan Raya hendaklah:

a) menjalankan kawalan dan penyeliaan ke atas penjalanan pilihan raya dan pendaftaran pemilih dalam daftar pemilih, dan hendaklah menentukan supaya semua pegawai pilihan raya menjalankan tugasnya dengan adil, tidak berat sebelah.

Kanun turut menegaskan bahawa Laran-

gan SPR itu secara efektifnya akan menghalang calon atau wakil calon Pakatan Harapan (PH) menggunakan gambar Tun Mahathir Mohamad sebagai bahan kempen sedangkan seluruh rakyat Malaysia tahu bahawa calon Perdana Menteri bagi Pakatan Harapan adalah Tun Mahathir dan calon Timbalan Perdana Menteri adalah Datuk Seri Wan Azizah Wan Ismail. Tindakan ini juga sekaligus akan merencatkan kempen pilihan raya PH.

Kanun seterusnya berpandangan bahawa jika SPR benar-benar ingin menjadi alat dan terompah Barisan Nasional (BN), sewajarnya SPR terus sahaja menghalang parti selain BN daripada bertanding atau SPR terus sahaja membatalkan pencalonan selain daripada pencalonan BN.

Kanun juga menyarankan supaya Pengerusi SPR, Tan Sri Mohd Hashim Abdullah meletakkan jawatan dan bertanding sahaja atas tiket BN.

Walaubagaimanapun, Kanun juga menegaskan bahawa larangan SPR itu hanya terpakai ke atas calon dan wakil calon sahaja seperti yang disebut dalam

Seksyen 24B(4) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 tetapi arahan tersebut tidak terpakai ke atas pengundi dan seluruh rakyat yang mengharapkan perubahan. Maka para pengundi adalah kebal terhadap arahan SPR itu.

Sehubungan dengan itu, Kanun menggesa supaya penyokong PH tidak berputus asa dengan "permainan" SPR ini dan berharap pimpinan PH dapat terus menggembung semua rakyat Malaysia untuk membantah larangan SPR tersebut dengan memaksimumkan bahan kempen yang berasaskan teknologi seperti facebook, instagram, twitter, youtube dan whatsapp serta bahan kempen yang berbentuk mobile seperti baju, topi, pelekat kereta yang membawa mesej perubahan dan harapan sehingga hasrat kita untuk melihat Malaysia berubah tercapai.

"Amanah, Progresif, Peduli"

■ Wan Anwar Wan Ibrahim ialah Timbalan Pengerusi Kanun.

Umno langgar perlembagaan tangguh pemilihan

KUALA LUMPUR: Veteran Umno Tan Sri Rais Yatim menggesa anggota Majlis Tertinggi Umno supaya tidak memandang remeh soal perlembagaan dan mendapatkan pengisytiharan mahkamah sama ada tindakan parti itu menangguhkan pemilihannya adalah sah.

Apabila ditanya sama ada beliau akan memohon pengisytiharan mahkamah mengenai perkara itu, beliau berkata ia sepatutnya dilakukan ahli Majlis Tertinggi Umno.

"Itu bukan kerja saya tapi saya fikir yang bertaualiah dalam soal ini ialah (anggota) Majlis Tertinggi (Umno).

"Pemimpin-pemimpin besar Umno yang berjawatan sekarang tidak boleh berdiam diri. Mereka harus mendapatkan panduan perundangan yang tepat dan jitu.

"Saya beranggapan jika Umno Pusat tidak membuat pilihan ini, mereka akan akan dianggap sebagai mengambil remeh persoalan perlembagaan Umno," jelas beliau.

Menurut Rais, berdasarkan perlembagaan Umno pemilihan parti yang sudah ditangguh selama 18 bulan perlu diadakan April ini.

Rais yang juga seorang peguam berkata, adalah jelas bahawa Umno mesti mengadakan pemilihannya selewat-

lewatnya 19 April lalu.

Pemilihan Umno terakhir dibuat pada 19 Oktober 2013.

Menurut Fasal 9.3 perlembagaan Umno, Majlis Tertinggi hendaklah dipilih setiap tiga tahun, dengan lanjutan tambahan 18 bulan dibenarkan di bawah Fasal 10.16.

Najib pada Jun 2015 mengumumkan bahawa pemilihan parti akan ditangguhkan, kerana Umno perlu bersiap sedia untuk pilihan raya umum.

Rais berkata, lanjutan 18 bulan bagi pemilihan Umno memang dibenarkan namun beliau menolak kesahihan untuk lanjutan kedua.

"Pada hemat saya memang tak boleh (lanjutan kedua) dibuat oleh Majlis Tertinggi. Harus dibuat setelah proses pemilihan dibuat.

"Pendaftar tidak ada kuasa untuk menghalalkan keberadaan Umno tanpa pemilihan lebih daripada yang dibenarkan (mengikut) Fasal 10.

"Ini penting dibuat sebab pilihan raya umum dah nak datang. Kalau boleh sebaik-baiknya perkiraan di mahkamah perlu dibuat oleh Umno sendiri, jangan dibuat pihak lain sebab soal 'locus standi' akan ditimbulkan.

"Apabila dapat penghakiman, baruanah mudah untuk Umno buat tugas

hariannya, jika tidak, memang ramai ahli akan mepersoalkan kesahihan di sisi undang-undang kewujudan Umno itu," katanya.

Rais juga menegaskan bahawa adalah paling afdal bagi anggota Majlis Tertinggi Umno tu sendiri yang memohon pengisytiharan mahkamah.

"Ahli biasa pun boleh buat, (tapi) nampak tak cantik (apabila) ahli biasa (berbuat demikian).

"Biar Majlis Tertinggi memohon panduan perundangan, supaya kuasa pendaftar bawah Seksyen 14, Akta Pertubuhan dapat diberi penghakimannya yang sah.

"Pada hemat saya, melihat peruntukan ini, beliau (pendaftar RoS) tak boleh.

"Beliau boleh membenarkan lanjutan sekali, selebih tu tak boleh beliau membenarkan tidak ada pemilihan," katanya.

Setiausaha Agung Umno, Tengku Adnan Tengku Mansor pada Februari lalu berkata pemilihan parti akan diadakan pada 19 April, 2019, selepas mendapat kelulusan daripada RoS.

Pada 17 April lalu, bekas menteri kabi-



Rais Yatim

net Tan Sri Rafidah Aziz menulis di Facebook untuk berkongsi pandangan undang-undang seorang rakannya, yang berkata bahawa Umno tidak boleh bertanding pada pilihan raya umum akan datang kerana parti itu dianggap tidak sah selepas 19 April.

Beliau juga berkata, RoS tidak mempunyai kuasa untuk membenarkan lanjutan kedua dan Tengku Adnan merujuk peruntukan yang salah dalam mewajarkan penangguhan itu.

Bagaimanapun, Tengku Adnan menggaskan bahawa Umno bukan parti yang haram, dan memberi jaminan kepada ahli-ahlinya bahawa mereka akan bertanding pada pilihan raya umum ke-14.

Pas akui terima RM1.5 juta tetapi dakwa ia derma

KUALA LUMPUR: Selepas dicabar mendedahkan akaunnya pada 23 Mac 2018 bagi membuktikan Pas tidak menerima wang dari Umno, pemimpin parti itu akhirnya mengakui menerima duit itu namun bukannya dari Umno.

Ahli Jawatankuasa Pas Pusat, Dr Zuhdi Marzuki dalam wacana di Sinar Harian, 19 April lalu mengesahkan Pas menerima wang pada tarikh itu.

"Bekas pemimpin Pas mendakwa kita menerima RM1.5 dan satu juta dalam bank."

"Sebenarnya ini adalah derma, derma dari individu, bukan dari Umno. Bukan dari pejabat Umno.

"Sebab itu kita ucapan terima kasih

kepada orang yang derma itu. Lepas ini kalau ada yang mahu menderma RM5 juta, Alhamdulillah," kata Zuhdi yang juga Pengarah Pusat Penyelidikan Pas (PPP).

Sebelum ini, Naib Presiden AMANAH Husam Musa mencadangkan Pas mendedahkan akaun kewangan pada tarikh transaksi itu didakwa berlaku iaitu 23 Mac 2018 jika mahu membersihkan namanya.

"Pas kena dedah akaun dia bulan Mac lalu untuk buktikan parti itu tidak terima duit dari Umno," kata Husam yang sebelum ini juga mendakwa Pas menerima duit Umno.

Bekas Naib Presiden Pas, Datuk

Mahfuz Omar mendakwa Pas menerima wang dari Umno yang dimasukkan ke akaun Pas Pusat dan Pas negeri berjumlah RM2.5 juta.

Tiga penama akaun amanah Pas Terengganu iaitu Satiful Bahri Mamat, Muhyiddin Abdul Rashid dan Shukrimun Shamsuddin manafikan dakwaan Mahfuz dan mengugut akan mengambil tindakan undang-undang selepas pilihan raya umum (PRU) nanti.

Mahfuz bagaimanapun mencabar mereka menyamannya segera tanpa menunggu berakhirnya PRU.

Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang manafikan dakwaan itu dengan berkata adalah tidak masuk akal untuk

Umno menyalurkan wang kepada Pas sedangkan parti pimpinannya itu akan melawan Umno pada PRU ini.

Husam bagaimanapun yakin wang itu disalurkan kepada Pas bagi membantu parti itu bertanding di kerusi yang tidak boleh dimenanginya semata-mata untuk membolehkan BN menang dalam pertandingan tiga penjuru.

"Pas tahu dia tidak akan menang di kerusi itu tetapi dia nak masuk juga untuk kalahkah PH."

"Jadi lojiklah Pas terima duit Umno untuk menang Umno," kata Husam dalam ceramah beliau di Tawang, Bachok.

Dakwa DAP robek perlembagaan satu khayalan

KUALA LUMPUR: Presiden Pas Datuk Seri Abdul Hadi Awang disifatkan sebagai berkhalayal apabila menuduh DAP mahu 'merobek perlembagaan', kata aktivis DAP yang juga pakar undang-undang perlembagaan, Dr Abdul Aziz Bari.

Abdul Aziz menegaskan, tidak wujud sebarang usaha DAP untuk menjadikan Perlembagaan dan melemahkan kedudukan agama Islam serta Raja-Raja sebagai ketua agama Islam.

"Nampaknya itu hanyalah igauan atau khayalan bekas ahli parlimen

Marang dan Umno yang sentiasa bercakap mengenai apa yang mereka dakwa USAH DAP untuk mengkristiankan Malaysia dan memansuhkan kedudukan Islam.

"Sebagaimana yang tertera dalam Buku Jingga 2013 dan manifesto PH 2018, DAP komited untuk mempertahankan dan mendaulatkan perlembagaan dan segala isi kandungannya.

"Ini merangkumi kedudukan Raja-Raja, Islam, bahasa Melayu, kedudukan istimewa Melayu-bumiputera dan seterusnya," kata bekas profesor

di Kuliyyah Undang-undang, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) itu.

Abdul Aziz yang juga bakal calon DAP bagi Dewan Undangan Negeri (Dun) Tebing Tinggi, Perak diminta mengulas kenyataan Hadi yang dilapor media mendakwa kononnya wujud agenda DAP untuk merobek perlembagaan dengan mengaitkan sepucuk surat seorang paderi yang menyeru pengikut Kristian melakukan perubahan pada pilihan raya umum (PRU) ini.

"Apa yang jelas ialah paderi berkenaan,

sebagaimana rakyat Malaysia lain yang prihatin dengan masa depan negara, ialah membuat perubahan ke arah yang lebih baik khususnya menolak rasuah dan penyalahgunaan kuasa yang sinonim dengan Umno-BN," katanya dipetik *Roketkini*.

Ujar Abdul Aziz, presiden Pas itu sepatutnya bersama dengan gerakan massa yang disokong rakyat dan bukan melakukan sesuatu yang memberi laluan dan talian hayat kepada Umno-BN.

Makan nasi tanpa lauk untuk jimat belanja

Oleh ARIF ATAN

Peniaga nasi campur di ibu negara mendedahkan terdapat pelanggan hanya meminta sepinggan nasi bersama kuah sahaja sekali gus menggambarkan realiti ramai rakyat di negara ini tidak mempunyai wang mencukupi.

Rojmi Abdul Rahman yang sudah berna- ga 20 tahun di Desa Sri Hartamas, Segambut mendedahkan hal tersebut ketika ditemui pemberita Astro Awani.

"Kasihan pelanggan sekarang. Ramai pelanggan tiada duit. Makan pun kuah saja, air pun tidak ada," katanya.

Beliau turut mengakui kadar kenaikan

kos barang mentah juga membebangkan golongan peniaga makanan seperti untuk meletakkan harga tanpa membebangkan pelanggan.

Walau bagaimanapun, Rojmi berusaha untuk mengekalkan harga jualan makanannya walaupun terpaksa menanggung harga bahan yang semakin melambung.

Pemberita saluran berita Astro itu kemuadian memberitahu ada peniaga memaklumkan perbelanjaan harian untuk menyediakan bahan makanan meningkat sehingga RM2,500 berbanding sekitar RM1,500 sehingga RM2,000 beberapa tahun lalu.

"Jadi, ini menyukarkan dia (peniaga) mendapatkan margin keuntungan. Pelang-

gan datang hanya meminta sepinggan nasi dan mengambil kuah saja," kata wartawan penyiaran berkenaan.

Sementara itu, beberapa orang awam sekitar Segambut yang ditemui juga memberi reaksi sama dan mengakui terbeban dengan harga barang yang semakin mahal.

Terdapat seorang pekerja swasta memperhati dirinya tidak mempunyai simpanan bulanan memandangkan pendapatan yang diperoleh hanya cukup-cukup untuk menampung perbelanjaan sepanjang tempoh sebulan.

"Duit ada tetapi untuk simpan tidak ada," akunya.

Seorang pengasuh pula hanya bergan-

tung pada pendapatan RM350 sebulan dan mengakui jumlah itu jauh tidak mencukupi tetapi masih boleh meneruskan hidup kerana tinggal serumah dengan ibunya.

Seorang peniaga kecil lain berkata, simpanan bulanannya tidak menentu lantaran bergantung pada pasang surut hasil menjual makanan yang diusahakannya.

Laporan Astro Awani juga mendedahkan kenaikan kos sara hidup turut menghimpit kelompok kelas pertengahan.

Ada antara golongan berduit sekitar Segambut yang ditemui memberitahu terpaksa mengurangkan kegemaran meminum kopi Starbucks daripada tiga kali seminggu kepada hanya sekali dalam tempoh dua minggu.

Trend harga minyak pra-PRU bukti ia boleh distabil

KUALA LUMPUR: Pemuda Pakatan Harapan (PH) yakin kerajaan mampu menstabilkan harga minyak setelah tiga minggu harga petrol dan diesel dapat dikekalkan menjelang pilihan raya umum (PRU).

"Masuk minggu ini, telah tiga minggu berturut-turut harga bahan api kekal pada kadar RM2.20 (RON95), RM2.47 (RON97) dan RM2.18 (diesel).

"Situasi ini membuktikan wujud mekanisme bagi membolehkan harga bahan api stabil, walaupun sebelum ini Kerajaan Persekutuan seakan-akan tidak menjumpai mekanisme ini hingga harganya turun dan naik dengan tidak menentu," ujar Pengarah Mobilasi Pemuda PH Shazni Munir Mohd Ithnin.

“...Situasi ini membuktikan wujud mekanisme bagi membolehkan harga bahan api stabil, walaupun sebelum ini Kerajaan Persekutuan seakan-akan tidak menjumpai mekanisme ini hingga harganya turun dan naik dengan tidak menentu...”

Beliau yang juga Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional menambah, kerajaan BN kini terpaksa menstabilkan harga bahan api bagi mengekang kemarahan awam terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Justeru katanya, ini mengundang rasa khuatir rakyat bahawa harga bahan api itu akan melambung tinggi sekiranya BN kekal sebagai kerajaan persekutuan selepas 9 Mei ini.

"Kekhuatiran ini berasas jika melihat kembali kenaikan mendadak

harga RON95 selepas BN menang PRU-13 yang lalu.

"Selari dengan Manifesto Pakatan Harapan untuk menstabilkan harga minyak dan pelaksanaan subsidi bersasar, kita pastinya tidak mempunyai sebarang masalah untuk mengekalkan kestabilan harga bahan api yang sedang dinikmati ketika ini."

"Bahkan untuk kelompok yang layak, harga bahan api akan menjadi lebih murah apabila terlaksananya pemberian subsidi bersasar," ujarnya.

Peneroka terbela jika PH bentuk kerajaan

KUALA LUMPUR: Tuduhan liar kononnya kerajaan Pakatan Harapan (PH) akan menutup Felda jika membentuk kerajaan adalah satu pemborongan yang tidak masuk akal.

Menyanggah tohongan palsu yang diulang-ulang itu, kerajaan PH sebaliknya akan memperkuuh institusi itu sekaligus membela generasi baru Felda, tegas Naib Pengurus DAP Kebangsaan yang juga calon parlimen Raub, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji.

Menurut beliau, Umno tidak lagi memiliki integriti sehingga terpaksa menggunakan sentimen 'takut' demi mengekalkan kuasa mereka.

"Mereka nak terus berkuasa dan terpaksa menutup segala kesalan mereka dengan cerita-cerita

sebegini.

"Tapi rakyat sendiri melihat apa yang telah dilakukan pemimpin Umno. Bukan sahaja isu Felda tapi Mara, Tabung Haji, KWSP, 1MDB dan sebagainya," katanya dipetik Roketkini.

Tegas Tengku Zul, 10 janji 100 hari pentadbiran kerajaan PH jelas memperkenan iltizam untuk memperkasa kedudukan Felda dengan menghapuskan hutang-hutang tidak wajar yang dipaksa ke atas peneroka Felda.

Kerajaan PH juga katanya

bukan sahaja akan menubuhkan Suruhanjaya Siasatan DiRaja menyiasat skandal Felda tetapi juga badan itu akan menyiasat skandal penyelewengan 1MDB, MARA dan Tabung Haji selain merombak struktur kepimpinan badan-badan terbabit.

Selain janji 100 hari, manifesto PH juga menunjukkan komitmennya dengan Iltizam Khusus Untuk Warga Felda melibatkan seluruh kepentingan warga Felda dan generasi baru peneroka.

Tengku Zulpuri Shah Raja Puji



Pelbagai cara dicuba BN untuk kekal berkuasa

SHAH ALAM: Persempadanan baharu kawasan pilihan raya antara cara Umno-BN untuk mengekalkan kuasa selepas melihat penolakan rakyat terhadap parti itu.

Penyandang Parlimen Shah Alam, Khalid Samad berkata, kawasan diwakilinya pada PRU13 turut terkesan dengan usul persempadanan semula kawasan pilihan raya yang diluluskan pada 28 Mac lalu.

"Najib tahu rakyat tidak suka dia. kalau buat pilihan raya secara adil dan saksama, dia tahu rakyat tidak mahukan dia."

"Jadi dia cari jalan supaya (BN) terus memerintah walaupun rakyat tidak mau. Hidung tak mancung, pipi tesorong-sorong."

"Pengundi bukan Melayu yang dulu sokong kita 100 peratus seperti Taman Berkeley, Bukit Kuda, Bandar Baru Klang, dia tendang keluar masuk Klang," katanya dalam Ceramah Perdana Pakatan Harapan (PH) dekat sini, baru-baru ini.

Pada masa sama, jelasnya pengundi di kawasan Bukit Saga dan TTDI Jaya yang banyak menyokong Pakatan 'ditendang' masuk ke kawasan parlimen lain.

"Daripada asalnya 71 peratus pengundi Melayu, Shah Alam sekarang sudah jadi 77 peratus pengundi Melayu," ujarnya.

Untuk rekod, pada PRU13 kawasan Taman Berkeley, Bandar Baru Klang, TTDI Jaya terletak di bawah Dewan Undangan Negeri (Dun) N.40 Kota Anggerik.

Sementara itu, kawasan Bukit Saga dan Bukit Kuda berada di N.41 Batu Tiga.

Khalid yang juga Pengarah Komunikasi AMANAH yakin usaha mengharamkan PPBM ekoran pemimpin BN masih tidak yakin menang walaupun persempadanan baru telah diluluskan.

"Sudah buat persempadanan baru pun dia (Najib) masih tidak yakin. Dia terpaksa haramkan parti Bersatu (PPBM)."

"Dia tahu Tun Mahathir dan Bersatu mampu tarik sokongan Melayu sehingga menyebabkan PH pun tidak dapat didaftarkan."

"RoS sudah tolong, SPR dah tolong Umno-BN tapi dia masih tidak yakin. Dia buat pula hari mengundi hari Rabu. Dia cari jalan nak menangkan dirinya dalam keadaan rakyat tidak mau," tegas Khalid lagi.

Khalid yakin pemilihan Rabu sebagai hari mengundi dibuat bertujuan mengurangkan jumlah keluar mengundi sekaligus mencerahkan peluang BN untuk kekal berkuasa.

Lebih 2,000 penduduk setempat hadir dalam Ceramah Perdana PH Shah Alam, 17 April lalu.

Bagi PRU14, terdapat 90,742 pemilih berdaftar di P.108 Shah Alam dengan N.40 Kota Anggerik mempunyai 41,488 pengundi manakala N.41 Batu Tiga memiliki 49,254 pengundi.



Khalid Samad

Mahathir sesuai ketua transisi

Oleh ARIF ATAN

KUALA LUMPUR: Keputusan Pakatan Harapan (PH) menamakan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri sesuai dengan faktor kewibawaan tokoh itu khususnya dalam proses transisi kerajaan.

Naib Ketua DAPSY Petaling Jaya Utara, Lim Yi Wei mengakui hal demikian dalam wawancara isu semasa di saluran Jom Channel,

baru-baru ini.

Menurutnya, pemimpin Umno-BN tidak akan begitu mudah melepaskan kuasa pasca pilihan raya umum ke-14 (PRU14) selepas menguasai kerajaan sebegini lama.

"Pengalaman saya sebagai anak kepada guru dan seorang ahli majlis, Tun Mahathir sahaja yang mampu mengetuai transisi kerajaan yang stabil."

"Bayangkan jika PH menang, apakah Umno akan melepaskan

kuasa begitu sahaja? Sebab itu mereka (Umno) memainkan sentimen kaum dan agama selain meluluskan akta berita palsu dan persempadan semula kawasan pilihan raya."


"Mereka rasa terdesak dan tidak sanggup melepaskan kuasa begitu sahaja," tegas ahli Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) itu.

Yi Wei menyifatkan Tun Mahathir berupaya menghimpun kesepakatan segenap lapisan rakyat

di negara ini untuk memecahkan cengkaman korupsi Umno.

"Kalau PH menang, 'industri rasa' (Umno-BN) berbilion ringgit yang disokong kroni-kroni akan musnah."

"Mereka dalam keadaan tidak mahu lepaskan cengkaman dan itu sebab Tun Mahathir sahaja yang mampu menyatakan penjawat awam dan rakyat secara keseluruhan untuk melakukan transisi perubahan kuasa secara aman," ujarnya lagi.



Lim Yi Wei

Parti komponen PH boleh guna logo Keadilan

KUALA LUMPUR: Tiada halangan untuk parti-parti komponen Pakatan Harapan (PH) menggunakan logo Keadilan pada pilihan raya umum (PRU) ini, kata Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Tan Sri Mohd Hashim Abdullah.

Beliau berkata, mana-mana calon yang berhasrat bertanding atas tiket Keadilan dan menggunakan simbol Keadilan adalah tertakluk kepada kebenaran parti itu dan bukannya SPR.

"Namun SPR mengingatkan bahawa bagi tujuan untuk mengambil bahagian dalam PRU14, parti-parti politik mestilah merupakan parti yang didaftarkan dan dibenarkan menjalankan segala aktivitinya di bawah Akta Pertubuhan 1966," katanya dalam satu kenyataan, 18 April lalu.

Mohd Hashim berkata bagi parti politik yang bersetuju untuk membenarkan mana-mana bakal calon bertanding mewakili parti berkenaan, mereka diminta membawa surat kebenaran bertulis.

Tambahnya, kebenaran bertulis itu mest-

lah ditandatangani oleh pegawai parti yang bertanggungjawab membenarkan calon itu menggunakan simbol parti tersebut selaras dengan Peraturan 11(2)(d) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981.

Mohd Hashim berkata mana-mana calon yang tidak mendapat kebenaran secara bertulis daripada parti yang ingin diwakilinya, sekiranya layak untuk bertanding, pegawai pengurus akan memperuntukkan kepada dia satu simbol yang sedia ada yang telah ditetapkan sebagai ganti.

"SPR menegaskan selagi mana syarat dipatuhi, individu tersebut adalah layak untuk mewakili mana-mana parti yang telah memberikan kebenaran bertulis tersebut," katanya.

Menjelas lanjut, katanya tiada peruntukan yang menyatakan ahli parti hanya boleh mewakili partinya sahaja dalam PRU.

Katanya SPR juga tidak pernah menghalang lagi Perkara 11(2)(d) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 tersebut dipatuhi sepenuhnya.

PH tidak kurangkan bilangan kakitangan awam

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (PH) berjanji tidak mengecilkan saiz perkhidmatan awam walaupun Malaysia antara negara dengan jumlah kakitangan awam paling tinggi.

Ahli Parlimen Selayang William Leong menyangkal desas-desus gabungan itu akan mengecilkan perkhidmatan awam negara yang memiliki kekuatan 1.63 juta kakitangan jika ia menawan Putrajaya.

"Peranan kerajaan dan jumlah kakitangan awam berbeza mengikut negara bergantung kepada keperluan dan keadaannya," katanya merujuk kepada laporan mengatakan nisbah jumlah kakitangan awam di Malaysia antara tertinggi di dunia.

Nisbah jumlah kakitangan awam Malaysia adalah 1 kepada 19.37, berbanding Singapura (1 kepada 71.4), China (1 kepada 108.3), Indonesia (1 kepada 110)



William Leong

dan United Kingdom (1 kepada 118).

Leong berkata PH mahu menumpukan kepada penambahbaikan perkhidmatan awam dan rasionalisasi peranan dan fungsi kementerian.

Leong berkata kerajaan sekarang yang melaksanakan 'pensaliran wajar' ke atas perkhidmatan awam, termasuk menawar-

kan dasar pemisah untuk kakitangan awam di bawah Rancangan Malaysia ke-11.

Katanya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Azalina Othman Said memberitahu Dewan Rakyat, kerajaan merancang untuk mencapai nisbah kakitangan awam sebanyak 1 kepada 20 orang.

Kerajaan memperuntukkan RM78 bilion untuk gaji kakitangan awam, meningkat daripada RM42 bilion pada 2010.

Penswastaan tanah tentera meragukan

KUALA LUMPUR: Penjelasan Kementerian Pertahanan (Kementah) berhubung isu penswastaan tanah tentera kepada tiga individu seperti didakwa bekas menteri Tan Sri Rafidah Aziz tidak meyakinkan malah gagal menjelaskan isu sebenar.

Presiden Persatuan Patriot Kebangsaan (Patriot) Brid Jen (B) Datuk Mohamed Arshad Raji berkata, jawapan yang diberikan Unit Komunikasi Strategik Kementah hanya mengalihkan perhatian umum kepada prosedur pentadbiran dan bukan memberi jawapan secara langsung kepada persoalan yang timbul.

"Jawapan yang diberikan tidak menafikan tanah Kementah telah diswastakan kepada sebuah

syarikat atau syarikat-syarikat lain. Ia hanya menyatakan syarikat yang dimiliki oleh tiga individu itu tidak memiliki tanah berkenaan.

"Dengan menyatakan bahawa Kementah telah melaksanakan projek-projek pembangunan melalui pelbagai kaedah, termasuk penswastaan pertukaran tanah, Kementah secara tidak langsung mengakui tanah tersebut telah diswastakan."

"Sama ada kesemua 40,000 hektar tanah tentera atau sebahagian daripadanya telah diswastakan adalah tidak jelas. Sama ada ia telah diswastakan kepada syarikat milik 3 individu (seperti yang didakwa oleh Rafidah Aziz) atau kepada syarikat-syarikat lain, juga tidak begitu relevan," ujar Arshad.

Menurutnya, Kementah perlu menjelaskan sama ada tanah milik angkatan tentera secara keseluruhan atau sebahagianya telah diswastakan kepada syarikat atau orang-orang tertentu.

Ini kerana tambah beliau, apabila pemilikan tanah itu berpindah tangan, tiada siapa yang dapat menghalang mereka daripada menubuhkan syarikat pelbagai peringkat (multi-tiers) bagi mengelak pemilik tanah sebenar di kesan dengan mudah.

"Banyak yang telah diperkatakan mengenai Pangkalan Tentera Udara Sungai Besi milik 1MDB, Pangkalan Tentera Udara Butterworth berkeluasan 400 hektar yang sepatutnya diambil alih oleh TSR Capital, Kem Majidee di Johor

yang telah dijual kepada Syarikat Setia Pantai Sdn Bhd," katanya.

Beliau turut menyentuh isu pertukaran tanah membabitkan Kem Gua Permai, Ipoh yang menempatkan Rejimen Askar Melayu Diraja bagi pembinaan hospital veteran yang ada hubung kait dengan syarikat BP Healthcare.

Batalion Askar Melayu Diraja itu, jelas beliau akan dipindahkan ke Hutan Melintang.

"Apa yang dikatakan projek pembangunan ini dan segala urusan diselubungi kerahsiaan. Ini sama sekali tidak boleh diterima. Di manakah suara ahli-ahli Majlis Angkatan Tentera? Di manakah suara para jeneral dan pegawai-pegawai tinggi?" soal beliau.

Arshad juga ingin tahu tentang

tanah-tanah milik tentera yang terlibat dalam pembinaan Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dan Kereta Api BerkelaJuan Tinggi (HSR).

"Berapa banyakkah tanah tentera akan terlibat dengan pembinaan ECRL dan HSR, dan siapa atau syarikat mana yang akan mendapat faedah?

"Dengan begitu banyak ketidakpastian dan soalan-soalan yang tidak terjawab, ia mengundang persoalan sama ada skim pertukaran tanah dan penswastaan tanah angkatan tentera adalah benar-benar penswastaan atau perompakan."

"Patriot menuntut jawapan yang spesifik kepada soalan-soalan tersebut dengan segera," ujar Arshad.

Ketua Pemuda PH, Nik Nazmi Ahmad mengetuai bacaan ikrar.

Lafaz ikrar untuk...



Calon-calon PH melafazkan ikrar.



Calon AMANAH Parlimen Shah Alam Khalid Samad bersalaman dengan seorang calon sambil diperhatikan Datuk Raja Bahrin dan Datuk Fauzi Abdul Rahman (kanan).

PETALING JAYA: Calon-calon Pakatan Harapan (PH) yang akan bertanding dalam pilihan raya umum (PRU) 9 Mei ini melafazkan sumpah dan ikrar bagi memenangkan kerusi yang bakal ditandingi masing-masing dan bersedia ke arah mewujudkan sebuah kerajaan baru.

Selain itu, dalam satu Majlis Taklimat Calon-Calon Pakatan Harapan PRU14 yang diadakan di Dewan Auditorium Majlis Bandaraya Petaling Jaya, 24 April lalu, kesemua calon parlimen dan Dewan Undangan Negeri (Dun) yang hadir turut

Tun Mahathir berucap memberikan nasihat.



lutuk kerajaan baharu

nentaskan komitmen untuk menentang penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, rasuah dan kleptokrasi.

Pada majlis itu juga mereka turut diberi taklimat berkaitan persiapan teknikal sebagai persiapan penamaan calon termasuk taklimat berundangan oleh peguam.

Bakal-bakal calon juga mendengar taklimat daripada para pemimpin utama PH.

Antara yang bangun berucap ialah Presiden AMANAH Mohamad Sabu, Presiden PPBM Tan Sri Muhyiddin Yassin, Setiausaha Agung DAP

Lim Guan Eng, Presiden PH Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail dan kemuncaknya ucapan oleh Pengerusi PH dan calon perdana menteri Tun Dr Mahathir Mohamad.

Calon-calon juga turut dinasihati agar menjaga kesihatan diri, sahsiah, akhlak dan penampilan agar benar-benar dilihat positif dan berkemampuan bekerja untuk rakyat.

Juga diperingatkan kepada calon-calon agar tidak menyerang peribadi mana-mana calon lawan sepanjang kempen berlangsung.

AKLIMAT CALON-CALON KERTAN HARAPAN PRU14

Bersama mengaminkan doa.



Naib Presiden AMANAH Ustaz Hasanuddin Mohd Yunus membacakan doa.



Sebahagian calon AMANAH yang hadir.



Guan Eng melafazkan ikrar.



PERBINCANGAN SERIUS... Muhyiddin, Saifuddin dan Mohamad berbincang sesuatu dengan Tun Mahathir.

Dari Dusun Tua ke Taman Templer

Kelolaan ARIF ATAN

Bukannya mudah untuk melepaskan kawasan yang disantuni sejak awal penubuhan AMANAH lagi. Ibarat menebas semak dan merintis jalan, berpindah ke tempat lain tentunya bukan satu cabaran yang kecil.

Walau bagaimanapun, Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Mohd Sany Hamzan masih berlapang dada apabila perlu mengucapkan selamat tinggal kepada Dewan Undangan Negeri (Dun) Dusun Tua pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) ini.

Hal ini kerana beliau diputuskan bertanding di Dun Taman Templer yang terletak di bawah Parlimen Selayang sekali gus menyebabkan Wan Anwar Wan Ibrahim selaku Penyelaras N15 itu perlu mengundurkan diri.

Laluan yang diberi Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional yang disebut-sebut sebagai calon Dun Taman Templer besar ertinya apabila dilihat dari segi permufakatan sayap penting AMANAH itu.

Ditanya tentang situasi saling berkorban itu, Sany menyifatkan Wan Anwar sebagai pimpinan anak muda yang berjiwa besar.

"Saya terharu dan jutaan terima kasih kepada Wan Anwar serta AMANAH Selayang kerana



Wan Anwar menyatakan sokongan 300 peratus kepada Mohd Sany Hamzan.

menerima saya untuk terus bekerja bersama-sama dalam usaha kita memenangkan Pakatan Harapan (PH) ke Putrajaya.

"Saya juga bangga kerana budi baik dan kepimpinan Wan Anwar yang berlapang dada dan berjiwa besar demi AMANAH dan PH."

"InsyaAllah, peluang terbuka luas kepada beliau pula untuk ditabalkan sebagai calon bertanding pada pilihan raya penggal akan datang," ujarnya ketika dihubungi Mingguan AMANAH, 25 April lalu.

Beliau berkata, pecutan menjelang 9 Mei ini lebih kepada memperkenalkan dirinya sebagai calon PH di Taman Templer memandangkan Wan Anwar dan jentera AMANAH Selayang telah merintis usaha mendekati masyarakat setempat melalui penubuhan Pusat Peduli Rakyat (PPR) sejak Disember 2015 lagi.

"Memang diakui bertanding di tempat sendiri (Dusun Tua) mungkin ada sedikit kelebihan. Namun, apabila kita diarah oleh parti untuk bertanding di Dun Taman Templer, kita bersedia

menerimanya.

"Lagipun, jentera AMANAH Selayang dan Wan Anwar sendiri sebagai penyelaras AMANAH di Dun ini sudah bekerja dari awal dalam usaha mempromosi AMANAH," ujarnya.

Peguam Wan Anwar, 35, sejak dua tahun lalu giat memperkenalkan AMANAH kepada akar umbi dan menyantuni masyarakat setempat di Taman Templer sehingga disebut-sebut sebagai calon di Dun itu.

Bahkan, beliau secara tidak rasmi menawarkan khidmat nasihat guaman secara berkala kepada penduduk di Pangaspuri Merak di Bukit Idaman iaitu salah satu daerah mengundi di N15.

Walau bagaimanapun, rundingan pembahagian kerusi PH di Selangor yang memakan masa panjang untuk dimuktamadkan kemudiannya menyaksikan Wan Anwar bertindak menyerahkan Dun Taman Templer kepada Sany.

Pada masa sama, Sany yang juga Ketua Pemuda AMANAH Nasional bakal bertanding sebelum ini di Dun Dusun Tua dalam Parlimen Hulu Langat tetapi N23 itu akhirnya dimiliki DAP apabila meletakkan Edry Faizal Yusof.

Pemilihan Ahli Majlis Perbandaran Selayang berkenaan sebagai calon di Dun yang disandang Pas itu sekali gus menyaksikan DAP bertanding 16 kerusi Dun di negeri PH tersebut.

Wan Anwar dipuji korbankan Taman Templer

RATA-RATA orang ramai memuji tindakan Timbalan Ketua AMANAH Selayang, Wan Anwar Wan Ibrahim melepaskan Dun Taman Templer kepada Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Sany Hamzan.

Beliau yang sebelum ini disebut-sebut sebagai calon Dun tersebut berbuat demikian bahkan mengisyiharkan keputusannya itu di depan penyokong PH pada 22 April lalu.

"Pagi tadi (22 April) menyatakan sokongan terbuka dan 300 peratus terhadap penamaan saudara Mohd Sany Hamzan, Ketua Pemuda AMANAH Nasional sebagai calon Pakatan Harapan untuk merampas DUN N15 Taman Templer," katanya.

Sehubungan itu, Facebook Wan Anwar dibanjiri komenar juga posting di dinding laman media sosial tersebut yang menghargai pendiriannya.

Bahkan beberapa pimpinan AMANAH juga menitipkan penghargaan kepada Naib Ketua Pemuda AMANAH Nasional berkenaan.

Antaranya, bekas calon Parlimen Sungai Besar pada Pilihan Raya Kecil 2016, Ustaz Azhar Ab Shukur berpendapat pendekatan dalam dimuktamadkan calon perlu diambil kira.

"Dalam menentang musuh yang kuat, kemenangan bukan sahaja terletak pada kesatuan malah strategi meletakkan setiap individu pada tempatnya yang betul bersesuaian pada kebolehan masing-masing juga perlu dipertimbangkan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pemuda AMANAH Terengganu, Hasbie Muda turut meninggalkan kata-kata penghargaan kepada Wan Anwar.

"Tahniah kepada sahabat saya Saudara



Wan Anwar mengiringi Mohd Sany berkempen di Dun Taman Templer

Wan Anwar yang memberikan laluan kepada Ketua Pemuda AMANAH Nasional untuk bertanding di Dun Taman Templer.

"Jiwa besar dan semangat pengorbanan Tuan akan kekal dikenang," katanya yang juga calon Dun Paka.

Sementara itu, pengguna Facebook Abdullah Ramadhan menyifatkan keputusan tersebut sebagai menyuburkan semangat perjuangan.

"Terharu dengan contoh tauladan dari pada kakanda Wan Anwar. Berjiwa besar dan sangat memotivasi," tulisnya.

Bagi Amin Ahmad pula, Wan Anwar adalah pemenang sebenar dalam semua senarai calon AMANAH memandangkan pencalonan peguam berkenaan sebelum ini diluluskan di peringkat kawasan, negeri dan nasional.

"Beliau menang kerana beliau boleh

menerima arahan dan mengenepikan kepentingan peribadi untuk parti. Saya mencadangkan beliau menjadi wakil AMANAH di Invoke ketika PRU-14 ini untuk melaporkan situasi semasa dan menangkis segala serangan BN kepada PH khususnya AMANAH.

"Sebagai pemimpin masa depan, menjadi seorang panglima perang semboyan akan menguji kemampuan beliau sebagai pemimpin muda utama AMANAH," ujar Amin.

Walau bagaimanapun, Wan Anwar dalam satu reaksinya menganggap keputusannya itu sebagai bukti setia kepada AMANAH dan hasrat untuk melihat PH mendapat mandat di Putrajaya.

"Saya bukan hero. Saya cuma ingin membuktikan komitmen dan kesetiaan saya kepada visi dan misi parti dan perjuangan," jelasnya merendah diri.

AMANAH penyumbang kemenangan PH

CALON PH di Dun Taman Templer, Sany Hamzan menganggap cabaran PRU-14 yang dihadapi AMANAH di Selangor akan dibuktikan melalui keputusan pada 9 Mei ini.

Beliau berkata, N15 serta sembilan Dun lain yang diwakili AMANAH Selangor akan menyumbang kepada jumlah kerusi bagi mempertahankan PH di negeri itu.

Sehubungan itu, beliau menyeru agar mana-mana jentera pilihan raya PH khususnya AMANAH terus komited membantu kemenangan PH di peringkat negri sekali gus ke Putrajaya.

"Merajuk tidak membantu sebaliknya merugikan kita sendiri. Tempoh singkat kini adalah fasa genting untuk kita sama-sama manfaatkan dengan menemui pelbagai segmen pengundi."

"Di Dun Taman Templer sendiri, kami terus mengadakan siri ceramah menerangkan tawaran PH apabila mendapat mandat di Putrajaya."

"Kita juga menemui orang ramai di pasar malam dan pasar pagi yang dianggarkan berjumlah 10 buah di Dun ini."

"PH Selayang juga mengedarkan risalah tawaran PH selain mendengar masalah masyarakat setempat serta meneruskan kunjungan dari rumah ke rumah," jelasnya.

Mengulas kesan persempadanan semula kawasan pilihan raya terhadap Dun itu, Sany berkata, berlaku perpindahan ribuan pengundi yang sebelum ini mengundi Pas pada PRU lalu.

"Di Dun Taman Templer ini pun lebih 9,000 pengundi yang majoritiannya Cina dipindah ke Dun Bukit Lanjan."

"Padahal, ada sehingga 35 peratus pengundi Cina yang sebelum ini memberi undi kepada Pas yang lima tahun lepas bersama Pakatan," katanya lagi.

Undang-undang di Malaysia macam Harry Potter?

Pensyarah Universiti Malaya (UM), Prof Dr Azmi Sharom menegaskan undang-undang ini di negara ini bukan sewenang-wenang boleh dikuatkuasakan sehingga bercanggah dengan semangat Perlumbaan.

Menurutnya, hak bersuara seperti termaktub dalam Perkara 10 juga berkaitan dengan kebebasan untuk rakyat mendapatkan maklumat.

"Memanglah kebebasan bersuara ada hadnya tetapi jika had itu tiada had, maka hak kita itu tidak bermakna langsung.

"Jika ada akta yang menghadkan kebebasan memperoleh maklumat, maka itu mencabuli hak kita.

"Begini juga Akta Rahsia Rasmi. Apa rahsia rasmii itu adalah apa yang kerajaan kata itu rahsia rasmi.

"Undang-undang di Malaysia adakah macam Harry Potter? Cop saja rahsia maka kita tidak boleh dapatkan maklumat. Itu melampau,"ujarnya.

Beliau berkata demikian dalam kuliah awam, 'Akta Berita Palsu: Senjata Terakhir Sebelum PRU-14?' di Hub TFTN di ibu negara anjuran bersama Persatuan Mahasiswa Islam UM (PMIUM) dan Angkatan Mahasiswa.



Prof Dr Azmi Sharom

Dr Azmi menjelaskan Parlimen boleh melaksanakan undang-undang yang menghadkan kebebasan bersuara tetapi mesti dilakukan atas sebab keselamatan negara dan kepentingan awam.

Mengulas Akta Antiberita Tidak Benar 2018, beliau berpendapat tidak perlu pun undang-undang baharu berkaitan berita palsu.

"Sebenarnya, mengapa perlu ada

undang-undang baru? Di Malaysia berlambak undang-undang sedia ada untuk mengawal hidup kita.

"Takrifan akta tersebut iaitu 'melindungi kita daripada berita palsu' pun awal-awal tidak betul. Sepatutnya, demi keselamatan negara atau tidak pun kepentingan awam," selarinya.

Mengambil kes kontroversi 1MDB sebagai contoh, beliau berkata, skandal tersebut diperkatakan di seluruh

dunia sebagai korupsi yang cukup besar dengan kemungkinan adanya penglibatan perdana menteri.

"Tetapi peguam negara kata perdana menteri tidak terlibat. Kalau saya berdasarkan laporan dari Switzerland atau Singapura kerana menganggap sumber boleh dipercayai, jadi bagaimana?

"Bagaimana kita mahu percaya undang-undang begini kerana sangat

senang disalahgunakan sebabnya siapa yang menentukan benar atau tidak, adalah orang sama yang akan menuju kita menyebarkan berita palsu," bidasnya.

Untuk rekod, Akta Antiberita Tidak Benar 2018 akan diguna pakai jika sebarang berita tidak benar dikaitkan dengan Malaysia atau rakyat Malaysia.

Tindakan mengikut peruntukan tersebut juga boleh dikenakan kepada individu atau mana-mana pihak yang menyiaran berita tidak benar walaupun kesalahan itu bukan dilakukan oleh rakyat Malaysia dan dilakukan di luar negara.

Undang-undang itu turut mengejakan hukuman ke atas individu yang menyediakan bantuan kewangan kepada pihak yang menghasilkan dan menyebarkan berita tidak benar.

Dalam perkembangan berkaitan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah membuka 45 kertas siasatan sejak Januari 2017 bagi kes berhubung penyebaran berita palsu di pelbagai platform media sosial.

Terdapat empat kes telah dihadapkan ke mahkamah daripada jumlah tersebut bagi tindakan selanjutnya.

Fahami dakwah masyarakat Majmuk



PERSATUAN Mahasiswa Islam Universiti Malaya (PMIUM) mengajak penutut menyertai program Dakwah Dalam Masyarakat Majmuk siri keempat yang dijadualkan pada 5 Mei ini.

Laman Facebook PMIUM memaklumkan siri ketiga program tersebut pada 22 April lalu melibatkan perkongsian daripada Nicholas Sylvester, Cikgu Kamarul Zaman dan Ustaz Wan Muhammad. Peserta didedahkan dengan

teknik yang menjurus ke arah memahami pembuktian Al-Quran sebagai ayat daripada Tuhan serta salah faham berkaitannya yang kerap muncul dalam masyarakat kita.

"Mempelajari ilmu-ilmu sebegini dan diselitkan dengan realiti yang berlaku dalam masyarakat majmuk kini benar-benar menunjukkan bahawa kita para daie perlu bekerja dengan lebih keras di lapangan masing-masing," dipetik daripada kenyataan PMIUM itu lagi.

Apakah isyarat pembunuhan Imam Palestin?



PENSYARAH Program Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Abdul Muein Abadi berkata, terdapat tiga fakta besar berkaitan pembunuhan Imam Dr. Fadi Al-Batsh yang sama sekali tidak dapat ditolak.

Menurutnya, tiga fakta itu adalah Allahyarham tidak diketahui sebagai seorang yang bermusuhan dengan sesiapa, pihak yang paling 'beruntung'

dengan kematianya ialah rejim haram Zionis dan modus operandi 'pembunuhan bersasar' bukanlah asing bagi Zionis.

"Dunia seolah-olah terhenti serta-merta di Malaysia apabila seorang Imam muda dari Palestin dibunuh sewaktu perjalanan mengerjakan solat Subuh.

"Lebih tragis, beliau syahid meninggalkan seorang balu

dengan tiga orang anak yang masih kecil. Siapa yang mengarahkan pembunuhan ini dilakukan? Kenapa Imam Fadi menjadi sasaran? Apakah isyarat pembunuhan ini kepada kita?" dipetik daripada tulisannya.

Sehubungan itu, Abdul Muein berharap pasukan penyiasat Polis Diraja Malaysia (PDRM) berjaya menghadapkan pembunuhan Imam Fadi ke muka

pengadilan agar pembunuh berhati binatang itu menerima pembalasan setimpal.

"Sekiranya kelak dibuktikan bahawa sememangnya wujud campur tangan asing dalam kes ini – terutama sekali Mossad Israel – maka ia merupakan isyarat jelas rejim haram tersebut telah menceroboh kedaulatan negara kita dan wajar diberi pengajaran yang bukan sebarang," tegasnya.

Mengapa idea *kingmaker* ditolak

Oleh AHMAD LUTFI OTHMAN

PEMIMPIN Pas tegas menolak dakwaan parti itu mahu mewujudkan kerajaan perpaduan dengan Umno. Mereka menyifatkan cerita kerjasama atau persefahaman politik itu sebagai fitnah memburukkan Pas walaupun presidenya, Ustaz Abdul Hadi Awang, mengakui pernah mengusulkannya selepas PRU 2008.

Cadangan Ustaz Hadi bukan sahaja ditolak Pakatan Rakyat, malah tidak diterima sebahagian besar pimpinan Pas sendiri. Ada usaha membentuk kerajaan perpaduan Pas-Umno di negeri Selangor dan Perak, dengan menjanjikan Adun Pas sebagai menteri besar, namun majoriti pemimpin Pas tetap setia berpegang janji bersama DAP dan PKR.

Pas masuk PRU12 bukan secara kesorang. Barisan Alternatif masih ada walaupun tanpa DAP. Pertembungan tiga penjuru dengan DAP dapat dielakkan. Pemimpin Pas dan PKR dapat duduk berbincang dengan baik mengenai agihan kerusi bersama DAP. Lagipun konsituensi DAP tidak bertindih di kawasan yang ditandingi Pas. Maknanya, secara tidak formal, penyertaan ketiga-tiga parti ini dalam PRU2008 adalah seperti satu gabungan.

Justeru, Pas bertindak betul apabila menolak pelawaan membentuk kerajaan perpaduan di Selangor dan Perak, bersama Umno. Ia soal prinsip yang tidak boleh dikompromi. Mandat rakyat harus dihormati. Mereka menolak Umno-BN secara total. Masakan apabila pengundi bersepakat menjatuhkan regim Umno-BN, tiba-tiba selepas pilihan raya, Pas tidak segan-silu menubuahkan kerajaan negeri dengan mengenepikan DAP dan PKR.

Alhamdulillah, Pas terselamat daripada aksi pengkhianatan terbuka, walaupun akhirnya terpaksa melepaskan posisi strategik dalam kerajaan negeri Perak, apabila ia ditumbangkan secara tidak demokratik.

Membentuk kerajaan bersama Umno bermakna Pas hanya menempat dengan sistem, amalan dan tradisi pemerintahan yang terbukti menyeleweng, rakus dan mementingkan kroni. Amat sukar sekali untuk memperkenalkan pembaharuan dan penambahbaikan, apatah lagi di kala Pas menjadi golongan minoriti dalam kerajaan. Lebih penting, rakyat yang prihatin dan bertekad mendukung reformasi tidak lagi bersama Pas, walaupun segelintir kecil intelektual Melayu beria-ia menyokong gagasan perpaduan itu.

Penyokong Pakatan Rakyat menarik nafas lega di atas ketetapan Pas itu. Namun tanpa diduga, ia tidak terhenti di situ sahaja. "Permainan" Umno belum tamat. Mereka memandang jauh ke hadapan. Survival Umno sebagai penguasa

terancam jika Pakatan dibarkan berkembang secara semulajadi, dengan Anwar Ibrahim sebagai pengemudi kebangkitan rakyat itu. Jarum terus dimainkan untuk menanam rasa curiga dan sangka buruk, khususnya di antara Pas dan DAP.

Dalam masa sama, digambarkan Pakatan Rakyat gagal menjaga kepentingan Melayu Islam, mudah bertolak ansur dengan tuntutan ultra-kiasu. Kebetulan ada aksi dan kenyataan pemimpin DAP tertentu yang boleh dimanipulasi dan dieksploitasi bagi membayangkan parti berkenaan bersikap prejudis dengan Islam. Sikap kritis dan berani mempersoalkan, dianggap anti-Islam atau tidak sensitif dengan Islam. Walhal ia hanya perlu ditangani atau dijawab dengan hujah munasabah dan bijaksana sahaja.

Selain itu, Hudud atau pelaksanaan Syariah sentiasa menjadi senjata berkesan untuk memporak-porandakan pembangkang, khususnya di antara Pas dan DAP. Sekali jarum dicucuk, maka "terloncat-loncat" mereka menari kepanasan, bagai menurut skrip yang disusun strategis Umno. Lupa segala prioriti atau urutan keutamaan yang sudah dihadam dan disepakati. Lupa siapa musuh siapa kawan sekutu. Lupa perangkap samar yang sentiada menunggu kealpaan mangsa. Hudud mainan Umno telah mengaburkan pertimbangan waras tentang perjuangan rakyat. Malang sekali, begitu mudah Umno mempermainkan sentimen dan emosi orang Pas dengan umpan murah, untuk terus kekal berkuasa.

Rupanya Umno tidak memerlukan kos yang mahal untuk mencerai-beraikan pembangkang. Tidak perlu menawarkan sesuatu yang berharga tinggi untuk kekal berkuasa. Cuma, Umno tidak menjangka, sewaktu beroleh keuntungan berganda kesan Pas termakan umpan, ia sendiri menempah sengketa dalam, ekoran skandal gergasi 1MDB. Pemecatan Muhyiddin Yassin dan beberapa lagi mengundang retak. Penampilan Dr Mahathir Mohamad dengan Deklarasi Rakyat dan jelajah kempen Selamatkan Malaysia, berjaya mempersatukan pembangkang, dan menjadi mimpi negeri buat Najib Razak.

Tanpa Pas, tanpa Tok Guru Nik Aziz Nik Mat dan tanpa Anwar, segalanya tidak juga berjalan lancar untuk Umno. Mahathir merintis jalan untuk Tsunami Melayu yang menggegarkan. Bayangkan, tanpa Mahathir, bagaimana pembangkang mahu mengolah sokongan rakyat menjelang PRU14, khususnya



Tan Sri Rais Yatim turut berminat dengan buku *Mengapa Mahathir?*

setia dan walak, apa lagi yang tinggal buat Pas? Dan AMANAH dianggap saingan politik terdekat yang mesti "dikuburkan".

Sepertimana saya menolak kerajaan perpaduan 2008, kerana mengeksplorasi undi untuk menumbangkan BN, saya juga tidak dapat menerima idea kingmaker ini. Apabila Pas bersetuju membentuk kerajaan campuran selepas pilihan raya 1969, ia memang tidak perlu mendapat restu pembangkang lain kerana penyertaannya dalam pilihan raya itu adalah secara solo. Tetapi ia masuk PRU2008 secara berpasukan, dengan persefahaman tertentu. Benar, Pas terlibat dalam PRU14, tanpa ikatan janji dengan oposisi utama yang lain, tetapi ia tidak boleh mengelirukan rakyat seolah-olah turut menawarkan janji perubahan dan pembaharuan, serta mahu membebaskan daripada cengkaman Umno-BN.

Ada pihak membawa contoh kes bahawa ada parti kecil yang dapat menjadi kingmaker seperti berlaku di United Kingdom ekoran dua parti utama gagal membentuk kerajaan. Maka kumpulan minoriti seolah-olah menjadi dominan. Mungkin itu yang dihasratkan Pas, hanya bermodali kecil tetapi dapat menjadi taukeh besar! Saya tidak mengikuti sangat perkembangan politik di sana. Namun realiti di UK berbeda dengan suasana di Malaysia dan negara-negara ketiga yang lain.

Seorang teman, penganalisis politik antarabangsa berpendapat: "Kita ini dunia ketiga yang praktis demokrasi pun tak betul. Kerajaan susah nak diubah, rasuah bermaharajalela, kebebasan akhbar ditekan. Di UK, parti Buruh dan Konservatif selalu bersilih ganti tubuh kerajaan. Jadi bolehlah kalau nak jadi kingmaker. Itu biasa. Tapi kita nak jatuhkan Umno cukup susah. Sebab itu jadi kingmaker itu sebenarnya sokong Umno. Kingmaker pun nanti kena 'ngap' dengan Umno. Fokus kita, kena bersatu jatuhkan Umno supaya proses demokrasi dapat dimulakan."

Sulit, ya, memang sulit untuk Pas berunding dan berbincang dengan Pakatan Harapan sebelum PRU14, selepas masing-masing berbalas tuduhan, tetapi ia lebih praktikal berbanding selepas pilihan raya. Mengapa tidak dicari keserasian dengan PH mahupun BN sebelum hari mengundi lagi. Dalam politik, segalanya serba mungkin, asal berpaksikan prinsip-prinsip yang dikongsikan bersama. Dan saya yakin, berdasarkan Janji 100 Hari selepas memerintah, banyak persamaan di antara Pas dan PH, manakala tiada komitmen BN untuk melakukan reformasi dan pembaharuan. Malah Najib memperhebat segala jenis korupsi, dengan skala maha dahsyat selepas Parlimen dibubarkan.

Kemunduran umat Islam di dunia bukanlah isu

PADA 17 April lalu saya tulis pendek dalam fesbuk: "Cuba memahami sikap dan pemikiran orang Islam Malaysia terhadap Islam; rupa-rupanya itu juga faktor mengapa umat Islam di dunia lemah."

Sahabat saya Kassim Muhamad komen: "Minda menghukum, miskin rasa empati. Begitu jauh sekali realitinya di bumi nyata dengan semangat dan roh Islam. Adakah ini disebabkan oleh cara kita diasuh tentang Islam? Atau kita begitu ramai pakar menghukum dalam Islam? Ini pertanyaan saya yang dididik dalam sistem sekular.

Dan saya respon kepada komen itu begini: "Ya Kassim, sikap ulamak yang cenderong menonjol diri – bahawa dia adalah yang betul, dia adalah yang paling betul, dan cuba mencari kesalahan/kesilapan ulamak lain. Mereka bukannya memikirkan bagaimana mahu bersama-sama membangun ummah. Tetapi berfikir untuk menonjolkan bahawa dia adalah tokoh yang paling 'ulamak' atau ulamak yang paling faqih."

Saya pernah sentuh perkara ini beberapa kali dalam kolumn-kolumn saya di akhbar ini dan lain sebelumnya. Sebahagiannya saya terbitkan semula dalam buku *Mencari Kewajaran Islam di Malaysia* yang terbit beberapa bulan lalu, seperti *Penyakit kita saja yang betul, Faktor tak mahu iktiraf pencapaian sama sendiri, Dakwah jadi hiburan bentuk baru, Mat Sabu dan kejayaan gerakan Islam sedunia, Bilakah kali terakhir usaha menyatukan kekuatan Islam?, dan Al-Baghdadi dan realiti baru dunia*.

Fikiran saya mengenai perkara ini jadi bangkit semula apabila membaca tulisan Lim Hong Siang dalam buku terbaru Ahmad Lutfi Othman, *Mengapa Mahathir?*. Tulisan berkenaan berjudul *Bagaimana Pas hilang kredibiliti sebagai*

parti Islam terbaik di dunia?

Maksudnya orang bukan Islam seperti Lim Hong Siang pun boleh nampak dan akui bahawa Pas adalah "parti Islam terbaik di dunia". Maksudnya Pas di bawah pimpinan Ustaz Fadzil Noor dan Tok Guru Nik Aziz, yakni sebelum terajunya diam-bilah oleh Haji Hadi.

"Bukankah Pas yang sudah berlegar-legar di litar sistem demokrasi sejak lebih setengah abad dahulu, boleh menawarkan diri sebagai teladan dalam dunia Islam?" kata Lim Hong Siang.

Hujahnya ialah: "...seandainya Pas mampu mentadbir, memimpin dan menyatukan sebuah masyarakat majmuk dengan nilai sejahtera, mempertingkatkan kecekapan, kepakaran dan keberkesanan urus tadbirnya, tidak mustahil Pas menjadi teladan yang dicontohi parti politik Islam di serata dunia. Ini kerana untuk sekutik dahulu selepas tercetusnya 'Arab Spring', dunia Islam menemui kebuntuan kerana tercari-cari formula terbaik untuk mengurus-tadbir negara."

Dan saya pun telah banyak menulis mengenai kepimpinan Tok Guru Nik Aziz, khasnya di Kelantan dimana dia mempraktikkan segala nilai Islam dalam pentadbiran negeri itu, yang saya anggap sebagai model pentadbiran negara Islam terbaik di dunia hari ini. Bacalah buku *Kelantan 22 Tahun Bukti Kejayaan*.

Seperti kenyataan saya dalam fesbuk itu, ketika saya "cuba memahami sikap dan pemikiran orang Islam Malaysia terhadap Islam", saya mendapati rupa-rupanya faktornya adalah sama dengan faktor mengapa umat Islam di dunia menjadi lemah, iaitu seperti yang saya jelaskan kepada Kassim Muhamad, bahawa:

"sikap ulamak yang cenderong menonjol diri – bahawa dia adalah yang betul, dia adalah

yang paling betul, dan cuba mencari kesalahan/kesilapan ulamak lain. Mereka bukannya memikirkan bagaimana mahu bersama-sama membangun ummah. Tetapi berfikir untuk menonjolkan bahawa dia adalah tokoh yang paling 'ulamak' atau ulamak yang paling faqih."


Maka masing-masing pun sibuklah membincarakan hukum, sambil dengan mudahnya, dan ada yang sambil berkelakar, lalu menghukum solat orang itu tak sah kerana bacaan tajwidnya tak betul, kerana mandi hadasnya tak sah, dan sebagainya. Sering juga kita melihat video dalam youtube betapa mufti ini menyalahkan mufti itu, ulamak ini menyalahkan ulamak itu, kerana masalah sebutan dalam berzikir misalnya, dan macam-macam lagi.

Saya melihat kesan daripada dakwah atau pengajaran para ulamak yang demikian itu ke atas masyarakat. Apakah kesannya? Paling menonjol ialah sikap dan pemikiran orang awam yang tertutup, yakni percaya secara taksub kepada ulamak atau ustaz tertentu yang dia kebetulan mendengar tazkirahnya atau ceramahnya.

Sebab apa? Sebab kebanyakan ustaz atau ulamak yang mengajar itu masing-masing menonjolkan diri, menunjukkan bahawa dia adalah yang betul, dan selalunya dalam nada suara yang sangat tinggi hingga ada yang menjerit-jerit, menyalahkan dan membodohkan pihak lain. Padahal isu atau permasalahan yang diperkatakan hanyalah perkara-perkara kecil yang tak perlu diperbesar-besarkan.

Faktor pemikiran orang awam yang tertutup dan sikap percaya secara taksub kepada ustaz atau ulamak tertentu yang suka menonjol diri dan menyalahkan serta memperbodohkan ustaz dan ulamak lain, mengikut pemerhatian saya, itu adalah

TEKAD BUDAYA DINSMAN



antara faktor penting, mengapa umat Islam berpecah dan sering bergaduh sesama sendiri (di samping faktor luaran juga, tidak dinafikan).

Samada masyarakat Islam di Malaysia mahupun umat Islam di mana-mana negara pun di dunia ini, itulah faktor yang antara terpentingnya. Memang ada beberapa faktor penting yang lain lagi. Tetapi pemerhatian saya ke atas masyarakat Islam di Malaysia mutakhir ini, khasnya di musim pilihanraya ini, itulah faktornya.

Hujah-hujah yang terlalu simplistik, yang kita tahu beberapa tahun dulu hujah yang sama digunakan untuk menolak tetapi hari ini hujah yang sama itu juga digunakan untuk menyokong. Sebab apa? Sebab ustaz atau ulamak yang dia percaya secara taksub itu berkata demikian. Dan kita tak boleh berhujah lagi. Mereka tak mahu dengar pun hujah kita. Sebab kita bukan ustaz dan bukan ulamak.

Saya selalu mengatakan bahawa Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad ialah agama yang membuka minda/pemikiran manusia; bukannya menutup minda/pemikiran. Tetapi yang berlaku sekarang adalah sebaliknya.

Perihal umat Islam hidup mundur dan terkebelakang dibandingkan dengan umat bukan Islam langsung tidak pernah dibincangkan, malah sering ditutup dengan hujah bahawa kehidupan kita sebenarnya adalah di akhirat, dan orang-orang kafir semuanya akan masuk neraka di akhirat kelak. Jadi kemunduran umat Islam di dunia hari ini bukanlah isu.

Mengapa idea kingmaker ditolak

DARI MUKA 20

JUSTERU, saya pelik dan aneh sekali bagaimana Pas mungkin boleh bersama BN nanti. Atas perkiraan dan sifir apa, atau "lembek tengkuk" setakat diperlakukan urusan RUU355? Hajat Pas mahu mengubah sistem, bukan hanya menukar kepemimpinan negara, tetapi saya khawatir jika ditakdirkan ia mampu menjadi kingmaker, yang berubah sebenarnya adalah Pas sendiri. Benih sudah bertunas menyerlahkan identiti Pas sudah bertukar, menjadi parti yang mesra Umno dan antipembangkang.

Pas boleh saja mengimpikan untuk duduk dalam Kabinet BN selepas PRU 14, atau dilantik ke jawatan strategik lain dalam kerajaan, sektor awam, Dewan Negara, badan berkanun mahu-

pun GLC. Mungkin itu habuannya jika dapat berperanan sebagai pemecah undi pembangkang. Soalnya, apa yang boleh disumbangkan Pas ke arah pembaharuan dan pemulihan negara ini? Jika Pas memperlekeh kemampuan serta kejujuran Mahathir dan PH untuk membawa perubahan besar demi kepentingan rakyat, maka azam Pas itu lebih sukar atau ham-pir mustahil dilaksanakan.

Mahathir pula kini dikelilingi rakan-rakan yang baru, yang menggenggam erat idealisme reformasi, dan berani menegur sebarang salah laku, serta diikat oleh janji-janji pembaharuan, yang mengehadkan kuasa-kuasa perdana menteri, meminda serta menansuhkan akta-akta drakonian, serta mengupayakan masyarakat sivil dan NGO.

Mahathir yang baru ini tidak berkuasa mutlak seperti dahulu. Partinya, Bersatu, tidak akan menjadi dominan seperti Umno dalam BN. Hampir pasti, Bersatu tidak akan memegang kerusi majoriti. Keempat-empat parti komponen PH berdiri sama tinggi dan mempunyai suara sama untuk didengar. Usaha mereformasikan institusi utama negara dan proses pelantikan jawatan strategik yang lebih transparan akan membantu pentadbiran negara yang bertanggungjawab dan berakauntabiliti.

Saya sampai kepada kesimpulan bahawa undi kepada Pas tidak akan membantu untuk merobah negara, malah ia mungkin berperanan mengekalkan kerajaan kleptokrasi Najib-Umno. Bukan sahaja sistem yang bobrok dan

rosak teruk ini tidak dapat dipulihkan, kepemimpinan kerajaan juga tidak mampu ditukar. Ia hanya menyusutkan undi yang sepatutnya diterima gabungan pembangkang. Idea kingmaker sekadar penyambung hayat regim korup bagi terus membolot khazanah kekayaan negara dan mengadudomba rakyat pelbagai kaum.

Perubahan regim yang mengakar selama lebih 60 tahun pasti membawa manfaat buat semua. Kita harus dibiasakan dengan tradisi menukar kerajaan demi mengupayakan rakyat untuk berani membuat perubahan.

■ **Petikan buku Mengapa Mahathir? yang baru diterbitkan dua minggu lalu.**

Janji 3 juta pekerjaan oleh BN untuk siapa?

LAPORAN Tahunan 2017 Bank Negara yang dikeluarkan bulan lalu mendedahkan bahawa 81.5% atau 8 dari pada 10 peluang kerja yang diwujudkan di Malaysia pada 2016 telah menjadi milik pekerja asing.

Itu merupakan peningkatan yang sangat tinggi kerana pada tahun sebelumnya, iaitu 2015, 64.4% pekerjaan telah pun diisi oleh pekerja asing.

Bagaimana keadaan ini boleh berlaku? Sebabnya ialah kerana dasar kerajaan BN yang terlalu bergantung kepada pengeluaran yang mempunyai kos rendah dan bergaji rendah. Ini tentunya menjelaskan usaha menambah produktiviti serta mencipta pekerjaan berkemahiran tinggi dan menawarkan gaji lebih tinggi.

Malah, Bank Negara turut mendedahkan bahawa pekerja asing menghantar keluar wang ke negara asal mereka yang menyebabkan kurang limpahan dalam ekonomi Malaysia. Jumlah kiriman wang ke luar negara pada 2017 berjumlah RM35.3 bilion!

Kerajaan BN menjadi punca lambakan pekerja asing yang telah menyebabkan gaji pekerja Malaysia gagal ditingkatkan dengan sewajarnya. Oleh itu, Kerajaan Pakatan Harapan akan mengurangkan jumlah pekerja asing sebanyak 2 juta orang, iaitu daripada 6 juta kepada 4 juta, dalam penggal pertama pentadbiran Harapan.

Pakatan Harapan mahu memberi keutamaan kepada warga Malaysia, terutamanya anak muda dan para siswazah. Manifesto Harapan menyatakan usaha untuk mewujudkan 1 juta pekerjaan berkualiti untuk warga Malaysia.

Saya sendiri telah mengulas pada Julai



PENDAPAT
LIEW CHIN TONG

2015 tentang seorang graduan undang-undang bernama Zahra telah berucap di hadapan Timbalan Perdana Menteri pada masa itu, Tan Sri Muhyiddin Yassin. Kini Tan Sri Muhyiddin berjuang bersama dengan Pakatan Harapan. Dalam ucapan ringkasnya yang ditularkan melalui klip video

selama 6 minit, Zahra meluahkan rasa hati seorang siswazah yang terpaksa hidup kais pagi makan pagi.

Memang siswazah menjadi mangsa sistem ekonomi BN yang lebih mengutamakan pekerja asing kurang mahir berbanding graduan mahir Malaysia yang sepertinya menjadi tonggak ekonomi negara.

Saya telah mengemukakan usul supaya penstrukturkan semula ekonomi Malaysia secara drastik dilaksanakan segera. Untuk menjayakannya, ia memerlukan satu persekitaran yang baik untuk pekerjaan berpendapatan tinggi, kemahiran tinggi, dan produktiviti tinggi. Keadaan ini hanya boleh dicapai apabila Malaysia tidak lagi bergantung kepada buruh asing yang kurang mahir.

Ini adalah kerana hampir semua sektor di Malaysia seolah-olah tidak menghargai kemahiran, tidak membangunkan teknologi baru, dan tidak berminat dalam inovasi. Mereka hanya mahu jalan pintas dengan mengambil pekerja asing kurang mahir atas alasan boleh dibayar gaji rendah serta tanpa perlu menyediakan perlindungan pekerjaan yang lengkap, kononnya untuk menjimatkan.

Ita bukan salah industri semata-mata. Mereka juga mengalami tekanan kerana tidak mendapat sokongan kerajaan dari segi kewangan untuk automasi serta peningkatan taraf mesin. Amat sedikit usaha dilaksanakan



Manifesto BN berjanji untuk menawarkan 3 juta pekerjaan jika diberi mandat untuk terus kekal menjadi kerajaan. Persoalannya ialah, untuk siapakah 3 juta peluang pekerjaan itu disediakan?"

ke arah Kajian dan Pembangunan (R&D) di negara kita.

Peluang pekerjaan berkualiti dan pengurangan kebergantungan kepada pekerja asing boleh dillaksanakan segera apabila sebuah kerajaan baru yang penuh komitmen sanggup untuk:

- Menghapuskan kronisme yang memperolehi manfaat daripada hasil import pekerja asing kurang mahir;
- Mengurangkan jumlah pekerja asing kurang mahir dalam ekonomi kita, terutamanya dalam sektor perkhidmatan; dan
- Mewujudkan satu agenda rakyat Malaysia untuk memperuntukkan sumber bagi

memacu momentum ke arah peningkatan kemahiran dan teknologi.

Hanya perubahan ekonomi yang berteraskan rakyat dan warga Malaysia akan memulihkan keadaan. Tiada gunanya jika BN mewujudkan 3 juta pekerjaan yang akhirnya akan dimiliki pekerja asing, sedangkan siswazah tempatan terus menganggur dan diabaikan.

Liew Chin Tong ialah calon Pakatan Harapan bagi Parlimen Ayer Hitam merangkap Pengarah Pendidikan Politik DAP Kebangsaan.

Tidak seperti Pas, AMANAH tolak politik dedak



PENDAPAT
SALMAN SALEH

AMANAH Negeri Perak mengambil serius kenyataan Pengarah Penyelidikan Pas Pusat, Dr Mohd Zuhdi Marzuki yang mendakwa AMANAH Perak menerima wang sebanyak RM500,000 daripada seorang dermawan terkenal, Koon Yen Yin.

Kenyataan tersebut dikeluaran di laman Facebooknya. (www.facebook.com/mohdzuhdimarzuki/posts/2782480838444928).

Laman portal termasuklah Sinar Harian telah menyiarkan kenyataan tersebut pada 20 April 2018. (<http://www.sinarharian.com.my/mobile/politik/pas-gesamanah-jawab-sumbangan->

tauqe-rm50-juta-1.824685)

AMANAH Perak menafikan sekeras-kerasnya dakwaan kononnya menerima wang atau sumbangan sebanyak RM500,000, RM5 juta mahupun RM50 juta daripada mana-mana pihak termasuklah daripada Koon Yen Yin seperti yang didakwa

oleh Dr Zuhdi.

Dakwaan yang dibuat oleh Dr Zuhdi terhadap AMANAH Perak adalah tidak berasas sama sekali. Kami berpandangan, kenyataan itu dibuat dengan niat jahat untuk memburuk-burukkan nama baik AMANAH secara keseluruhan bagi mengaut keuntungan politik murahan melalui fitnah jahat yang tidak berasas seperti itu.

AMANAH Perak melihat, kenyataan tersebut sengaja direka semata-mata untuk menutup malu dan aib yang sedang ditanggung oleh Pas. Ini kerana beliau beberapa hari lalu telah

membuat pengakuan tentang penerimaan dana sebanyak RM 2.5 Juta seperti yang didebak oleh Naib Presiden AMANAH, Datuk Mahfuz Omar.

Fitnah ini terpaksa dilakukan kerana Pas sangat terkesan dengan pengakuan Dr Zuhdi yang bertentangan dengan penafian oleh tiga pemimpin Pas yang didakwa terlibat dalam penerimaan wang tersebut.

AMANAH Perak dengan tegas menolak segala bentuk amalan politik wang dan politik 'dedak' seperti mana yang melanda Pas ketika ini. Kami komited untuk terus menentang kezaliman, keti-

dakdilan dan penindasan yang dilakukan oleh BN di atas prinsip rahmat untuk semua tanpa memerlukan 'dedak' daripada mana-mana pihak yang berkepentingan.

Justeru, kami mendesak agar Dr Zuhdi mengemukakan bukti di atas dakwaan jahat yang tidak berasas itu. Sekiranya gagal, kami tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan undang-undang terhadapnya.

#HarapanBaru

Salman Saleh ialah Setiausaha AMANAH Negeri Perak.

Tsunami rakyat dan anak muda bantu PH tawan Melaka

Oleh HUSIN MAHAT

MELAKA: Perubahan sikap masyarakat Melayu dan sentimen tinggi kalangan anak muda untuk melakukan perubahan politik mampu membantu Pakatan Harapan (PH) melakukan kejutan di negeri Melaka, kata Pengurus PH negeri Adly Zahari.

Menurut beliau, program bertemu penduduk (walkabout) yang dilakukan PH menunjukkan sokongan orang Melayu terhadap PH begitu membangangkan khususnya di kalangan anak muda.

"Faktor penyumbang perubahan sikap ini adalah isu peningkatan kos sara hidup. Mereka menyandarkan harapan kepada PH untuk melakukan perubahan.

"Mereka juga yakin Tun Mahathir Mohamad sebagai calon perdana menteri PH mampu membawa semula negara ke landasan yang betul sekaligus menyelesaikan masalah yang membekelenggu negara," kata Adly.

Beliau menambah, masyarakat Melayu dikampung-kampung juga mengetahui tentang masalah-masalah yang dihadapi negara akibat kelemahan pentadbiran Najib. "Golongan tua me-getahui isu-isu semasa melalui anak-anak mereka.



Bila kita bertemu golongan tua di kampung-kampung, mereka peka dengan isu-isu semasa hasil penerangan anak-anak mereka. "Penerangan Tun Mahathir berhubung ma-

salah negara (sebagai contoh) dipaparkan anak-anak muda kepada ibu bapa mereka melalui telefon pintar," kata Adly.

Beliau juga melahirkan kegembiraan kerana majoriti pen-

duduk yang ditemui tahu mengenai PH dan maklum tentang simbol PKR yang bakal digunakan calon-calon PH dalam pilihan raya umum (PRU) kelak.

"Mereka panggil lambang bulan sabit," kata Adly merujuk logo dua anak bulan Keadilan dengan latar belakang biru muda dan jalur merah.

Pengetahuan masyarakat kampung tentang PH juga, tambah beliau dibantu kemen negatif BN di televisyen dan media cetak.

Mengenai kesan pertandingan tiga penjuru di Melaka dengan kehadiran Pas, Adly berkata majoriti ahli dan penyokong Pas menyatakan sokongan terhadap PH kerana beranggapan hanya gabungan parti pembangkang sahaja mampu menewaskan BN.

Hanya ahli Pas yang fanatik sahaja, jelasnya akan setia mengundi parti itu kerana "menang kalah bukan matlamat utama"



Adly bertanya khabar seorang warga emas dalam program ziarah ke kampung-kampung.

mereka.

Ahli dan penyokong Pas negeri ini, katanya menyedari parti itu tidak mampu menyalahkan BN dan menyelesaikan masalah dihadapi rakyat apatah lagi untuk membentuk kerajaan.

"Seperti kata seorang ahli Pas yang saya temui, sebatang lidi tidak boleh dijadikan penyapu," katanya merujuk sikap Pas yang mahu bersendirian dalam politik negara.

Adly yang juga Pengurus AMANAH Melaka turut mengesahkan bekas naib ketua bahagian Umno Batu Kawan Datuk Seri Khairuddin Abu Hassan dipilih sebagai calon AMANAH bagi kawasan parlimen Jasin.

"Beliau telah melakukan kerja-kerja lapangan sejak beberapa minggu lalu dan sambu-

tan orang ramai terhadapnya begitu membangangkan.

"Nampaknya Datuk Khairuddin popular di kalangan ahli-ahli Umno. Ke mana sahaja beliau pergi ramai yang mahu berselfie (berswafoto)," katanya.

AMANAH turut meletakkan calon di enam kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) di Melaka iaitu Tabuh Naning yang diwakili Zairi Suboh, Pantai Kundor (Johari Osman), Durian Tunggal (Sofi Wahab), Bukit Katil (Adly Zahari), Serkam (Ustaz Norkhairi Yusof) dan Merlimau (Yuhaizad Abdullah).

PKR meletakkan calon di dua kawasan parlimen dan lapan Dun, PPBM (2 parlimen dan 6 Dun) dan DAP bertanding di parlimen Kota Melaka dan 8 Dun.

Tiada faktor 'wow' dalam lawatan Najib ke Kukup



Sambutan hambar untuk Najib di Kukup.

Oleh AMNI JAGAT

TANJUNG PIAI: Kehadiran Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak ke kawasan Kukup menjadi perhatian penduduk kampung di kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) berkenaan.

Namun apa yang dinantikan penduduk kampung ternyata hampa apabila kehadiran Najib tidak mendatangkan apa-apa kesan besar di kawasan ini.

Menurut bakal calon Pakatan Harapan (PH) DUN N56 Kukup, Suhaihan Kiat bantuan yang diberikan ketika Najib hadir di Kukup tidak menyeluruh.

"Najib mengecewakan pemimpin tempatan kerana apa yang dimahukan oleh mereka seperti tidak direalisasikan oleh

Najib.

"Faktor 'wow' yang dinantikan ternyata tidak wujud. Ternyata fokus kepada pembangunan di bahagian barat daya Johor ini tidak ada apa-apa yang menarik.

"Apa yang diminta oleh Umno Bahagian dan Menteri Besar Johor untuk Tanjung Piai ini sebahagian besarnya tidak ditunaikan malah penduduk teramai di Kukup ini tidak mendapat hasil dari apa yang diberikan," kata Suhaihan.

Peruntukan yang dijanji Najib adalah RM3 juta kepada penternak dan nelayan, peruntukan RM3 juta bagi pembangunan Pekan Kukup yang kini menjadi lokasi pelancongan serta kerja-kerja naik taraf dan membesarkan Hospital Pontian dalam tempoh lima tahun.

MCA salah guna jentera kerajaan untuk kempen

AIR HITAM: Pemimpin DAP terkejut dengan perbuatan Presiden MCA, Datuk Seri Liow Tiong Lai yang tanpa segan-silu memperalatkan jentera agensi kerajaan iaitu Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bagi kempen politik.

Dalam satu majlis anjuran MCA di Yong Peng, baru-baru ini, kakitangan dan aset JPJ digunakan sebagai pen-

giring kepada Liow and pemimpin-pemimpin MCA lain.

"Ia bukan majlis Kementerian Pengangkutan atau JPJ atau mana-mana badan kerajaan. Ia terang-terangan kempen politik MCA. Mengapa JPJ terlibat?" tanya Liew Chin Tong calon Pakatan Harapan (PH) di Air Hitam.

Kata Chin Tong, majlis malam tersebut adalah program untuk meraih sokongan

kepada saingan beliau di Air Hitam, iaitu Datuk Seri Dr Wee Ka Siong serta pengumuman calon-calon MCA bagi mewakili BN dalam pilihan raya umum (PRU) ke-14 ini.

"Kita semua tahu bahawa pada wakt-waktu biasa, jentera kerajaan dilarang digunakan untuk tujuan politik. Apatah lagi jika ia dilakukan sewaktu PRU.

"Saya mendesak Liow supaya menjel-

askan tentang penggunaan jentera JPJ untuk kepentingan partinya, dan memohon maaf kerana telah menyalahgunakan amanah kerajaan," katanya.

Beliau juga, kata Chin Tong, perlu berikrar kepada rakyat tidak akan lagi menyalahgunakan kuasa.

Bagi beliau, dalam mana-mana PRU, Liow dan semua calon yang bertanding adalah sama.

Setelah 16 tahun tabur janji Najib rasmi pecah tanah Hospital Pendang

Oleh ARIF ATAN

PENDANG: Pengurus BN, Datuk Seri Najib Razak merasmikan majlis pecah tanah Hospital Pendang 22 April lalu walaupun sejak pilihan raya kecil (PRK) Parlimen Pendang pada 2002, kerajaan BN sudah berjanji untuk membina sebuah hospital baharu di daerah itu.

Majlis pecah tanah menjelang 17 hari membuang undi PRU14 itu diberitahu Setiausaha BN Kedah, Datuk Md. Rozai Shafian di Facebook.

Status atas nama Md Rozai Shafian itu tular di media sosial namun diselar dan disindir ramai netizen.

"Persiapan tapak Hospital Pendang untuk Perasmian Majlis Pecah Tanah oleh YAB Perdana Menteri pada 220418 (Ahad)," catat Rozai di Facebook.

Bekas Speaker Dun Kedah itu juga menyarkan lima foto beliau bersama kumpulan meninjau tapak hospital itu.

Bagaimanapun, status Ketua Umno Bahagian Pendang berkenaan mengundang ratusan kritikan dan lebih 300 perkongsian yang rata-rata mencemuh hanya dalam tempoh 17 jam dimuat naik.

Ramai menganggap janji tinggal janji itu hanya 'gula-gula' PRU14.

"Sakit hati tapi lawak. Tak tahu nak cakap apa. Lagi tak faham bila orang tetap pangkah (BN)," komen aktivis rakyat, Nashita Md Noor.

Difahamkan, perasmian tapak hospital dibuat di atas tanah yang pernah dijanjikan untuk pembinaan Hospital Pendang beberapa tahun sebelum PRK Pendang 2002.

Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dibentangkan pada 2006 telah menyenaraikan kelulusan pembinaan Hospital

Pendang dengan keluasan 16.8 hektar sebelum ditunda sehingga ke RMK-11.

Sultan Kedah yang kini Yang di-Pertuan Agong juga pernah dalam perasmian Sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) menegur Kerajaan Persekutuan kerana melambat-lambatkan pembinaan Hospital Pendang yang dijanjikan.

Keutamaan pembinaan Hospital Pendang

sebagai antara 10 projek keutamaan kerajaan negeri Kedah di bawah RMK-11 juga ditekankan semasa sesi penggulungan pada Persidangan Dun di Wisma Darul Aman, 19 November 2014.

Bahkan pada tahun berikutnya, Najib Razak dalam ucapan Bajet 2016 turut menyenaraikan Hospital Daerah Pendang untuk pembinaan.

Pada 24 Julai 2017, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md Hanipah memaklumkan tender untuk pembinaan hospital itu akan dikeluarkan pada September tahun yang sama.

Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri itu juga memberitahu kerajaan persekutuan melalui Kementerian Kesihatan

tan telah meluluskan pembinaan hospital yang mencecah kos lebih RM222 juta.

Walau bagaimanapun, tender hanya dibuka pada 22 Disember 2017 di bawah Projek Agensi pelaksana iaitu Cawangan Kerja Kesihatan (CKK).

Maklumat menerusi kenyataan Pengarah Kesihatan Kedah, Datuk Dr Norhizan Ismail itu sekali gus menunjukkan janji Ahmad Bashah untuk tender dibuka sahaja sudah lewat tiga bulan.

Pada masa sama, Najib Razak ketika mengumumkan Rancangan Malaysia Kesebelas 2016-2020 (RMK-11), Hospital Pendang antara enam hospital baharu

Md Rozai Shafian

17 jam

Persiapan Tapak Hospital Pendang...untuk Perasmian Majlis Pecah Tanah oleh YAB Perdana Menteri pada 220418 (Ahad)



Papan tanda Hospital Pendang berkarat selepas BN lebih 16 tahun berjanji.



Status Facebook Md Rozai memaparkan persiapan majlis pecah tanah Hospital Pendang oleh Najib.

yang akan dibina selain di Kemaman, Bentong, Pasir Gudang, Maran dan Baling.

Hospital Pendang berpakaar minor yang bakal dibina di Kampung Banggol Pauh itu dilapor mampu memuatkan sehingga 250 katil.

Terdapat 10 bidang kepakaran akan disediakan antaranya perubatan am, pembehdahan am, pediatrik, obstetrik dan ginekologi.

Untuk rekod, terdapat sembilan hospital kerajaan di Kedah iaitu di Baling, Jitra, Kuala Nerang, Kulim, Langkawi, Sik, Sungai Petani, Alor Setan dan Yan.

Parlimen Pendang yang disandang Datuk Othman Abdul dari BN mempunyai dua kawasan Dun iaitu N.18 Tokai dan N.19 Sungai Tiang dengan jumlah keseluruhan 70,697 pengundi.



AMANAH Perak umum calon, Dr Hatta tanding Parlimen Lumut



Asmuni mengumumkan Dr Hatta sebagai calon AMANAH di Parlimen Lumut.

IPOH: AMANAH akan bertanding di empat kerusi Parlimen serta 12 kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) Perak dalam

pilihan raya umum (PRU14) 9 Mei ini.

Pengumuman nama-nama calon AMANAH yang mewakili Pakatan Harapan (PH)

itu dilakukan Pengurus AMANAH negeri Asmuni Awi dalam satu sidang media, dekat sini, baru-baru ini.

Antara yang diumumkan untuk bertanding ialah Naib Presiden AMANAH, Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa bagi kerusi Parlimen Parit Buntar.

Kerusi Parlimen Kuala Kangsar akan diwakili Dr Ahmad Termizi Ramli dan Parlimen Parit oleh Timbalan Pengurus AMANAH Wilayah Persekutuan Tarmizi Mohd Jam.

Pengarah Pilihan Raya AMANAH Dr Mohd Hatta Ramli pula akan bertanding di kerusi Parlimen Lumut.

Selain itu, katanya kerusi Dun Selama bakal ditandingi Razali Ismail manakala Ketua Pemuda Pakatan Harapan (PH) Negeri Perak, Hasnul Zulkarnain akan bertanding di kerusi Dun Titi Serong.

Sementara itu AMANAH Perak menam-

pilkan calon termuda, Ustaz Ahmad Saqif Ansorullah, 26, bagi kerusi Dun Selinsing.

Asmuni turut mengumumkan Ir Megat Sharifuddin Ibrahim sebagai calon AMANAH di kerusi Dun Changkat Jering manakala beliau sendiri akan bertanding di Dun Manjoi.

Kerusi Dun Kamunting pula diwakili Ir Dr Fadhil Nuruddin serta bekas Menteri Besar Perak Datuk Seri Ir Mohamad Nizar Jamaluddin bagi kerusi Dun Sungai Rapat.

Naib Pengurus AMANAH negeri, Tan Seng Toh pula dipilih untuk bertanding di kerusi Dun Ayer Kuning manakala Setiausaha Wanita AMANAH Nasional, Zaiton Latiff pula diberi mandat untuk bertanding di Dun Kampong Gajah.

Kerusi Dun Pasir Panjang pula akan ditinggidi Yahaya Mat Nor, Hati Musa (Dun Rungrup) dan Aminuddin Zulkipli (Dun Behrang).

10 tawaran PH untuk Sik

Oleh MOHD ALI HASHIM

SIK: Beberapa perubahan akan dilaksanakan sekiranya Pakatan Harapan (PH) mendapat sokongan daripada pengundi di daerah ini, kata calon PH Parlimen Sik, Azli Che Uda.

Sehubungan itu, beliau menggariskan 10 tawaran bagi pengundi di daerah itu antaranya menubuhkan tabung bantuan mensasarkan lima bidang utama iaitu perniagaan, sosial (kemasyarakatan), kesihatan, pendidikan serta sukan dan rekreasi.

Azli juga bercadang mewujudkan 'Tabung Wakaf' bagi membantu golongan yang memerlukan dan melaksanakan program 'Sik Makmur' guna memperkuatkhan tahap sosio-ekonomi penduduk daerah ini.

"Keperluan asas seperti bekalan air, elektrik, jalan perhubungan dan beberapa keperluan asas yang lain akan dinaik taraf.

"Membuka dan memperbanyakkan peluang dan ruang untuk golongan wanita melibatkan diri dalam bidang ekonomi serta bergiat aktif dalam masyarakat," ujarnya.

Pihaknya juga merancang memperbaiki bidang agro pelancongan tem-



Azli berucap ketika bertemu masyarakat Siam baru-baru ini.

patan dengan menjadikan Daerah Sik sebagai pusat pengeluar makanan hiliran.

"Ini sekaligus membuka lebih banyak peluang pekerjaan bagi mengurangkan penghijrahan golongan muda keluar dari kawasan Parlimen Sik," katanya.

Azli juga berhasrat membudayakan 'masyarakat peduli' dan 'masyarakat bersukan' dengan meningkatkan kesedaran umum berhubung isu persekitaran dan budaya hidup sihat.

Pihaknya juga akan memberi perhatian

serius terhadap manifesto PH yang terkandung dalam Buku Harapan iaitu menggubal dan mengkaji semula harga getah, penetapan harga getah serta formula pengiraan harga getah di pasaran.

Ini bertujuan meningkatkan taraf sosio-ekonomi golongan pekebun kecil getah di daerah ini.

Sehubungan itu, beliau menyeru pengundi dalam Parlimen Sik supaya melakukan perubahan politik dengan memberi mandat kepada PH pada PRU, 9 Mei nanti.

PPBM P. Pinang umum bertanding di Tasek Gelugor, 4 Dun

SUNGAI PETANI: Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Pulau Pinang akan bertanding satu kerusi parlimen dan empat kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14), 9 Mei ini.

Pengerusi PPBM Pulau Pinang, Marzuki Yahya berkata, calon-calon yang diketengahkan kali ini telah begitu lama komited dalam perjuangan.

Sidang media mengumumkan calon-calon yang bertanding mewakili PPBM berlangsung di Kelab Cinta Sayang, dekat sini, baru-baru ini.

Marzuki akan mewakili PPBM bagi kerusi parlimen Tasek Gelugor manakala bekas Timbalan Ketua Menteri Pulau Pinang, Datuk Seri Mohd Shariff Omar akan bertanding di kerusi Dun Permatang Berangan.

"Untuk kerusi Dun Penaga ia akan ditinggi oleh Yaacob Osman yang menerajui



Marzuki (tengah) bersama calon-calon Dun mewakili PPBM di Pulau Pinang.

kepimpinan PPBM Bahagian Nibong Tebal.

"Sementara itu bagi kerusi Dun Bertam pula akan ditandingi seorang pengamal undang-undang, Khaliq Mehtab Mohd Ishaq.

Dun Teluk Bahang yang merupakan satunya Dun di sebelah pulau akan diwakili Zolkifly Md Lazim, seorang usahawan tempatan," ujarnya lagi.

AMANAH senarai 4 calon kerusi Dun Perlis

KANGAR: Parti AMANAH Negara (AMANAH) Negeri Perlis 18 April lalu mengumumkan senarai empat calon bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (Dun) parti itu.

Pengerusi AMANAH Perlis Wan Kharizal Wan Khazim akan bertanding di kerusi N02 Beseri.

Manakala Ketua Angkatan Wanita Nasional (Awan) Perlis Che Mazlina Che Yob, 55, seorang pesara guru dicalonkan di

kerusi N05 Santan.

Bagi N06 Bintong, bekas calon Dun Bintong pada PRU13 Mokhtar Che Kassim, 52, akan bertanding di kerusi sama.

Mokhtar seorang ahli perniagaan ialah ahli jawatankuasa AMANAH Kawasan Kangar merangkap Penyelaras AMANAH Dun Bintong.

Bagi N15 Sanglang, AMANAH meletakkan Timbalan Pengerusi AMANAH Negeri Zolkharnain Abidin, 51 tahun.

Beliau juga bekas Adun Santan (1999-2004). Daripada 27 kerusi Parlimen yang diperoleh AMANAH, hanya negeri Perlis dan Kuala Lumpur tidak diberikan kerusi oleh Pakatan Harapan.

Perlis yang mempunyai tiga parlimen itu akan diwakili calon dari PPBM di kerusi Padang Besar dan Arau manakala Keadilan di Parlimen Kangar.

Hanya dua kerusi Dun diwakili pembangk-

Cicit Tok Kenali ketuai senarai calon PH di Kelantan



Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Pakatan Harapan (PH) Kelantan 24 April lalu mengumumkan tokoh-tokoh dunia pendidikan yang mewakili gabungan itu untuk bertanding dalam pilihan raya umum (PRU) 9 Mei depan.

Pengerusinya, Husam Musa berkata mereka adalah tokoh-tokoh utama yang bukan sahaja cemerlang dalam bidang masing-masing malah juga begitu dikenali sebagai pekerja sosial dan pembantu orang ramai dalam situasi bencana.

"Tokoh-tokoh kita ini seperti tidak perlu lagi saya perkenalkan, mereka begitu rapat di hati rakyat," katanya pada sidang media, dekat sini.

Mengetui senarai calon PH ialah cicit Tok Kenali, bekas profesor di kampus kesihatan USM, Dr Wan Mohd Kamil Wan Abdullah.

"Dr Kamil seorang lulusan bidang fizik dari sebuah universiti di London dan mempunyai pergaulan luas dengan tokoh-tokoh Islam antarabangsa termasuk Yusuf Islam atau Cat Steven."

"Beliau juga seorang yang begitu mesra dan mudah didekati seperti watak Almarhum Tok Kenali," katanya.

Turut diumumkan Husam ialah Datuk Dr. Abdul Halim Yusof yang bakal bertanding di parlimen Kubang Kerian.

"Beliau ialah Pakar Ortopedik terkenal di Hospital USM. Selain berkhidmat sebagai doktor perubatan, beliau juga terlibat aktif dalam kerja bantuan bencana dan kemasyarakatan," katanya.

Dua guru Yayasan Islam terkenal, Mohd Nor Yazid dan Abdul Kadir Othman turut diumumkan sebagai calon PH.

"Dua tokoh ini amat dikenali seluruh warga Yayasan Islam Kelantan (YIK).

"Cikgu Kadir begitu berjasa dalam hal pembangunan dan urusan pelaburan YIK manakala Cikgu Nor begitu banyak jasa membangunkan pendidikan Islam sepanjang pentadbiran arwah Tok Guru," katanya.

ang penggal lalu daripada 15 kerusi Dun Perlis iaitu Keadilan di Indera Kayangan dan Pas di Sanglang.

Pada PRU14 Pakatan Harapan akan meletakkan 5 calon dari Keadilan di kerusi Kuala Perlis, Indera Kayangan dan Cuping, Sena dan Simpang Empat.

PPBM memperolehi lima kerusi Dun iaitu Mata Ayer, Kayang, Tambung Tulang, Pauh dan Guar Panji manakala DAP di Titi Tinggi.

Pegawai kanan, tokoh wanita calon PH Kelantan

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KOTA BHARU: Bekas Ketua Pegawai Operasi (COO) Perbadanan Menteri Besar Kelantan (PMBK) Sanusi Othman dan Tokoh Wanita Kelantan 2015

Dr Hafidzah Mustakim diisyiharkan akan bertanding sebagai calon Pakatan Harapan (PH) di Kelantan.

Pengerusi PH negeri, Husam Musa ber-

kata dua tokoh berkenaan diperkenalkan untuk rakyat menilai kesungguhan membentuk sebuah kerajaan baru yang berkeupayaan dan berintegriti.

"Saudara Sanusi selaku pegawai tinggi yang begitu rapat dengan kerajaan mempunyai maklumat yang cukup bagi beliau membuat pilihan."

"Dengan keputusan menyertai PH jelaslah bagi beliau kerajaan yang ada sekarang tidak lagi 'valid' (mampu) untuk memberi khidmat kepada rakyat," katanya dalam satu sidang media khas, dekat sini, baru-baru ini.

Sanusi ialah pegawai kanan kerajaan negeri yang pernah bertugas sebagai Ketua Eksekutif Air Kelantan Sendirian



Sanusi Othman



Husam memperkenalkan Dr Hafidzah (paling kanan) dan Sanusi (tiga dari kiri) dalam sidang media di Kota Bharu.

Berhad (AKSB) sebelum berpindah menjadi pasukan peneraju PMBK.

"Beliau ialah adik arwah Ustaz Yahya Othman, bekas Exco kerajaan negeri yang juga Adun Pas Banggol Judah (Kemuning).

"Dalam Pas Ustaz Yahya cukup terkenal kepada seluruh ahlinya kerana beliau merupakan salah seorang Murabbi (tokoh tarbiah) yang diiktiraf," katanya.

Sanusi ketika memperkenalkan diri mengakui merasa terpanggil untuk menyertai PH bagi membentuk sebuah kerajaan baru yang berintegriti.

"Kepadaian mungkin boleh dicari dari manapun, tapi integriti tidak boleh dibuat -buat.

"Saya penuh keyakinan dengan kepimpinan PH untuk membentuk sebuah kerajaan baru yang lebih berintegriti berbanding kerajaan sekarang," katanya.

Husam kemudian memperkenalkan Dr. Hafidzah yang menurutnya seorang yang diiktiraf sebagai tokoh kebajikan dan kemajuan masyarakat.

"Anugerah tokoh wanita yang diperolehi Dr. Hafidzah dianugerahkan kerajaan Kelantan sindiri.

"Tentulah beliau ada keistimewaan besar yang membantu rakyat membina masa hadapan yang cemerlang," katanya.

Menurut sumber Sanusi bakal bertanding di Bunut Payong manakala Hafidzah di Tanjung Mas.

Rantau Panjang perlukan PBT berasingan

RANTAU PANJANG: Bakal calon Pakatan Harapan (PH) bagi Dun Gual Periok Mohd Ridzuan Muhammad berkata, pihak berkuasa tempatan (PBT) baru bagi jajahan ini akan menjadi agenda penting beliau jika diberi mandat dalam pilihan raya umum (PRU) ini.


"Sungguh menyedihkan apabila kerajaan tempatan di sini ditadbir dari Pasir Mas, banyak perkara yang menyusahkan rakyat tidak diselesaikan.

"Rantau Panjang sebagai destinasi pelancongan juga tidak dirancang pembangunannya dengan baik menjadikan bandar itu dalam keadaan tidak terurus dan menyakitkan pandangan," katanya.

Sebagai bandar sempadan katanya, PBT Rantau Panjang mesti wujud berasingan bagi membolehkan penduduk tempatan mengambil bahagian lebih cergas.

Pembinaan pusat perniagaan baharu dan perpindahan dari kawasan asal nyata telah menimbulkan masalah besar kepada peniaga.

"Pandangan peniaga dan orang ramai



Mohd Ridzuan Muhammad

mengenai perkara ini yang tidak dilayan

nyata telah memberi kesan buruk.

"Kini ramai peniaga yang gulung tikar dan kembali ke tempat mereka berniaga dahulu walaupun dalam keadaan daif," katanya.

Menurut Ridzuan, PBT yang ditadbir secara jarak jauh dari Pasir Mas juga gagal menyelesaikan masalah prasarana asas dan kawalan ternakan yang berkeliaran.

Katanya, pekan ini yang setiap tahun berlaku banjir berhadapan dengan masalah takungan air kerana longkang-longkang yang tidak diselenggara.

"Sejak kami menuju AMANAH dua tahun lalu sekurang-kurangnya dua kampung yang digenangi air sepanjang tahun kini telah berjaya kami selesaikan," katanya.

Mengenai binatang ternakan yang berkeliaran tanpa kawalan di bandar itu, beliau yang juga seorang peguam berkata, PH telah merangka cadangan penyelesaian.

"Ini melibatkan insentif bantuan kandang kepada penternak, padang ragut dan penanaman rumput untuk makanan



Perantau cuti 5 hari jika PH menang PRU14

SHAH ALAM: Pengundi Kelantan di perantauan yang pulang untuk mengundi di negeri itu boleh tinggal lima hari di kampung mereka jika Pakatan Harapan (PH) menang dalam pilihan raya umum nanti.

Pengerusi PH Kelantan Husam Musa berkata, jika PH menang, cuti dua hari tambahan akan diberikan pada hari Khamis dan Jumaat selepas pilihan raya umum yang berlangsung pada Rabu.

"Jadi tuan puhan yang balik mengundi boleh duduk dekat kampung lima hari jika menang," kata Husam dalam majlis ceramah PH dekat sini, 17 April lalu.

Husam yang juga Bendahari PH yakin kegemilangan kerjasama antara Tun Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Anwar Ibrahim akan berulang.

"Mula-mula apabila kita menang Putrajaya kita akan lantik Tun Mahathir sebagai PM, Kak Wan (Datuk Seri Dr Wan Azizah) sebagai TPM wanita pertama.

"Selepas kemenangan, PH juga akan berusaha membebaskan Anwar melalui permohonan pengampunan Diraja.

"Kita akan ulangi zaman kegemilangan negara melalui gabungan Tun Mahathir dan Anwar Ibrahim," katanya.

Melalui gabungan dua tokoh itu, beliau yakin kegemilangan ekonomi yang berkembang 8% setahun selama lapan tahun berturut-turut akan berulang.

Menurut Husam, Malaysia juga akan mengalami 'kemerdekaan kedua' apabila PH menang nanti.

"Kita akan merdeka dari penindasan (dasar-dasar pentadbiran) Najib, merdeka dari kos sara hidup yang membebankan, anak muda merdeka dari bebanan PTPTN," kata Husam.

Menurut Husam, jika terpilih sebagai ahli parlimen, beliau akan mencadangkan agar hutang mereka yang disenaraikan hitam oleh PTPTN dihapuskan.

haiwan.

"Kita yakin pengundi akan memilih PH kali ini untuk menolak regim kleptokrasi di peringkat nasional dan menyelesaikan masalah tempatan," katanya.

AMANAH Perlis yakin perubahan pada PRU14

Oleh M. NOOR HASLAM

KANGAR: AMANAH Perlis yakin akan ada perubahan besar di Perlis menjelang pilihan raya umum ke-14 (PRU14) ini, kata Pengurusnya Wan Kharizal Wan Khazim.

Menurut beliau kesepakatan dalam Pakatan Harapan (PH) Perlis kali ini mampu membawa kejutan yang tidak dijangka oleh Umno dan BN.

"Dalam PRU lalu, Keadilan berjaya menang di Dun Indera Kayangan dan Pas di Sanglang ketika berada dalam Pakatan Rakyat.

"Bagaimanapun senario politik pada ketika ini amat jauh berbeza dengan apa yang ada dalam PRU ke-13 lalu.

"PH mampu membawa kejutan yang tidak disangka-sangka oleh BN menjelang PRU Mei nanti," katanya yakin.

Beliau yang juga Timbalan Pengurus PH Perlis menambah, komitmen yang ditunjukkan oleh kesemua parti komponen PH di Perlis amat memberangsangkan.

Malah katanya, bukan saja gerak kerja dilaksanakan secara konsisten, sebaliknya sokongan akar umbi semakin bercambah.

"Bagi kerusi Dun Beseri yang pernah saya tandingi atas tiket Pas dalam PRU



Wan Kharizal Wan Khazim

yang lalu, BN hanya menang dengan kelebihan 540 undi.

"Tapi kali ini, angin (mood) rakyat sudah berubah, mereka semakin muak dengan pelbagai kerenah pimpinan Umno dan BN sama ada di peringkat negeri maupun peringkat pusat.

"Yang penting bagi rakyat adalah perubahan kepimpinan negara daripada BN kepada PH sebagai pemerintah," ujarnya lagi.

Jelas Wan Kharizal, majoriti 121 undi yang diperolehi Pas bagi kerusi Dun Sanglang dalam PRU lalu bukan suatu kesukaran bagi AMANAH dan PH.

"Calon AMANAH yang mewakili PH akan memastikan majoriti yang begitu tipis dalam PRU lalu bagi kerusi Dun Sanglang, dapat ditingkatkan.

"Walaupun hanya empat kerusi yang ditandingi oleh AMANAH kali ini, kita optimis komponen lain yang ada seperti PPBM, Keadilan dan DAP mampu menggembung segala jentera yang ada bagi memenangkan calon PH.

"Kesungguhan ini telah pun terbukti dengan kerjasama yang erat dalam pelbagai program dan aktiviti yang telah dan sedang dilaksanakan," katanya lagi.



Wan Kharizal turun padang berkempen bagi memberi penerangan dari rumah ke rumah.



Menyantuni pelbagai golongan masyarakat di Perlis saban waktu.

Mufti Perlis dahului senarai dilabel 'pembenci tegar Pas'

KUALA LUMPUR: Laman kumpulan Facebook penyokong tegar Pas, Buletin Istiqomah menyelar tujuh ahli akademik yang sebelum ini mengkritik parti tersebut sebagai golongan 'pembenci tegar Pas'.

Menduduki senarai teratas lalah Mufti Perlis, Datuk Dr Mohd Asri Zainul Abidin diikuti pensyarah fekah dan usul fiqh, Dr Rozaimi Ramle dan jurulatih debat Qatar Foundation, Ustaz Salman Ali.

Turut disenarai penganalisis Wan Ahmad Fayhsal Wan Ahmad Kamal; Pengarah Akademik Yayasan Pendidikan Khalifah, Ustaz Hasrizal Abdul Jamil dan penceramah Ustaz Abu Syafiq Al-Asty'ary.

Tidak ketinggalan 'disenaraihitam' oleh penyokong Pas menjelang Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) IALAH pensyarah politik Universiti Kebangsaan



Malaysia (UKM), Prof Madya Datuk Dr Agus Mohammad Yusoff.

"Senarai di atas itu adalah golongan pembenci tegar Pas. Anda hanya membuang masa anda, tenaga anda di page mereka."

"Jika anda ingin mengkritik kenyataan mereka, buat posting baru secara baik, snap shot sahaja posting mereka dan kritik satu persatu secara ilmiah kenyataan mereka."

"Kita tahu kecerdikan mereka selaku

ahli akademik yang bertitle Dr menjadi tumpul apabila mereka memberikan kenyataan mengenai Pas disebabkan mereka sudah membenci Pas," dakwa pentadbir kumpulan itu.

Walau bagaimanapun selepas lapan jam senarai tersebut dimuat naik, rata-rata komentar mengkritik kembali sikap Pas termasuk mempersoal kewajaran parti itu membantu kemenangan BN pada PRU-14 ini.

Antaranya, Noor Syamimi Abdullah yang berpendapat Pas perlu bersikap terbuka menerima teguran golongan ahli akademik memandangkan parti itu tidak sempurna.

"Ahlinya pun sama (tidak sempurna). Yang sempurna hanyalah Islam. Jadi tidak salah sekiranya kita terbuka."

"Bagi saya akhlak dan keterbukaan adalah bonus bagi penyokong Pas untuk

menunjukkan parti ini boleh membentuk masyarakat yang baik menurut sisi Islam," ujarnya.

Sementara itu, Abdul Ghani berkata, parti-parti pembangkang wajib berpaktak untuk menjatuhkan regim kleptokrat BN yang wajib dilakukan menuju Islam kerana bencananya lebih besar.

Menurutnya, dari sudut awlawiyat syar'iyah Pakatan Harapan (PH) wajib dimenangkan demi perjuangan mendaulatkan Islam kerana PH berkebolehan menggantikan BN berbanding Pas yang kehilangan posisi strategik.

"Pas perlu merehatkan diri dan merawat diri, tidak memecahkan undi rakyat demi menunaikan kewajiban menjatuhkan kezaliman BN," tegas Abdul Ghani lagi.

A vote spoilt is a vote wasted

“ You will never have a perfect party, perfect leaders with perfect manifestos and perfect visions to support, and rather than wait in vain for that to arise, vote for the system you want... ”

By CHEW JIAN LI

THIS will be my final letter to Hafidz and the #UndiRosak campaign. I will be busy over the coming weeks with writing up my project paper and finishing university.

I have whitewashed the wrongs and evils of Mahathir in my previous articles, not out of ignorance, but due to lack of space and to push forward my other points. I am very aware of the corruption, embezzlement and scandals perpetrated by Mahathir, all of which you have stated and laid bare. I am very aware that the current state of Malaysia was due to in no small part to this man.

But, I am also aware of this:

Mahathir is the best person to obtain the rural Malay vote that has so eluded PH. Mahathir, the devil of the past, is the best person to take down Najib, the devil of the present.

Mahathir is the man who so frightens Najib that Najib rushed through the lopsided redelineation report, deregistered PPBM and held polling day on a Wednesday to depress turnout. All this shows me that despite the bravado and confidence BN exudes, they are truly terrified of losing power.

I had, and still have, no love for Mahathir. However, the fact that the opposition which hated him has rallied behind him and named Mahathir as its Prime Minister-designate, which in your eyes is the ultimate hypocrisy, is the recognition of the ultimate fact that there are no permanent friends and enemies in politics.

If you find it distasteful that opposition leaders are standing with Mahathir, just imagine how they must have felt, people who suffered decades of harassment, humiliation and even imprisonment under the Internal Security Act.

I have read that it took Anwar's family months to accept Mahathir's role in PH and the leadership of the coalition, and if they can accept him, I can too. Seeing Mahathir swallow his pride, stand against the



coalition which he led and controlled and risk everything instead of enjoying his retirement in comfort and silence, I have developed a grudging respect for him.

Hafidz has said that the #UndiRosak campaign favours nobody, and that it is sending a message to BN, PH and Pas.

I disagree that the campaign favours nobody as encouraging people to spoil their vote or to not turn up is an effective way for campaigns to nullify key voting blocks, as it is easier to convince voters dead-set against you to not vote rather than swing them towards your side.

Therefore, Trump's victory and Brexit were the result of disillusioned young voters refusing to vote for either side, who now are forced to live with the consequences of their actions.

The reason that PH supporters are so hostile to #UndiRosak is that they know who most stands to benefit from a well-organised, well-exposed campaign aimed at young, urban voters, who are overwhelmingly anti-establishment, to spoil their votes.

They also know that it is a key strategy of Cambridge Analytica, who were employed by the Trump campaign as well as BN in the last general election.

For Hafidz to think that #UndiRosak will send a message to all parties is naïve. BN

does not and will not care what you tell them as long as they win their seats and stay in power, enjoying all the perks and easy money that come with it.

PH already has difficulty accessing key voting blocks, namely Felda settlements, rural areas and the urban poor and will not focus on the message #UndiRosak wants to send over them.

PAS is a dead man standing. Hafidz's point on Umno and MCA wrangling over Wangsa Maju proving the effectiveness of spoiling votes is flawed, as this is BN infighting over who will run in the election which does not involve the wider electorate.

I believe that overall public support for #UndiRosak is low, a view supported by INVOKE Malaysia's big data analysis, but we will see on 10 May how effective the campaign is.

Hafidz's point that PH is led by a 93-year old man ignores the fact that Mahathir has agreed to step down in favour of Anwar, and that PH contains many young, dynamic leaders who have been honed over the last ten years that will lead the coalition into the future, certainly far more than a BN led almost entirely by old and aging men.

The fact that the population is unable to choose the leaders of state assemblies

and the prime minister is due to Malaysia having a Westminster parliamentary system, and to change this will require the Constitution to be amended, nay, completely rewritten.

It can be part of the structural reforms you so desperately want under PH, but I can guarantee 100% that BN will not do so.

Hafidz, I cannot wait another five years for PH to reach the lofty standards you hold them to. I cannot wait for BN to continue embezzling this nation's wealth, push division and hate, pass more laws that restrict our freedoms and rights and to vindicate a Prime Minister who has been guilty of perpetrating one of the greatest financial scandals of all time.

While you take issue with PH's economic manifesto, the Selangor and Penang governments have a track record of being well-managed, transparent, financially sustainable and with many people-oriented programmes. Both governments were voted in despite having unrealistic manifestos and lacking experience as the electorate were well and truly sick of BN.

If voters in 2008 spoilt their votes or didn't turn up because they were unsure of the unproven and untested opposition, Malaysia would not have had the last ten years of rapid political development, and we would still be living under a near-invincible BN government.

To anyone thinking of spoiling their vote or not voting, we are on the edge of a new Malaysia. Our current path is unsustainable, and though PH isn't going to give you all the change and structural reform you want, some change is better than no change at all.

You will never have a perfect party, perfect leaders with perfect manifestos and perfect visions to support, and rather than wait in vain for that to arise, vote for the system you want.

Vote for a two-party system, a politically mature environment where both parties are held in check by strong, independent institutions, where political debate is driven by ideology rather than identity politics, and where elections are free and fair.

This is the best chance we have and may ever have, and we cannot wait for another five years. Your spoilt vote will be lost amidst the millions of other votes. You will send no message at all. Ultimately, you will only contribute to maintaining and supporting our current, broken regime.

■ Chew Jian Li is an FMT reader.

Khaled should worry about his own political career

JOHOR state chief Khaled Nordin's warning to Johoreans to not 'experiment' with Pakatan Harapan has shown his lack of confidence in BN's ability to retain the state.

His concerns, however, are valid as voters in Penang and Selangor have not regretted their 'experiment' with Pakatan in 2008 and increased their support for us in 2013.

When we first won in 2008, then Pakatan Rakyat took 29 out of 40 State seats in Penang. While in Selangor, voters gave a comfortable 34 out of 56 State seats to Pakatan.

At the Parliamentary level, Pakatan won 9 out of 13 seats in



Khaled Nordin

Penang and 16 out of 22 seats in Selangor.

After 5 years of Pakatan rule,

But instead of worrying about us, Khaled should be more concerned about his own political career. For breaking away from the BN norm of one candidate for one seat, Khaled has been named for 2 this morning - Pasir Gudang and Permas..."

voters returned an even stronger mandate to Pakatan in the 2013 elections. In Penang, voters increased Pakatan's share of state seats to 30 while in Selangor the number was raised to 44, an additional 10 seats.

Similarly in Johor, after witnessing Pakatan's rule in Selangor

and Penang, voters increased our tally from 1 Federal seat to 4 while at the State level, Pakatan's tally tripled to 18.

As such, his fears that Johoreans will desert BN in GE14 are valid.

But instead of worrying about us, Khaled should be more concerned about his own political career. For

breaking away from the BN norm of one candidate for one seat, Khaled has been named for 2 this morning - Pasir Gudang and Permas.

Could this be a move by BN to end Khaled's MB career after "trying their luck" with him after just one term?

Joint press release by Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Pengerusi PAKATAN HARAPAN Johor; Datuk Dr Shahruddin Md Salleh, Pengerusi PPBM Johor; Aminolhuda Hassan, Pengerusi AMANAH Johor; Hassan Karim, Pengerusi Keadilan Johor; and Liew Chin Tong, Pengerusi DAP Johor.

Pas shouldn't waste time and money in Sarawak

By KS PAUL

SARAWAK Pas has been almost dormant since Pakatan Rakyat was disbanded due to the open conflict between the Islamist party and DAP.

For the past three years or so, Sarawakians have not heard much from the party's leaders and members.

Only its Miri branch issues press statements from time to time, and most of the issues raised are local.

Suddenly, we heard that Pas will be fielding candidates in five parliamentary seats this election: Petra Jaya, Kota Samarahan, Batang Sadong, Batang Lutar and

Sibuti. What's more, the party is ambitious: it is going after the big names in Sarawak.

The incumbents in Petra Jaya, Batang Sadong and Batang Lutar are federal ministers Fadillah Yusof, Nancy Shukri and Rohani Abdul Karim.

They will be challenged by Pas candidates Hamdan Sani (Petra Jaya), Asan Singkro (Batang Sadong), and Wan Abdullah Wan Ahmad (Batang Lutar).

The two other Pas candidates are Zulkiflee Ramzi (Kota Samarahan) and Zulaihi Bakar (Sibuti).

Most of the candidates are reportedly entrepreneurs, whose names were unheard of until now.

It is fair to say that even PKR, which is more established in Sarawak than Pas, would have difficulty in these five seats despite also being a component party of Pakatan Harapan.

The chances of unseating the PBB incumbents are almost zero. PBB, the backbone of Sarawak Barisan Nasional, has never been defeated in these five seats.

So where does Pas stand in the scheme of things?

Its president Abdul Hadi Awang's statement on the decision to field candidates in those areas is also confusing.

"The decision was made out of respect for the reality in Sarawak. There

are many Bumiputera non-Muslims who still do not know about the Islamic concept, and the number of Muslims is as such (not many).

"So we are fielding candidates according to the number of Muslims (in the state). We want to introduce mature politics," he said after the announcement.

Many are unsure what the Pas president was trying to explain. The five seats chosen by his party also have a good mix of non-Muslims.

Perhaps Hadi is still unfamiliar with one 'reality' in Sarawak: Malays and Muslims in the state are totally different from those in Malaya. There are no extremists and bigots

among Sarawak Muslims, unlike in the peninsula.

Politicians in Sarawak hardly bring up religious issues, even during fierce electoral campaigns. It is an unwritten no-no in Sarawak politics.

Here's another thing for Pas to consider: five candidates need RM50,000 as election deposits. Perhaps the party should consider spending the money on scholarships for needy students instead.

When you have zero chance of winning, why waste your time and resources?

Over to Pas.

KS Paul is an FMT columnist.

Najib have not learnt the lesson

By LIM KIT SIANG

PRIME Minister Datuk Seri Najib Razak's poetic swipe at Tun Dr. Mahathir Mohamad illustrates that Najib have not learnt the lesson that he may have the world's most expensive strategists and propagandists, but money cannot buy wisdom.

In a poem dedicated to his predecessor Tun Abdullah Ahmad Badawi, Najib took a poetic swipe at his nemesis Tun Mahathir Mohamad and the Selangor Pakatan Harapan state government, while praising the loyalty of Tun Abdullah.

This is the latest example of Najib continuing to receive bad advice from his highly-paid strategists and propagandists.

The come-back had been swift and lethal, with Umno veteran and former Minister Datuk Seri Zainuddin Maidin

The come-back had been swift and lethal, with Umno veteran and former Minister Datuk Seri Zainuddin Maidin reminding Najib that he had betrayed Abdullah or he would not be the sixth Prime Minister of Malaysia..."

Datuk Seri Zainuddin Maidin reminding Najib that he had betrayed Abdullah or he would not be the sixth Prime Minister of Malaysia.

During the 2004 General Election, Abdullah campaigned as modern-day Justice Pao to fight corruption and abuses of power.

Is Najib suggesting that Abdullah has become a loyal and fervent supporter of Najib's dubious "accomplishment" - making Malaysia a global kleptocracy? Let Abdullah say so himself - that he supports Najib in the

1MDB scandal, which has made Malaysia into a global kleptocracy.

It is unwise for Najib to launch the latest attack on Mahathir for Najib serves to underline the great question in the 14GE - whether one should remain loyal to persons and political parties even when these persons and political parties have betrayed their founding principles, becoming arrogant and corrupt, or whether one should be loyal to truth, justice and freedom.

I had worked with three of the six Prime

Ministers of Malaysia after they had stepped down from the highest office of the land - Bapa Malaysia Tunku Abdul Rahman, the third Malaysian Prime Minister, Tun Hussein Onn and the fourth Prime Minister, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Tunku Abdul Rahman, Hussein and Mahathir have collectively held the Prime Minister's post for some 40 of the 61 years of Malaysian history, i.e. or about two-thirds of the nation's history.

Surely, Najib is not suggesting that Tunku Abdul Rahman, Hussein and Mahathir became traitors when they stepped down as Prime Minister and co-operated with DAP in the cause of truth, justice and freedom for Malaysia?

Lim Kit Siang is DAP veteran leader.



Ribuan penduduk Jempol menbanjiri ceramah PH menjelang PRU14.

Undi Pas sama dengan undi BN Undi BN sama dengan undi Jho Low

Oleh ARIF ATAN
Foto WAN ZAHARI WAN SALLEH

JOHOL: Setiausaha Agung Keadilan, Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata, mengundi Pas atau BN pada PRU-14 sama sekali tidak menguntungkan rakyat.

"Rugi kalau undi Pas. Undi ini sama dengan undi BN. Ini bukan satu pilihan," tegasnya sambil menunjukkan logo Pas pada paparan skrin.

Beliau berkata demikian dalam ceramah Jelajah Felda Selamatkan Felda di Dewan Undangan Negeri (Dun) Johol, 21 April lalu.

Sejurus itu, lambang dacing kemudiannya terpampang spontan mengundang sorakan kira-kira 10,000 hadirin.

"Jeling pun jangan (logo BN). Ke-

pada orang Umno, satu saja pesanan. Setiap undi bererti undi kepada Jho Low.

"Cukuplah. Lama sangat dah. Kita bagi BN berehat. Kita mengenang 60 tahun dia bekerja kuat. Jadi, kita relhatkan dia untuk lima tahun," katanya di Air Mawang yang terletak di bawah Parlimen Kuala Pilah.

Sebaik logo Keadilan muncul, beliau mengingatkan lambang yang sinonim dengan Datuk Seri Anwar Ibrahim itu adalah mewakili Pakatan Harapan (PH).

"Ini simbol gabungan empat parti selepas permohonan kita untuk satu logo yang sama tidak diluluskan. Pilihan raya kali ini, rakyat lawan Umno-BN.

"Dalam kertas undi adalah hitam putih. Tiada warna biru muda. Jangan salah pangkah bulan," ujarnya sekali

lagi.

Saifuddin selanjutnya berkata, pilihan tepat pada 9 Mei akan membolehkan PH mendapat mandat di Putrajaya.

"Dapat kertas undi nanti, pada yang Muslim, baca Bismillah sebut 'undi aku ini untuk masa depan yang lebih balik.'

"Ini supaya pada pagi 10 Mei nanti – Selamat Pagi Putrajaya," tambahnya diikuti paparan skrin menayangkan wajah Tun Mahathir, Anwar bersama Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.

Hampir RM6,000 kutipan sumbangan orang ramai diperoleh dalam siri jelajah yang berakhir pada jam 11.40 malam.

Untuk rekod, terdapat 557,137 pemilih berdaftar di Negeri Sembilan yang bakal membuang undi pada 9 Mei ini.



Rakyat yang mahukan perubahan diingatkan tidak memangkah lambang bulan atau dac-ing di kertas undi pada 9 Mei ini.



Wajah pelbagai bangsa dan agama di ceramah Jelajah Felda Selamatkan Felda.



Naib Presiden AMANAH Dr Hasan Baharom turut hadir.



Saifuddin mengingatkan pengundi bahawa satu undi untuk Pas bermakna satu undi untuk BN.

Calon PH Kepala Batas fokus kesihatan

Oleh MOHD ALI HASHIM

KEPALA BATAS: Pakatan Harapan (PH) Kepala Batas berjanji akan memberikan tumpuan kepada kesihatan rakyat jika menang dalam pilihan raya umum (PRU) ini sesuai dengan kerjaya calonnya, seorang doktor pakar.

Calon PH Parlimen Kepala Batas, Dr Zaidi Zakaria berikrar menaikkan taraf Hospital Kepala Batas sebagai hospital pakar ketiga selepas Hospital Pulau Pinang dan Hospital Seberang Jaya.

Beliau juga mahu mewujudkan jabatan ataupun disiplin baru di Hospital Kepala Batas jika PH diberi mandat memerintah negara.

"Selain dari itu kita juga akan berusaha mewujudkan Pusat Perubatan Geriatric atau Pusat Perubatan dan Pemulihan Warga Emas.

"Perubatan Geriatric telah lama wujud di negara-negara maju, manakala Hospital Pakar Kepala Batas kelak akan menjadi perintis atau hospital pertama kerajaan yang mengadakan perubatan Geriatric.

"Disamping itu kita juga akan mewujudkan Hospital Perubatan Wanita dan Kanak-Kanak Pulau Pinang @ Women and Children's Hospital di Kepala Batas," ujarnya lagi.

Beliau juga berhasrat meningkatkan kemudahan yang ada supaya setaraf dengan Hospital Wanita

dan Kanak-Kanak Kuala Lumpur (WCH KL).

Malah tegasnya lagi, buat ketika ini perkhidmatan perubatan di Hospital Pakar Seberang Jaya tidak mempunyai Paediatric Intensive Care Unit.

"Perkhidmatan tersebut setakat ini hanya terdapat di sebelah pulau iaitu di Hospital Pulau Pinang.

"Ini merupakan antara beberapa kekurangan yang masih terdapat di Kepala Batas dan harus dilaksanakan agar ia dapat membantu penduduk dan pengundi dalam kawasan ini bagi mendapatkan rawatan sedemikian.

"Jika PH menang, kita optimis banyak lagi perubahan yang mampu dilakar bagi manfaat penduduk dalam kawasan Parlimen Kepala Batas tidak lama lagi," tegasnya.

PH juga, jelas beliau akan mewujudkan cawangan-cawangan universiti awam dan IPTA di Kepala Batas khususnya pengajian Islam.

"Kita akan mengembangkan SMKA Irshad dengan mewujudkan SMKA Irshad 2.

"Mewujudkan dan mempelopori Sekolah Rendah, Sekolah Kebangsaan Agama @SK Irshad yang lebih Moden.

"Sekolah ini akan lebih praktikal, dinamik dan resonan dengan perkembangan ilmu agama dan dakwah semasa," tambahnya lagi.



Dr Zaidi Zakaria



Bersama Naib Presiden Keadilan Rafizi Ramli berkempen menemui penduduk.



Dr Zaidi ketika turun padang berkempen di Kepala Batas.

PROMOSI TERBARU!!

**JOM IKLAN DENGAN
MINGGUAN AMANAH
SERENDAH RM500
SATU MUKA**

**Mingguan Amanah
meluas ke Singapura,
Sabah dan Sarawak**

**Percuma Mingguan
Amanah setiap keluaran
untuk anda**

**UNTUK PAKEJ
IKLAN YANG
LAGI MENARIK
HUBUNGI:
011 3233 4322**

10 Sumber dana Pas dari poket ahli diragui

13 Umno langgar perlumbagaan tangguh pemilihan

14 Makan nasi tanpa lauk untuk jimat belanja

Undi BN sama dengan undi Jho Low

ms30

PP18978/03/2016(034450)

Amanah Mingguan

BIL 100 | 29 APRIL - 5 MEI 2018


WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGRIB	ISYAK
29.04.18	5:35	5:45	7:03	1:13	4:31	7:20	8:31
30.04.18	5:35	5:45	7:03	1:13	4:31	7:20	8:31
01.05.18	5:35	5:45	7:03	1:13	4:31	7:20	8:31
02.05.18	5:34	5:44	7:03	1:13	4:31	7:20	8:31
03.05.18	5:34	5:44	7:02	1:13	4:31	7:20	8:31
04.05.18	5:34	5:44	7:02	1:13	4:32	7:20	8:31
05.05.18	5:33	5:43	7:02	1:13	4:32	7:20	8:31

TSUNAMI RAKYAT JOHOR



ORANG ramai memenuhi perhimpunan PH di Muar, Johor baru-baru ini. Ia adalah signal nyata tsunami rakyat akan berlaku.

TSUNAMI rakyat sudah bermula di Johor, kata penganalisis politik walaupun sebulan lalu beliau menjangkakan BN masih boleh mengekalkan negeri yang menjadi pangkalan Umno itu.

Kerana bimbang dengan kedudukan negeri, menteri besar Johor, Khaled Nordin sendiri telah mengumumkan akan bertanding dua kerusi iaitu negeri dan parliment dalam pilihan raya kali ini.

→ **Laporan penuh**
muka 2

Dr M umum cuti 10, 11 Mei jika PH menang

PENGERUSI Pakatan Harapan (HARAPAN) Tun Dr Mahathir Mohamad mengumumkan 10 dan 11 Mei akan diisytiharkan sebagai cuti umum sekiranya gabungan pembangkang itu memenangi pilihan raya

umum ke-14 (PRU14).

"Saya tak suka cuti tapi saya sedar orang lain suka cuti. Tapi ini kali, ini kali sahajalah," kata bekas perdana menteri itu dalam taklimat kepada calon HARAPAN di Petaling Jaya

petang Selasa lepas.

Memandangkan hari mengundi (Rabu, 9 Mei) diisytiharkan sebagai cuti umum, Mahathir berkata rakyat Malaysia akan berehat lima hari jika HARAPAN memenangi

Putrajaya dengan mengambil kira cuti pada hujung minggu.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) sebelum ini menetapkan 9 Mei sebagai hari mengundi dan 28 April sebagai hari penamaan calon.

Ketetapan hari bekerja sebagai hari mengundi menerima kritikan daripada pembangkang kerana didakwa menyukarkan pengundi untuk menunaikan tanggungjawab mereka.



**TEMUI 50 RIBU PEMBACA
MINGGUAN AMANAH
ANDA!!!**

**UNTUK PAKEJ IKLAN
MENARIK HUBUNGI
01132334322**